JABATAN AUDIT NEGARA

LAPORAN 20 TAHUNAN 21

Jabatan Audit Negara



KANDUNGAN

05 PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA

09 INFO KORPORAT

31 PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA

103 SEKTOR AUDIT KEWANGAN

115 SEKTOR AUDIT PRESTASI

143 SEKTOR AUDIT PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

157 JABATAN AUDIT NEGARA NEGERI

209 SEKTOR PENGURUSAN

257 ARTIKEL DAN PENERBITAN

263 AKTIVITI SOSIAL

325 ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

337 JASAMU DIKENANG

352 PENUTUP

Rasional Tema

Together We Deliver



"Berganding bahu, berpadu tenaga dan bersatu hati bersama menjalankan kerja-kerja berkenaan secara satu pasukan yang mantap. Pepatah Melayu ada menyatakan yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing"

Petikan: *Amanat Ketua Audit Negara pada 11 Mei 2022*

YBhg. Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid
Ketua Audit Negara



Story of the day / NEWS | 7

MM2H programme management had weaknesses, security risks

Beberapa pegawai disyaki terlibat kes duit peruntukan KPWKM hilang

RM543,088 wang awam lesap

Laporan Audit 2019



Nik Azman (kanan) menyerahkan Ikhtisarnya. Untuk Che Isa (Che Kub) merupakan Audit Laporan Ketua Audit Negara 2019 dan 1 sebagai menerbitkan laporan dan di Putrajaya semalam.



Nik Azman (kanan) memperlihatkan buku Laporan Audit Negara Tahun 2019 pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI

73 syor dikemukakan

Syor dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri I yang dibentangkan di Parlimen semalam

PUTRAJAYA

Costly loss to the govt

A-G: Improve coordination between ministries to stop wastage



Detailed information: Nik Azman holding copies of the 2019 A-G report during a press briefing in Putrajaya

PERUTUSAN

KETUA AUDIT NEGARA



Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid
Ketua Audit Negara

Perutusan Ketua Audit Negara

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahhiwabarokatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya Laporan Tahunan Jabatan Audit Negara Tahun 2021 (LT JAN 2021) telah selamat diterbitkan. Syabas diucapkan kepada Sidang Pengarang yang telah bertungkus lumus menyiapkan LT JAN 2021 ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada seluruh warga Jabatan Audit Negara (JAN) kerana memberikan kerjasama yang baik bagi menerbitkan laporan tahunan ini. Laporan ini penting sebagai titipan sejarah dan menjadi medium untuk kita merakamkan pelbagai aktiviti, sumbangan, kejayaan dan pencapaian JAN sepanjang tahun 2021.

Tahun 2021 adalah merupakan tahun yang mencabar bagi JAN dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat Malaysia. Seperti sedia maklum, pandemik Covid-19 telah mengubah pendekatan dalam melaksanakan tuntutan tugas masing-masing yang mana sebelum ini kita semua bebas ke mana-mana tanpa sekatan.

Oleh yang demikian, JAN telah menggunakan teknologi yang sedia ada antaranya Google Meet, Zoom, Icewarp dan sebagainya bagi melaksanakan tanggungjawab yang perlu dilunaskan. Pelbagai rintangan dan dugaan telah kita harungi sepanjang tahun 2021, antaranya ialah Proklamasi Darurat, Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi memenuhi kehendak dan kemahuan *stakeholders* dalam perkhidmatan yang diberikan oleh JAN. Sebagai anggota Perkhidmatan Awam kita perlu terus memberikan komitmen bagi memastikan sistem penyampaian Kerajaan tidak terjejas serta berteraskan undang-undang dan dasar Kerajaan yang diputuskan dari semasa ke semasa. Ini adalah selaras dengan saranan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dalam kenyataan media "Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan Sepanjang Proklamasi Darurat" pada 12 Januari 2021.

Segala tugasan yang telah diamanahkan perlu dilaksanakan walaupun terdapat pelbagai kekangan dan halangan untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu ini. JAN komited dalam mendukung konsep *neutrality* dan *government of the day* berlandaskan rule of law. JAN sentiasa sedaya upaya melaksanakan semua dasar yang telah diputuskan dan tanggungjawab yang telah diikrarkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik, terutama dalam tempoh yang sangat mencabar ini.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi, walaupun menghadapi cabaran dan dugaan bagi menangani penularan wabak COVID-19, pada tahun 2021 JAN telah berjaya melaporkan 29 Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang mengandungi 103 tajuk pengauditan, iaitu tiga di peringkat persekutuan dan 26 laporan di peringkat negeri. Kesemua LKAN tersebut telah

dibentangkan sebanyak dua siri di Parlimen serta Dewan Undangan Negeri.

Pencapaian ini adalah hasil pengauditan terhadap 313 Penyata Kewangan dan 47 Pengauditan Pematuhan di Kementerian/Jabatan/Agensi peringkat Persekutuan dan Negeri. Di samping itu, 38 program Pengauditan Prestasi meliputi program/projek/aktiviti di peringkat Persekutuan dan Negeri serta pengauditan terhadap 18 Syarikat Kerajaan yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Secara keseluruhannya, 430 syor telah dikeluarkan bagi tindakan penambahbaikan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan yang terlibat.

Meskipun cabaran yang agak getir telah dilalui, JAN masih mampu dapat memperbaharui penambahbaikan terhadap LKAN dengan memperkenalkan satu infografik sebagai ringkasan keseluruhan LKAN tersebut. Ini adalah satu inisiatif ke arah penambahbaikan LKAN agar ianya menarik minat *stakeholders* untuk mengetahui intipati keseluruhan LKAN yang dibentangkan.

Selain itu, JAN sedang dalam proses membangunkan Projek Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan Audit Negara. Projek ini adalah bertujuan memperkukuh perkhidmatan audit dari segi dasar, hala tuju, pendekatan audit dan keupayaan sumber selaras dengan perubahan dasar dan teknologi baharu ke arah pendigitalan yang mampan. Melalui projek ini, JAN akan menyediakan platform data warehouse yang berfungsi sebagai penyimpanan data secara bersepadu bagi memudahkan pengauditan dilakukan.

Meskipun terdapat keterbatasan pergerakan serta cabaran yang dilalui, sebanyak 65 program/aktiviti meningkatkan jalinan kerjasama antarabangsa telah berjaya dilaksanakan secara maya. Aktiviti ini dilaksanakan bagi menyokong pencapaian visi Jabatan sebagai institusi audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa. Sumbangan JAN kepada institusi audit peringkat antarabangsa tidak terbatas di situ sahaja kerana tujuh pencapaian dan impak telah dicapai, antaranya:

i. Dipilih sebagai ASOSAI *Governing Board Member* (2021-2024).
ii. *Chair of* ASOSAI *Special Committee on Establishing The Working Group On State-Owned Enterprise.*
iii. Dilantik sebagai ahli baharu dalam tiga INTOSAI *Working Groups* dan tiga *Work Streams*.
iv. Penubuhan *Working Committee on International Affairs* (WCIA) di peringkat JAN.
v. Kejayaan penganjuran 6th ASEANSAI *Senior Officials Meeting*.
vi. Penyerahan kepengerusian ASEANSAI oleh Malaysia (2019-2021) kepada Myanmar (2021-2023).
vii. Penyertaan aktif pegawai JAN dalam program antarabangsa.

Di samping itu, JAN juga telah diiktiraf sebagai ACCA *Approved Employer* dan CPA *Australian Recognised Employer*. Sekalung tahniah dan terima kasih kepada para pegawai yang telah berusaha gigih untuk menjayakannya.

Semua kejayaan yang kita kecapi pada tahun 2021 tidak akan dapat direalisasikan tanpa memiliki modal insan yang berkompetensi serta mempunyai nilai profesionalisme yang tinggi. Ini adalah salah satu usaha yang berterusan daripada Akademi Audit Negara (AAN) yang merupakan sebuah pusat latihan kepada warga JAN. AAN telah merangka pelbagai program latihan yang bersifat fungsional dan generik untuk warga JAN. Meski terpaksa bergelut dengan suasana penularan wabak serta pelbagai *Standard Operating Procedure* (SOP), AAN berjaya juga melaksanakan 64 kursus di bawah lima program iaitu Pengauditan, Perakaunan, IT, Pengurusan dan Antarabangsa.

Semoga kejayaan yang telah dicapai tidak terhenti setakat ini sahaja. Untuk itu, kita perlu berusaha lebih gigih lagi bagi mengekalkan apa yang telah kita capai pada tahun 2021 dan juga mencipta kejayaan yang baru untuk tahun-tahun yang mendatang.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JAN atas segala sumbangan jasa dan bakti dan komitmen yang diberikan demi memastikan JAN sentiasa berada di landasan betul dalam mencapai visi dan misi serta objektifnya. Diharap kita semua dapat memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan walaupun cabaran dan dugaan datang melanda dalam mendukung prinsip ketelusan, integriti dan akauntabiliti. Semoga Allah SWT memberi kekuatan kepada kita dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid
Ketua Audit Negara

Nasional

SPRM digesa siasat kelewatan Sistem uCustoms JKDM

MCW khuatir wujud elemen rasuah, salah guna kuasa



Jais Abdul Karim

KUALA LUMPUR - Kekangan kewangan menjadi antara faktor Felda hanya mampu memulakan pembinaan sebanyak 8,314 unit rumah projek Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) berbanding sasaran sebanyak 20,000 unit.

Felda dalam satu kenyataan di sini semalam berkata, projek yang diumumkan pada 2013 dijanjikan peruntukan kepada Felda sebanyak RM1.5 billion.

Namun sehingga 2017, Felda hanya menerima sebanyak RM200 juta daripada kerajaan ketika itu dan telah membelanjakan sebanyak RM710 juta termasuk melalui dana dalaman untuk melaksanakan projek berkenaan.

"Felda hanya mampu memulakan pembinaan sebanyak 8,314 unit rumah sahaja berbanding sasaran sebanyak 20,000 unit pada waktu itu. Hanya 648 unit yang berjaya diserahkan kepada pemilik sehingga Mei 2018," menurut kenyataan itu.

Isnin lalu, Laporan Ketua Audit Negara Siri 2, 2018 mendedahkan prestasi PGBF menghampakan kerana setakat 30 April 2019, hanya 1,498 rumah disiapkan berbanding sasaran sebanyak 20,000 rumah untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun mulai 2013.

Menurut kenyataan Felda itu lagi, menyedari masalah yang membelenggu projek PGBF, kerajaan telah mengumumkan Kertas Putih Felda di Parlimen pada 10 April lalu dan sebanyak RM250 juta diperuntukkan tahun ini untuk menyiapkan sebanyak 4,794 unit projek perumahan tersebut yang sudah 70 peratus dibina.

Dengan suntikan dana itu, Felda berkata, pihak pengurusannya telah menjalankan kerja-kerja membangunkan semula projek PGBF di 20 tapak yang dikenal pasti. - *Bernama*

4 | NEWS / Nation

FOLLOW UP TO AG'S REPORT

MACC PANEL TO PROBE INTO uCUSTOMS

Customs' RM273m computerised system paid for but not delivered since 2013



Nasional

Laporan Ketua Audit Negara 2019

KDN siasat ketirisan dua agensi

Badan khas dirubah ambil maklumat laporan audit isu perbelanjaan



Siasatan sedang dijalankan

Kita tubuhkan jawatankuasa dan ambil segala maklumat daripada laporan audit berkenaan.

INFO
KORPORAT

- VISI
- MISI
- OBJEKTIF
- PIAGAM PELANGGAN JAN
- DASAR & OBJEKTIF KUALITI
- SLOGAN KUALITI
- NILAI UTAMA
- KOD ETIKA JURUAUDIT
- CARTA ORGANISASI JABATAN AUDIT NEGARA
- PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN AUDIT NEGARA TAHUN 2021
- SEKTOR AUDIT PRESTASI
- SEKTOR AUDIT KEWANGAN
- SEKTOR AUDIT PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
- SEKTOR PENGURUSAN
- PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA
- JABATAN AUDIT NEGARA NEGERI
- PEJABAT DAN WISMA AUDIT, JABATAN AUDIT NEGARA
- LAGU KORPORAT

02

Visi

Sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa.

Misi

Melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan.



Piagam Pelanggan JAN

1. Mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara berserta Laporan Audit terhadap Penyata Kewangan:
   (i) dalam tempoh empat hingga enam bulan bagi penyata kewangan tahunan yang diterima selewat-lewatnya bulan Jun tahun berkenaan, atau
   (ii) dalam tempoh lapan bulan bagi penyata kewangan tahunan yang diterima selepas bulan Jun tahun berkenaan.

2. Menyediakan Laporan Ketua Audit Negara yang berkredibiliti bagi memenuhi kehendak *stakeholders* dengan mencapai sekurang-kurangnya markah indeks sebanyak 78%.

3. Memproses dan mengemas kini maklum balas auditi dalam Sistem Auditor General's Dashboard (AGD) dalam tempoh 14 hari bekerja.

Dasar

Jabatan Audit Negara adalah komited:

- Kepada pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan Standard Pengauditan Antarabangsa.
- Untuk membuat penambahbaikan yang berterusan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula Objektif Kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ia sentiasa memenuhi kehendak pelanggan.

Dasar & Objektif Kualiti

Objektif Kualiti

- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan yang lengkap.
- Menyiapkan pengauditan Pengurusan Kewangan dan mengeluarkan laporan mengenainya dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh mula pengauditan.
- Memastikan Pengauditan Pengurusan Kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun.


Slogan Kualiti

Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti


Nilai Utama

Bebas	Melaksanakan tugas tanpa dipengaruhi dan diancam.
Profesional	Melaksanakan tugas dengan profesional. Menanda aras kerja pengauditan dengan standard antarabangsa.
Integriti	Berintegriti bagi memastikan hasil pengauditan adalah boleh dipercayai.
Amanah	Bertanggungjawab, menjadikan sifat amanah sebagai asas dalam pasukan kerja.
Relevan	Menyediakan maklumat yang tepat dan memenuhi kehendak pemegang taruh.


Kod Etika Juruaudit
1
Integriti
2
Kebebasan dan Objektiviti
3
Kompetensi
4
Tingkah Laku Profesional
5
Kerahsiaan dan Ketelusan
6
Kerja Berpasukan


KETUA AUDIT NEGARA
PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA
PEGAWAI KHAS
AKADEMI AUDIT NEGARA
PENGARAH AUDIT
BAHAGIAN AKADEMIK
KETUA SEKOLAH
PEJABAT PENDAFTAR
PENDAFTAR
BAHAGIAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA
PENGARAH AUDIT
CAWANGAN PENYELIDIKAN & QAR
TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
KETUA PENOLONG PENGARAH AUDIT
BAHAGIAN PENYELARASAN & KOLABORASI STRATEGIK
PENGARAH AUDIT
UNIT KHIDMAT NASIHAT UNDANG-UNDANG
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
UNIT INTEGRITI
KETUA UNIT INTEGRITI
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KETUA UNIT
SEKTOR PENGURUSAN
PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
TIMBALAN PENGARAH
BAHAGIAN KEWANGAN & PENTADBIRAN
TIMBALAN PENGARAH
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI
TIMBALAN PENGARAH
SEKTOR AUDIT KEWANGAN
TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (KEWANGAN)
BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN I
PENGARAH AUDIT
BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN II
PENGARAH AUDIT
BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN III
PENGARAH AUDIT
BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN IV
PENGARAH AUDIT
SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN & PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KETUA PENOLONG PENGARAH AUDIT

Carta Organisasi
Jabatan Audit Negara



Pengurusan Tertinggi
Jabatan Audit Negara Tahun 2021



YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid
Ketua Audit Negara



YBrs. Tuan Haji Khalid Khan Abdullah Khan
Sehingga Julai 2021

YBrs. Puan Patimah Ramuji
Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)
Mulai Julai 2021



YBhg. Dato' Che Isa Che Kob
Sehingga Mei 2021

YBrs. Puan Patimah Ramuji
Mei sehingga Oktober 2021

YBhg. Datuk Nor Salwani Muhammad
Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)
Mulai Oktober 2021



YBhg. Datuk Johari Ismail
Sehingga Mei 2021

YBrs. Tuan Haji Roslan Abu Bakar
Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat)
Mulai Julai 2021

Sektor Audit Prestasi



YBrs. Puan Patimah Ramuji
Sehingga Mei 2021

YBrs. Tuan Haji Y Hamdan Mohd Dom
Pengarah Audit Prestasi I
Mulai Julai 2021



YBrs. Puan Raftah Ibrahim
Pengarah Audit Prestasi II



YBrs. Encik Marzuni Muhammad
Pengarah Audit Prestasi III



YBrs. Tuan Haji Y Hamdan Mohd Dom
Sehingga Julai 2021

YBrs. Dr. Alifah Aida Lope Abdul Rahman
Pengarah Audit ICT
Mulai Julai 2021



YBrs. Ir. Anisah Saim
Pengarah Bahagian Teknikal



YBrs. Puan Nadhirah Abdul Wahab
Pengarah Bahagian Susulan Audit

Sektor Audit Kewangan

YBrs. Puan Hajah Kartina Zamhari
Sehingga April 2021

YBhg. Datuk Nor Salwani Muhammad
Mei sehingga Oktober 2021



YBrs. Puan Nor Azian Nordin
Pengarah Audit Kewangan I
Mulai Oktober 2021

YBrs. Puan Swaibatul Aslamiah Hj. Hussin
Sehingga Jun 2021



YBrs. Encik Azunan Daud
Pengarah Audit Kewangan II
Mulai Julai 2021

YBhg. Datin Siti Zaleha Bakar
Sehingga April 2021



YBrs. Encik Mohd Serjana Ibrahim
Pengarah Audit Kewangan III



YBrs. Puan Norliza Md Nuruddin @ Nordin
Pengarah Audit Kewangan IV

Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan



YBhg. Datuk Nor Salwani Muhammad
Sehingga Julai 2021

YBrs. Dr. Nor Haiza Abd. Aziz @ Juned
Pengarah Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan I
Mulai Julai 2021



Puan Nooranita Dain
Pengarah Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan II

Sektor Pengurusan



YBrs. Encik Putra Nurwan Shah Baharuddin
Sehingga November 2021

YBrs. Puan Hasmawati Mohd Yusoff
Pengarah Sektor Pengurusan
Mulai Disember 2021

Pejabat Ketua Audit Negara



YBrs. Tuan Haji Roslan Abu Bakar
Sehingga Julai 2021

YBrs. Puan Baridatul Anita Bidin
Pengarah Akademi Audit Negara
Mulai Julai 2021



YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie Sayed Hussin
Pengarah Bahagian Dasar Dan Hubungan Antarabangsa



Puan Sharifah Zarina Syed Ahmad
Pengarah Bahagian Penyelarasan Dan Kolaborasi Strategik



Puan Intan Noorashikin Nasarudin
Sehingga September 2021

Puan Nurhafiza Marsidi
Penasihat Undang - Undang
Mulai September 2021



Encik Mohd Khairul Ezam Mohd Rasali
Ketua Unit Integriti



Puan Siti Anisah Abdul Rafie
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Audit Negara Negeri



YBrs. Encik Mohd Serjana Ibrahim
Sehingga Mei 2021

YBrs. Encik Mohd Shahril Yahya
Pengarah Audit Negeri Johor
Mulai Mei 2021



YBrs. Encik Abd Ghani Sulaiman
Sehingga Julai 2021

YBrs. Puan Zirawati Kadir
Pengarah Audit Negeri Selangor
Mulai Julai 2021



YBrs. Dr. Masiah Ahmad
Pengarah Audit Negeri Sarawak



YBrs. Encik Mohd Nasri Mohd Nasir
Pengarah Audit Negeri Sabah



Encik Mohd Shahril Yahya
Sehingga Ogos 2021

Encik Zulkifli Tungal
Pengarah Audit Negeri Terengganu
Mulai Ogos 2021



Encik Azman Mahmood
Sehingga Mei 2021

Encik Zakri Mamat
Pengarah Audit Negeri Kelantan
Mulai Ogos 2021



Encik Ahmad Fazli Osman
Sehingga Ogos 2021

Encik Hanizar Hamzah
Pengarah Audit Negeri Kedah
Mulai Ogos 2021



Encik Zulkifli Tungal
Sehingga Ogos 2021

Encik Saiful Anuar Mohd Jaafar
Pengarah Audit Negeri Pahang
Mulai Ogos 2021



Puan Mazmiza Mihat
Pengarah Audit Negeri Pulau Pinang



Puan Baridatul Anita Bidin
Sehingga Julai 2021

Puan Selwah Hj. Said
Pengarah Audit Negeri Perak
Mulai Ogos 2021



Puan Mahiran Abdul Aziz
Pengarah Audit Negeri Melaka



Encik Ahmad Seli
Pengarah Audit Negeri Sembilan



Encik Abd Aziz Daud
Pengarah Audit Negeri Perlis

Pejabat & Wisma Audit
Jabatan Audit Negara





Jabatan Audit Negara

Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya.

603 - 8091 1000





Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak

Tingkat 4, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93518 Kuching, Sarawak.

082-242 372 / 082-242 342 /
082-234 872

Cawangan Sibu

Tingkat 1, Wisma Persekutuan Blok 3
Jalan Persiaran Brooke
96000 Sibu, Sarawak.

084 - 332 960

Cawangan Miri

Tingkat 15, Wisma Yu Lan
Lot 97, Jalan Brooke
98000 Miri, Sarawak.

085 - 412 594

Cawangan Bintulu

Tingkat 3, Wisma Persekutuan Fasa 2
Jalan Tun Razak
97000 Bintulu, Sarawak.

086 - 315 344

Jabatan Audit Negara Negeri Sabah

Blok A, Aras 4
Kompleks Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan Sabah
Jalan UMS-Sulaman
Beg Berkunci No. 2021
88450 Kota Kinabalu, Sabah.

088-488 117 / 088-488 119 /
088-488 120 / 088-488 137

Cawangan Sandakan

Tingkat 4, Wisma Persekutuan
90500 Sandakan, Sabah.

089 - 660 040 / 089 - 668 337

Cawangan Tawau

Tingkat 5, Bangunan Eastern Plaza Batu 1
Jalan Kuhara
91000 Tawau, Sabah.

089 - 762 967 / 089 - 774 217

Cawangan Keningau

Tingkat 1, Rumah Persekutuan
89000 Keningau, Sabah.

087 – 331 981



Jabatan Audit Negara Negeri Johor

Wisma Persekutuan Johor Bahru
Tingkat 5, Blok A
Jalan Air Molek
80000 Johor Bahru, Johor.

07-222 7275 / 07-222 7285 /
07-223 5060



Jabatan Audit Negara Negeri Selangor

Wisma Audit Negeri Selangor
No. 7 (Presint 5.4) Persiaran Perbandaran
Seksyen 14
40000 Shah Alam, Selangor.

03 - 5514 7400



Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan

Wisma Audit, Bandar Baru Tunjong
Jalan Pasir Mas-Salor
15518 Kota Bharu, Kelantan.

09-741 8460



Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu

Wisma Audit Negeri Terengganu
Lot PT119, Kampung Pak Pa
Kawasan Pembangunan Bukit Besar
Jalan Kuala Berang
20050 Kuala Terengganu
Terengganu.

09-628 5603 / 09-628 5604 /
09-628 5605



Jabatan Audit Negara Negeri Pahang

Wisma Audit, 3/2, Seksyen II
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan, Pahang.

09-572 9988 / 09-572 9691 / 09-572 9692



Jabatan Audit Negara Negeri Kedah

Aras 3, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan
06550 Bandar Muadzam Shah, Kedah.

04-730 9855 / 04-731 0624 /
04-731 0625



Jabatan Audit Negara Negeri Perak

Wisma Audit, Persiaran Meru Utama
Bandar Meru Raya
30518 Ipoh, Perak.

05-527 9984 / 05-526 8646 /
05-526 9646



Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang

No. 2027 Jalan Bertam 2
13200 Kepala Batas
Pulau Pinang.

04-577 7000





Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan

Wisma Audit, Jalan Haruan 2
Oakland Commercial Centre
Seremban 2
70300 Seremban, Negeri Sembilan.

06-762 9700 / 06-763 5996 /
06-761 3076 / 06-762 7037

Jabatan Audit Negara Negeri Melaka

Wisma Audit, Persiaran MITC
Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh, Melaka.

06-232 5141 / 06-232 5184



Jabatan Audit Negara Negeri Perlis

Tingkat 1, Bangunan Persekutuan
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar, Perlis.

04-977 0013 / 04-976 1351

Lagu Korporat



Warga Jabatan Audit Negara
Menjunjung Mandat Yang Mulia
Menjulang Martabat Bangsa
Dalam Semangat Waja
Malaysiaku Yang Tercinta

Berkhidmat Dengan Seikhlas Hati
Tegur Menegur Menasihati
Saling Hormat Menghormati
Pada Semua Auditi
Itulah Janji Kami

Auditan Kami Yang Berkualiti
Itulah Amalan Kami
Bersama Kami Sedia Berbakti
Dengan Akhlak Minda Terpuji
Kami Warga Audit Negara
Cekap Dan Mesra

Warga Jabatan Audit Negara
Menjunjung Mandat Yang Mulia
Menjulang Martabat Bangsa
Dalam Semangat Waja
Malaysiaku Yang Tercinta

Berkhidmat Dengan Seikhlas Hati
Tegur Menegur Menasihati
Saling Hormat Menghormati
Pada Semua Auditi
Itulah Janji Kami

Auditan Kami Yang Berkualiti
Itulah Amalan Kami
Bersama Kami Sedia Berbakti
Dengan Akhlak Minda Terpuji
Kami Warga Audit Negara
Cekap Dan Mesra

Auditan Berkualiti
Pasti Meningkat Akauntabiliti



RM81m lost in unimposed fines

KUALA LUMPUR: The Immigration Department suffered losses amounting to RM81.69 million due to penalties not imposed on a company that handled online collection of Temporary Employment Visit Pass (TEVP) revenue.

According to the Auditor-General's Report 2020 published yesterday, it was found that the department had failed to impose penalties for late delivery of TEVP stickers amounting to RM73.89 million, as well as delayed remittance penalties and penalties for printing the stickers wrongly that amounted to RM490,000 and RM7.31 million.

"The audit also found that the TEVP service charge claim by the service company amounting to RM25.94 million was not paid due to the Home Ministry's delay in finalising the additional agreement," the report stated.

The report also said the audit had recommended that the Immigration Department make improvements and take appropriate action to ensure that terms and clauses of the agreement were complied with, and subsequently enforced to safeguard the interests of the government.

"Any exemption must obtain a written approval from an authorising party. The Immigration Department must also establish a periodic monitoring mechanism for services provided by the said company."

The report also recommended that the department carry out monitoring, especially in relation to unused and damaged TEVP stickers, as well as late delivery to ensure that the stickers were handed to users within the stipulated time and that they were not misused.

The report also recommended that the Home Ministry and the Immigration Department ensure that additional agreements are finalised as soon as possible.

"The period of the TEVP renewal online service agreement between the Home Ministry and the service company was from May 2015 to May 2020. The Home Ministry had applied for for an extension to the Finance Ministry on May 20, 2020.

"The Finance Ministry had approved the application for a period of three years from May 23, 2020 to May 22, 2023.

"However, the audit found that the additional agreement was not finalised," the report said. – Bernama

New Straits Times · FRIDAY, OCTOBER 29, 2021

AUDITOR GENERAL'S REPORT

RM620m in losses due to non-compliance



Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid

KUALA LUMPUR

NON-COMPLIANCE of federal ministries and departments with financial management has led to irregular payments, loss of public funds and wastage amounting to RM620.07 million in 2020.

Auditor General Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid said of the RM585.49 million in irregular payments, RM489.19 million was given out for maintenance services claims without being verified at the National Security Council level.

Meanwhile, of the RM30.76 million loss in public funds, RM6.69 million involved unclaimed penalties not imposed by the Immigration Department, RM6.79 million involved equipment that was received late and not installed at some centres.

"To enable corrective action and improvements to be made, the Auditor General (AG) has submitted 29 recommendations, namely four recommendations for verification of financial statements and 25 recommendations for compliance audits of federal ministries and departments to be considered for implementation by ministries and departments."

He said this in a statement after the Auditor General's Report (LKAN) on the federal government's financial statements and the 2020 federal ministries and Departments Compliance Audit was tabled in the Dewan Rakyat yesterday.

Nik Azman said compliance audits involving a total of RM894.61 million had been carried out on three ministries and five federal departments, covering aspects of contract management, accounting to RM772.40 million, government private assets (RM42.6 million) and revenue collection (RM72.24 million).

Meanwhile, in the Emphasis of Matter on the Federal Government's Financial Statements, the AG stated that the federal government's debt in 2020 amounted to RM874.963 billion or 62.1 per cent of gross domestic product (GDP).

Federal debt increased by RM66.562 billion or RM from 2019 compared with RM792.898 billion or 52.4 per cent in 2019.

According to Nik Azman, RM4 per cent or RM98.656 billion of the RM164.338 billion in new loans in 2020 were used to finance the principal repayment of matured loans.

"This shows that the government is dependent on new loans to repay matured loans and the use of Development Fund Funds amounting to RM5.268 billion for the repayment of Private Financing Initiative Liabilities and Guarantee Commitments."

Besides this, a total of RM240 billion was used to pay the Health Ministry's hospital and clinic support, as well as maintenance of facilities in the Education Ministry, which was previously paid using operating expenditure allocations.

"Development Fund funds, financed through loans, should in fact be used to finance physical development projects that contribute to the creation of new capital that can catalyse the country's development and have a high multiplier effect to generate economic activity," he said.

Meanwhile, federal government revenue declined 14.9 per cent to RM225.075 billion in 2020 from RM264.455 billion the previous year and Covid-19 impact. Government expenditure recorded RM368.009 billion.

Operating expenditure decided 16.7 per cent to RM254 billion, a decrease of RM38.741 billion compared with 2019, while development expenditure amounted to RM51.36 billion, a decrease of RM2.815 billion or 5.2 per cent compared with RM54.175 billion in 2019.

Nik Azman said overall, the federal government had a deficit of RM370.647 billion with a deficit to GDP ratio of 6.3 per cent, compared with 3.4 per cent or RM181.57 billion in 2019.

According to the statement, the audit report contains three main components, namely the verification of the federal government's financial statements for the year ended Dec 31, 2020, the federal government's financial analysis and the compliance audit of federal ministries and departments.

Nik Azman said overall, the federal government's financial statements showed a true and fair view of the government's financial position for the year ended Dec 31, 2020 and its accounting records duly and up to date.

It is the second tabling of the report in the Dewan Rakyat this year after LKAN 2019 Series 2 was tabled on Sept 28. The audit report could be accessed at www.audit.gov.my from 10.30am yesterday. **Bernama**

Page 1 pic: Tenaga sector employees making turns after work, at Jalan Ampang in Kuala Lumpur yesterday.

Nasional

Jumaat, 29 Oktober 2021

Laporan Ketua Audit Negara

PAC jangka prosiding projek MKN Disember ini

Isu berkait pembayaran tidak teratur Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan RM499.18j



Rusdy Sanopar

Rusdy Sanopar: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan mengadakan prosiding mengenai isu pembayaran tidak teratur membabitkan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan, Selasa (RM499.18 juta).

Pengerusinya, Wong Kah Woh, berkata prosiding itu dijangka diadakan bermula Disember ini.

"Kita akan mendengar sama dibuat dan memberikan [illegible], katanya pada sidang media di Parlimen, di sini semalam.

Sebelum ini, Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, memperuntukkan kenyataan mengenai isu pembayaran tidak teratur membabitkan projek tersebut dan juga pengurusan kewangan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Nik Azman dilaporkan berkata, dari jumlah RM499.18 juta pembayaran tidak teratur, RM488.18 juta merupakan bayaran kepada kontraktor projek manakala RM11 juta lagi pengendalian elaun.

Pada masa sama, Kah Woh berkata PAC juga telah mengadakan sesi libat urus dengan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan berkenaan isu tersebut.

"Kita akan mendengar sama dibuat dan memberikan [illegible] kepada kementerian berkenaan," katanya.

PEJABAT **KETUA AUDIT NEGARA**

- KUASA DAN TUGAS KETUA AUDIT NEGARA
- PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 DI DEWAN RAKYAT
- PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA KEPADA SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT
- FUNGSI UTAMA JABATAN AUDIT NEGARA
- AKAUNTABILITI JABATAN AUDIT NEGARA DI SEKTOR AWAM
- PEMANTAPAN PENGAUDITAN JABATAN AUDIT NEGARA
- TADBIR URUS JABATAN AUDIT NEGARA
- JAWATANKUASA PERINGKAT KEBANGSAAN DIANGGOTAI OLEH KETUA AUDIT NEGARA
- UCAPTAMA DAN SYARAHAN KETUA AUDIT NEGARA
- TAKLIMAT KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
- SIDANG MEDIA LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
- KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA
- MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
- AMANAT KETUA AUDIT NEGARA
- SESI RAMAH MESRA KETUA AUDIT NEGARA
- PROGRAM MENTOR MENTEE KETUA AUDIT NEGARA
- AKADEMI AUDIT NEGARA
- MENINGKAT JALINAN ANTARABANGSA
- BAHAGIAN PENYELARASAN & KOLABORASI STRATEGIK
- UNIT INTEGRITI
- UNIT KHIDMAT NASIHAT DAN UNDANG-UNDANG
- UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kuasa dan Tugas Ketua Audit Negara

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 9 Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara (KAN) mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/ Jabatan/Agensi dan pengurusan syarikat kerajaan persekutuan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Raja/Yang di-Pertua Negeri untuk mendapat perkenan sebelum laporan itu dibentang di Dewan Rakyat/Dewan Undangan Negeri. Jabatan Audit Negara (JAN) melaksanakan empat jenis pengauditan seperti berikut:



JAN melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti dan memenuhi kehendak pemegang taruh. Selain daripada mengaudit dan melapor, JAN juga perlu menyusul tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian/ Jabatan/Agensi terhadap isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

(a) Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

(b) Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah diurus mengikut undang-undang dan peraturan kewangan bagi mengelakkan berlaku pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

(c) Pengauditan Prestasi – Pengauditan prestasi merupakan suatu pemeriksaan bebas, objektif dan boleh dipercayai bagi menentukan sistem, operasi, program, aktiviti Kerajaan atau organisasi beroperasi mengikut prinsip ekonomi, cekap dan berkesan serta mempunyai ruang untuk penambahbaikan.

(d) Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat kerajaan Persekutuan dan Negeri telah dilaksanakan dengan teratur bagi mencapai objektif syarikat dari segi tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan.

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 di Dewan Rakyat

Persekutuan

Bil. Laporan	Keterangan	Bil. Syor	
8	**Pengauditan Pematuhan** – meliputi Kementerian dan Jabatan di Peringkat Kerajaan Persekutuan	25	**132**
17	**Pengauditan Prestasi** – meliputi aspek pengurusan program/aktiviti/ pengurusan sistem/ICT/penyenggaraan projek dan perolehan di Peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan	62	
7	**Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – meliputi Syarikat Kerajaan Persekutuan	41	
1	**Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan** – meliputi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan	4	

Tarikh Dibentangkan :

28 September 2021 – Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

28 September 2021 – Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

28 Oktober 2021 – Laporan Ketua Audit Negara 2020 Mengenai Penyata Kewangan Persekutuan serta Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan

Negeri

Bil. Laporan	Keterangan	Bil. Syor	
39	**Pengauditan Pematuhan** – meliputi Kementerian/Jabatan/ Agensi di peringkat Kerajaan Negeri	**90**	**298**
21	**Pengauditan Prestasi** – meliputi Pengurusan Aktiviti Jabatan/ Agensi di peringkat Kerajaan Negeri	**79**	
11	**Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – meliputi Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	**42**	
312	**Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan** – meliputi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri	**87**	

Tarikh Dibentangkan :

28 September 2021 – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/ Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

2 Disember 2021 – Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2020

Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara kepada Setiausaha Dewan Rakyat



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 2 Aktiviti Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan pada 27 September 2021



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri pada 27 September 2021



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 2 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan pada 27 September 2021



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Serta Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan pada 27 Oktober 2021



Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2020 pada 1 Disember 2021

Sumber Foto : Parlimen Malaysia


Fungsi Utama Jabatan Audit Negara

Sejajar dengan perkembangan landskap pengauditan yang semakin rumit dan mencabar dengan pengenalan pelbagai reformasi serta teknologi baru, Jabatan Audit Negara (JAN) sentiasa memberi penekanan yang berterusan dalam memantapkan hala tuju dan metodologi pengauditan. Sehubungan dengan itu JAN sedang dipersiapkan ke arah menjadi sebuah institusi audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa. JAN juga akan melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti dan memenuhi kehendak pemegang taruh. Proses pengauditan yang menjadi teras aktiviti JAN meliputi :



JAN amat menekankan keseimbangan dalam pelaporannya di mana bukan hanya kelemahan dan ketidakpatuhan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). JAN juga melaporkan inisiatif yang memberi impak positif kepada pengurusan Kementerian/Jabatan Kerajaan. Selain daripada mengaudit dan melapor, JAN juga menyusul tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi terhadap isu yang dilaporkan dalam LKAN serta syor yang telah diberikan.

Akauntabiliti Jabatan Audit Negara di Sektor Awam



Sumber : Buku 100 Tahun Jabatan Audit Negara 1906 – 2006 (Terbitan tahun 2006)

Pemantapan Pengauditan Jabatan Audit Negara

Memacu Pemantapan Pengauditan

Peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat berkenaan kepentingan akauntabiliti awam diperkasa dan dipelihara memberikan cabaran kepada pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN. Pengauditan perlu dimantapkan dengan mengambil kira perubahan permintaan dan persekitaran yang berlaku terutamanya dalam persekitaran teknologi maklumat yang mendasari Revolusi Industri 4.0. Usaha pemantapan pengauditan di JAN diperlihatkan melalui beberapa pendekatan antaranya membuat semakan semula terhadap senarai syarikat yang diwartakan bagi tujuan pengauditan, kajian dasar bagi menyokong pihak Pengurusan Atasan dalam pembuatan keputusan, pelaksanaan Semakan Jaminan Kualiti (*Quality Assurance Review – QAR*) dan mewujudkan Panel Pakar Rujuk. JAN turut mewujudkan kerjasama dengan badan profesional sebagai landasan bagi mendedahkan Juruaudit dengan perkembangan semasa dalam bidang pengauditan.

Pewartaan Syarikat

TUJUAN PEWARTAAN


WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH AUDIT (AKAUN SYARIKAT) 2017

AUDIT (ACCOUNTS OF COMPANIES) ORDER 2017

Akta Audit 1957 telah memperuntukkan tugas Ketua Audit Negara terhadap pengauditan badan lain/syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan/Negeri atau syarikat yang lebih daripada separuh modal berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/ Negeri/Agensi/Pihak Berkuasa Awam atau agregatnya dua daripada mereka atau lebih dengan syarat diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong melalui proses pewartaan.

PEWARTAAN YANG LEPAS

30 September 2017 (*P.U.*(*A*)294/2017): **1,858 syarikat**

30 Oktober 2013 (*P.U.*(*A*)326/2013): **1,708 syarikat**

17 Disember 2009 (*P.U.*(*A*)443/2009): **379 syarikat**

Carta Alir Pewartaan Syarikat



Panel Pakar Rujuk (PPR) Jabatan Audit Negara

Sepanjang tahun 2021, beberapa siri pertukaran pegawai kanan JAN telah berlaku yang menyebabkan perubahan dalam kepimpinan dalaman PPR JAN. Berikut merupakan senarai Penasihat dan Ketua PPR JAN sehingga 31 Disember 2021.

1	Pengauditan Prestasi	Penasihat	YBrs. Puan Patimah Ramuji
		Ketua	YBrs. Encik Y Hamdan Mohd Dom
2	Pengauditan Pembangunan Kelestarian (SDG) dan Alam Sekitar	Penasihat	YBrs. Puan Patimah Ramuji
		Ketua	Puan Noraza Mohd. Ariff
3	Pengauditan Kewangan	Penasihat	YBhg. Datuk Nor Salwani Muhammad
		Ketua	YBrs. Puan Nor Azian Nordin
4	Pengauditan Cukai Pendapatan, Kastam dan Tanah	Penasihat	YBhg. Datuk Nor Salwani Muhammad
		Ketua	Puan Noor Aslinda Nasron
5	Pengauditan Syarikat Kerajaan	Penasihat	YBrs. Tuan Haji Roslan Abu Bakar
		Ketua	YBrs. Dr. Nor Haiza Abd Aziz@Juned
6	Pengauditan Sistem ICT	Ketua	YBrs. Dr. Alifah Aida Lope Abdul Rahman
7	Perundangan/Peraturan dan Jaminan Kualiti	Ketua	YBrs. Dr. Sayed Alwee Hussnie Sayed Hussin
8	Fraud	Penasihat	YBrs. Tuan Haji Roslan Abu Bakar
		Ketua	YBrs. Puan Nadhirah Hj. Abdul Wahab
9	Pengurusan dan Kewangan	Ketua	YBrs. Puan Hasmawati Mohd. Yusoff


Aktiviti-aktiviti PPR Bagi Tahun 2021

Semua kumpulan PPR telah mengemukakan Laporan Aktiviti Tahunan PPR masing-masing bagi tahun 2021. Maklumat aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 adalah seperti jadual yang berikut:

Bil.	Jenis Aktiviti
1.	Latihan/Kursus/Seminar/Ceramah/Bengkel/Taklimat/Lawatan
2.	Pengemaskinian/pindaan/kajian semula Garis Panduan/Panduan/Manual/*Handbook*/ Draf Akta Audit 1957/*Practice Note*/Punca Kuasa
3.	Pelaksanaan Pendigitalan Perkhidmatan JAN
4.	Hari Bertemu Pelanggan
5.	Penyediaan *Knowledge Sharing Committee Workplan* 2020-2021
6.	Sesi perkongsian ilmu
7.	Penerbitan Buku/Buletin/Brosur/*Newsletter*/Video Informatif
8.	Mesyuarat PPR

Enterprise Architecture Jabatan Audit Negara

Pelaksanaan Enterprise Architecture (EA) merupakan pendekatan berstruktur di peringkat strategik untuk mendefinisikan JAN secara komprehensif merangkumi aspek pengauditan, pengurusan, proses, maklumat, infrastruktur dan teknologi. Terdapat 4 domain iaitu *business*, data, aplikasi, dan teknologi yang merentasi semua Sektor, Bahagian dan Cawangan di JAN. Pelaksanaan EA di JAN selari dengan pelaksanaan Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan (DAJ). Beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2021.



Hari Audit Dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2021

Setiap tahun JAN akan menganjurkan majlis Sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam. Majlis sambutan diadakan bertujuan untuk mendedahkan kepada juruaudit sektor awam mengenai bidang, teknik dan pendekatan pengauditan yang terkini sejajar dengan persekitaran dan perkembangan semasa. Tahun ini majlis sambutan diadakan secara dalam talian buat pertama kalinya yang dihadiri oleh 800 peserta. Tema majlis sambutan pada tahun 2021 adalah "Juruaudit Mendepani Cabaran Norma Baharu: Memperkasa Akauntabiliti Awam".

OBJEKTIF

- Memupuk kesedaran awam berkenaan kepentingan peranan audit ke arah mewujudkan akauntabiliti sektor awam.
- Memantapkan peranan dan fungsi juruaudit yang kini semakin mencabar.
- Menghasilkan mutu kerja yang tinggi dan memenuhi ekspektasi pihak-pihak yang berkepentingan seperti pemegang taruh.
- Perkongsian maklumat, pengetahuan dan pengalaman berkaitan isu semasa serta perkembangan terkini berhubung perakaunan, pengauditan dan lain-lain perkara berkaitan.

Montaj Pelancaran Garis Panduan dan Laporan Sempena Majlis Sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021






Majlis pembukaan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2021



Antara penceramah/ahli panel yang dijemput untuk sesi perkongsian ilmu



Antara tajuk perkongsian ilmu yang dibentangkan

Hubungan dengan Badan Profesional

JAN telah diiktiraf sebagai ACCA *Approved Employer* dan CPA *Australian Recognised Employer*. JAN juga sentiasa bersedia untuk menjadi rakan penyokong bagi aktiviti-aktiviti anjuran Badan-Badan Profesional. Pada masa yang sama, juruaudit JAN boleh memperoleh *Continuing Profesional Education* (CPE) *hours* melalui aktiviti anjuran JAN bagi tujuan *capacity building* seperti Persidangan Juruaudit Sektor Awam dan latihan-latihan di JAN terutamanya yang dikendalikan oleh Akademi Audit Negara.



MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS

The Institute of Internal Auditors Malaysia

Kualiti Audit Jabatan Audit Negara

JAN sentiasa komited dalam memastikan kualiti audit terjamin dan munasabah serta memenuhi jangkaan pemegang taruh. Laporan audit yang berkualiti menjamin kredibiliti JAN sebagai sebuah Institusi Audit yang berintegriti.

Berdasarkan kepada komitmen tersebut, dokumen Dasar Jaminan Kualiti dan Sistem Pengurusan Kualiti diterbitkan bagi menerapkan amalan kualiti dalam kalangan warga JAN.

Dasar Jaminan Kualiti
Jabatan Audit Negara

1 Definisi

Kawalan Kualiti dan Jaminan Kualiti

2 Dasar Kualiti Jabatan

Pengauditan dan pelaporan berkualiti dan profesional serta penambahbaikan berterusan Sistem Pengurusan Kualiti

3 Objektif Kualiti Jabatan

Prosedur pengauditan mengikut Sistem Kawalan Kualiti dan memastikan kawalan kualiti audit setaraf standard antarabangsa

4 Peranan Jaminan Kualiti

Cadangan penambahbaikan, kajian semula senarai semak jaminan kualiti dan kemuka laporan tahunan semakan jaminan kualiti

5 Skop dan Rangka Kerja Kualiti

ISSAI 140 – *Quality Control for SAIs*

6 Kaedah Semakan Jaminan Kualiti

Pre-issuance dan *Post-Issuance review*

7 Dokumen-Dokumen Berkaitan

Dasar, peraturan dan Garis Panduan semasa

8 Kajian Semula Dasar


Sekurang-kurangnya setiap 5 tahun sekali

Sistem Pengurusan Kualiti
Jabatan Audit Negara



Semakan Jaminan Kualiti

Pada tahun 2021, semakan jaminan kualiti (*Quality Assurance Review* – QAR) telah dilaksanakan terhadap pengauditan syarikat kerajaan. Laporan audit yang disemak telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1. Objektif semakan jaminan kualiti adalah untuk menilai sistem kawalan kualiti audit supaya kawalan kualiti dilaksanakan dengan berkesan, relevan dan mencukupi bagi menjamin laporan audit yang berkualiti dan mempunyai kredibiliti di peringkat ibu pejabat. Susulan daripada semakan jaminan kualiti, penambahbaikan kawalan kualiti telah dilaksanakan oleh Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan yang mana garis panduan pengauditan syarikat kerajaan dalam proses kajian semula.



Tadbir Urus Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Ketua Audit Negara (KAN) amat menitikberatkan prinsip tadbir urus yang baik kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara (JAN). Bagi menyahut saranan kerajaan dalam mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam pelbagai jawatankuasa di peringkat JAN telah ditubuhkan selaras dengan kehendak pekeliling dan peraturan semasa. Setiap jawatankuasa dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KAN dan beliau akan memastikan setiap jawatankuasa berjalan dan berfungsi dengan baik melalui mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan. Jawatankuasa utama yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KAN adalah seperti berikut:

1. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)
2. Jawatankuasa Dasar JAN
3. Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT)
4. Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)
5. Jawatankuasa Latihan JAN
6. Lembaga Tatatertib
7. Jawatankuasa Keselamatan Pejabat
8. Jawatankuasa Pembangunan
9. Panel Peperiksaan Jabatan
10. Jawatankuasa Akaun Amanah Latihan Kepakaran dan Penyelidikan JAN
11. Panel Pembangunan Sumber Manusia
12. Jawatankuasa Anti-Rasuah JAN
13. Lembaga Kenaikan Pangkat
14. Majlis Bersama Jabatan
15. Jawatankuasa Eksekutif Majlis Sukan Jabatan Audit Negara

Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Dianggotai oleh Ketua Audit Negara

1. Mesyuarat Khas YAB Perdana Menteri Bersama Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) Tahun 2021
2. Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP)
3. Mesyuarat Pasca Kabinet Jabatan Perdana Menteri (JPM)
4. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR)
5. Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan
6. Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM) & Agensi
7. Mesyuarat Penyelarasan Prestasi Inisiatif Semakan Semula Separuh Penggal Pelan Antirasuah Nasional (NACP) Bersama Agensi Peneraju
8. Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2021
9. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemudahcara Penyelarasan dan Pemantauan Pembangunan Negara
10. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN)
11. Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) JPM
12. Sesi Penilaian Panel Khas Pemantauan dan Penilaian Prestasi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA)

Ucaptama dan Syarahan Ketua Audit Negara

1. Invitation to Officiate the Public Sector Internal Audit E-Conference 2021 (organised by IIA Malaysia and MIA)
2. Panelis Forum anjuran Transparency International Malaysia (TI-M)
3. Penceramah Jemputan di Seminar Ethics And Integrity Issues And Challenges : The Stewardship of an Auditor General
4. Perasmian Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) – Online Course On Performance Audit On Construction Work (Building) For Supreme Audit Institutions (SAIs)

Taklimat kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)



Taklimat Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 2 Aktiviti Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri pada 28 September 2021









Taklimat Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020 pada 28 Oktober 2021







Sidang Media Laporan Ketua Audit Negara







Sidang Media Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 2 pada 28 September 2021







Sidang Media Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 pada 28 Oktober 2021

Kunjungan Hormat ke Pejabat Ketua Audit Negara



Kunjungan Hormat YB Menteri Tugas-Tugas Khas Sabah dan Majlis Ugama Islam Sabah ke Jabatan Audit Negara pada 16 April 2021

Majlis Penyerahan Sijil Ketua Audit Negara











Majlis Penyerahan Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Ugama Islam Sabah bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 pada 14 Disember 2021

Amanat Ketua Audit Negara



Amanat Ketua Audit Negara secara bersemuka dan dalam talian pada 23 Februari 2021

Sesi Ramah Mesra Ketua Audit Negara









Sesi Ramah Mesra Ketua Audit Negara
Bersama Pegawai Lantikan Baharu
pada 20 April 2021


Program Mentor Mentee Ketua Audit Negara



Program Mentor Mentee Ketua Audit Negara pada 1 Disember 2021


Akademi Audit Negara

Jawatankuasa Latihan Jabatan Audit Negara






Jawatankuasa Akaun Amanah bagi Latihan Kepakaran dan Penyelidikan Jabatan Audit Negara





Peranan Akademi Audit Negara (AAN) dalam membantu dan memantapkan pengauditan di JAN



Maklumat aktiviti dan pencapaian Akademi Audit Negara sepanjang tahun 2021

i. Pelan Strategik AAN 2021-2025

4 TERAS
Pelan Strategik Akademi Audit Negara 2021 – 2025



ii. Pencapaian aktiviti dan program latihan kepada pegawai jabatan

Sepanjang tahun 2021 AAN telah melaksanakan 64 kursus di bawah 5 program iaitu Pengauditan, Perakaunan, IT, Pengurusan dan Antarabangsa. Berikut adalah pencapaian AAN pada tahun 2021:

a. Pelaksanaan Program Latihan Anjuran AAN Tahun 2021





PROGRAM PERAKAUNAN (17 KURSUS)

1. Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan/Negeri Secara Dalam Talian
2. Penetapan Pendapat Audit untuk Sijil KAN
3. Teknik Pengauditan dan Pelaporan Penyata Kewangan Kerajaan Secara Dalam Talian
4. Teknik dan Pelaporan Pengauditan Pematuhan Secara Dalam Talian
5. Pengauditan Penyata Kewangan Berasaskan ISSAI Secara Dalam Talian
6. Teknik Pengauditan dan Pelaporan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Secara Dalam Talian
7. Aplikasi Teknik Penilaian Instrumen Kewangan dalam Penyata Kewangan Secara Dalam Talian
8. Kewangan Islam Secara Dalam Talian
9. Kesan & Faktor Kualitatif dan Kuantitatif dalam pengauditan Secara Dalam Talian
10. Instrumen Kewangan Islam Secara Dalam Talian
11. Pengauditan Forensik Penyata Kewangan Secara Dalam Talian
12. MPSAS: *Non Financial Asset Related* Secara Dalam Talian
13. MFRS vs MPSAS vs MPERS: *Investment Properties, Impairment of Assets & Financial Instruments* Secara Dalam Talian
14. MPSAS: *First time Transition Presentation of Financial Statement Notes to the Financial Statement* Secara Dalam Talian
15. *Applying ISAs in a Pandemic Environment*
16. *Audit Completion Stage & Auditing Disclosures on COVID-19 Audit Procedures*
17. WEBINAR: COVID-19 Norma Baharu dalam Pengauditan Sektor Awam... Bersediakah?

PROGRAM IT (16 KURSUS)

1. Persembahan Slaid melalui Power Point dan Prezi Secara Dalam Talian
2. Bengkel Latihan Pengauditan Cawangan Audit Kastam Siri 1 Secara Dalam Talian
3. CAATs - *Data Downloading and ACL Script*
4. Analitik Data Audit Sektor Prestasi
5. Sistem eAudit
6. Kertas Kerja Elektronik Secara Dalam Talian
7. Pengenalan Sains Data dan Data Raya
8. Pengenalan kepada *Enterprise Architecture* Secara Dalam Talian
9. Sistem Perakaunan Elektronik Kerajaan Secara Dalam Talian
10. Data Analitik untuk Juruaudit Secara Dalam Talian
11. Pengauditan Forensik Digital Secara Dalam Talian
12. Bengkel Sistem Maklumat Kastam Siri 2 Secara Dalam Talian
13. *Cyber Laws & Threats* Secara Dalam Talian
14. Pengauditan *Information Technology*
15. Teknik Analisis Data (MS Excel)
16. Pengauditan Sistem *iGFMAS*

PROGRAM PENGURUSAN (14 KURSUS)

1. Program Transformasi Minda Siri 1 Secara Dalam Talian
2. Bengkel Pembangunan ePembelajaran - Memuatnaik Modul - Secara Dalam Talian
3. Pra dan Pasca Persaraan
4. Aspirasi Setiausaha
5. Komunikasi Berkesan
6. Asas Juruaudit W41 dan Penolong Juruaudit W29 Secara Dalam Talian
7. Program Transformasi Minda Siri 2 Secara Dalam Talian
8. WEBINAR: Cabaran Pelaksanaan Kod Etika Juruaudit Sektor Awam Secara Dalam Talian
9. *Training of Trainers*
10. Pengurusan Strategik Secara Dalam Talian
11. Bengkel Pembangunan Modul ePembelajaran - Pemurniaan Bahan Modul - Secara Dalam Talian
12. Bengkel Pembangunan Modul ePembelajaran - Memuktamadkan Siaran Portal - Secara Dalam Talian
13. Kesedaran Awam Keselamatan Bomba
14. Teknik Membuat Keputusan

PROGRAM ANTARABANGSA (1 KURSUS)

MTCP- *Performance Audit on Construction Work (Building)* Secara Dalam Talian

b. Kursus anjuran Agensi Luar yang dihadiri oleh Pegawai JAN

6
Kursus yang dianjurkan

Meliputi kursus/ seminar/persidangan

Kehadiran
19
orang pegawai JAN

c. Webinar Jabatan Audit Negara



iii. Pencapaian aktiviti dan program latihan kepada pegawai agensi luar



Program Latihan Anjuran Agensi Luar yang Melibatkan Pegawai JAN Sebagai Penceramah bagi Tahun 2021

iv. Pencapaian aktiviti dan program latihan kepada peserta antarabangsa



v. Pembiayaan Program Pensijilan Profesional Kohort 4



Gambar Aktiviti

a. Kursus AAN yang diadakan secara dalam talian dan bersemuka



Kursus Pra dan Pasca Persaraan Jabatan Audit Negara di Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA pada 31 Mac dan 1 April 2021



Aspirasi Setiausaha di Akademi Audit Negara pada 9 April 2021



Kursus Sistem Perakaunan Elektronik Kerajaan pada 6 - 8 Julai 2021



Kursus Pengauditan Fraud Dalam Sektor Awam (Pertengahan) pada 16 hingga 19 Ogos 2021



Kursus *Water Resource, Water Supply And Sewerage Systems In Line With Sustainable Development Goals* pada 22 hingga 24 November 2021



Team Building AAN pada 8 hingga 10 Disember 2021



Webinar Siri 1 – Cabaran dalam pelaksanaan Kod Etika Juruaudit Sektor Awam pada 9 September 2021



Webinar Siri 2 – Covid-19 : Norma Baharu Dalam Pengauditan Sektor Awam... Bersediakah? pada 24 November 2021

b. Majlis Menandatangani Perjanjian Program Pensijilan Profesional



Majlis Menandatangani Perjanjian Pembiayaan Program Pensijilan Profesional Kohort 4 pada 24 Disember 2021

c. Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Tahun 2021




Mesyuarat Jawatankuasa Latihan JAN dan Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Bagi Latihan Kepakaran dan Penyelidikan JAN pada 1 April 2021

d. Lawatan Agensi Luar



Lawatan dari Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) pada 26 April 2021

e. Majlis Sanjungan Budi Dan Kenaikan Pangkat Pengarah AAN





Pengarah AAN Jun 2019 hingga Julai 2021

Majlis Sanjungan Budi dan Kenaikan Pangkat Pengarah AAN pada 18 Julai 2021

f. Program Antarabangsa







Kursus *MTCP - Performance Audit On Construction Work (Building)* pada 25 hingga 28 Oktober 2021

Meningkat Jalinan Antarabangsa

Dalam usaha memartabatkan peranan juruaudit JAN serta pengauditan sektor awam di persada antarabangsa, JAN telah melaksanakan pelbagai strategi seperti berikut:

a Merancang, melaksana dan mengetengahkan kepakaran Jabatan dalam bidang pengauditan di peringkat serantau (ASEANSAI dan ASOSAI) bagi tujuan perkongsian pengetahuan secara menyeluruh.

b Menjalin kerjasama dalam bidang pengauditan di peringkat antarabangsa (INTOSAI) bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran pegawai serta memastikan pengauditan yang dilaksanakan adalah berkualiti dan menepati piawaian pengauditan antarabangsa.

c Menerapkan budaya pengauditan terkini seperti bidang *big data*, data analitik dan kecerdasan buatan di kalangan warga Jabatan Audit Negara

Tahun 2021 telah membawa cabaran seperti mana yang dihadapi pada tahun 2020 di mana gelombang pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada pelaksanaan pelbagai program/ aktiviti tahunan di peringkat serantau mahu pun antarabangsa. Namun, pada tahun 2021, JAN lebih bersedia dengan memanfaatkan kemudahan internet, teknologi mudah alih dan aplikasi mesyuarat dalam talian. Kemudahan capaian internet ini mengakibatkan peningkatan ketara iaitu sebanyak 65 program/aktiviti meningkatkan jalinan kerjasama antarabangsa berjaya dilaksanakan secara maya, bagi menyokong pencapaian visi Jabatan sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa.

Portfolio Semasa Jabatan Audit Negara di Peringkat Antarabangsa

ASEAN Supreme Audit Institutions (ASEANSAI)

(dianggotai oleh 10 negara)

- *Chairman of ASEANSAI (November 2019 – November 2021)*
- *Executive Committee (November 2019 – November 2021)*
- *Chair of Knowledge Sharing Committee*
- *Member of:*
  - *Strategic Planning Committee*
  - *Rules & Procedures Committee*
  - *Training Committee*

Asian Organization of Supreme Audit Institutions (ASOSAI)

(dianggotai oleh 47 negara)

- *Founding member*
- *Member of ASOSAI Governing Board as Immediate Past Chairman (2018 - 2021)*
- *Member of ASOSAI Governing Board as elected member (2021 – 2024)*
- *Member of:*
  - *Working Group on Environmental Auditing*
  - *Capacity Development Committee*
  - *Strategic Plan Task Force*
- *Chair of ASOSAI Special Committee on Establishing the Working Group on State-Owned Enterprise (WGSOE)*

INTOSAI

International Organization of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)

(dianggotai oleh 195 negara)

- *Observer of* INTOSAI *Knowledge Sharing Steering Committee*
- *Member of:*
  - *Working Group (WG) on Environmental Auditing*
  - *WG of IT Audit*
  - *WG of Fight Against Corruption and Money Laundering*
  - *WG on SDGs and Key Sustainable Development Indicators*
  - *WG on Financial Modernization and Regulatory Reform*
  - *WG on Big Data*
  - *Work Stream (WS) on Regional Forum for Capacity Development*
  - *WS on Peer to Peer Cooperation*
  - *WS on Auditing*

Commonwealth Auditor General Conference (CAGC) Fund Advisory Committee

- *Member of CAGC Fund Advisory Committee*

Pencapaian dan Impak Jabatan Audit Negara di Peringkat Antarabangsa bagi Tahun 2021

1 Pelantikan Sebagai ASOSAI Governing Board Member (2021-2024)

- Terlibat aktif dalam pembuatan polisi di peringkat Asia Pasifik selaku ASOSAI *Governing Member*.
- Memenangi pemilihan ASOSAI *Governing Board* semasa 15th ASOSAI *Assembly* pada 7 September 2021 dengan undian kedua tertinggi.

2 *Chair of* ASOSAI *Special Committee on Establishing The Working Group on State-Owned Enterprise*

- Mencadangkan penubuhan ASOSAI *Working Group on State-Owned Enterprise* (WGSOE) semasa 15th ASOSAI *Assembly* pada 7 September 2021.
- Dilantik sebagai *Chair of* ASOSAI *Special Committee on Establishment of WGSOE.*

3 Keahlian Baru Di Dalam 3 INTOSAI *Working Group* dan 3 *Work Stream*

JAN meneruskan usaha pelobian ke arah INTOSAI *Steering Committee* dengan menganggotai tiga lagi INTOSAI *Working Group* dan tiga INTOSAI *Work Stream* pada tahun 2021.

4 Penubuhan *Working Committee of International Affairs* (WCIA), JAN

Seiring dengan enam keahlian baru di dalam INTOSAI, JAN memperkemaskan tadbir urus hubungan antarabangsa dengan sokongan pengurusan tertinggi serta penglibatan menyeluruh semua warga audit dengan penubuhan WCIA.

5 Kejayaan Penganjuran 6th ASEANSAI *Senior Officials Meeting*

- JAN telah menganjurkan 6th ASEANSAI *Senior Officials Meeting* buat pertama kalinya diadakan secara dalam talian pada 27 hingga 29 Julai 2021.
- Kejayaan penganjuran mesyuarat tersebut telah mendapat pengiktirafan daripada Sekretariat dan ahli ASEANSAI.

6 Penyerahan Kepengerusian ASEANSAI Kepada Institusi Audit Antarabangsa Myanmar

JAN telah berjaya menyerahkan pucuk pimpinan ASEANSAI kepada *Office of the Auditor General of the Union*, Myanmar dalam 6th ASEANSAI *Summit* pada 2 November 2021.

7 Penyertaan Aktif Pegawai JAN Dalam Program Antarabangsa

135 pegawai JAN telah menyertai 65 program/ forum/webinar dalam pelbagai bidang utama pengauditan pada tahun 2021.


Penyertaan Jabatan Audit Negara di Peringkat Antarabangsa Tahun 2021



Penyertaan Jabatan Audit Negara Dalam Program ASEANSAI Pada Tahun 2021 (19 Program Secara Dalam Talian)

1	ASEANSAI *Workshop on Monitoring and Evaluation System*	13 – 14 Januari 2021
2	ASEANSAI *Annual Monitoring & Evaluation Meeting 2020*	14 Januari 2021
3	*2nd Training Review Meeting of* ASOSAI – ASEANSAI *Cooperative Environmental Audit of Water Resources Management in Mekong River Basin*	26 Januari 2021
4	*Training Sessions of the* ASOSAI-ASEANSAI *Cooperative Environmental Audit on Water Resources Management in Mekong River Basin in line with SDGs : Environmental Audit by SAI Indonesia*	23 – 24 Februari 2021
5	*Training Sessions of the* ASOSAI-ASEANSAI *Cooperative Environmental Audit on Water Resources Management in Mekong River Basin in line with SDGs : The CAAF Training Program Part II*	25 – 26 Februari 2021
6	*Training Sessions of the* ASOSAI-ASEANSAI *Cooperative Environmental Audit on Water Resources Management in Mekong River Basin in line with SDGs : Water Resources Management by SAI Malaysia*	1 – 2 Mac 2021
7	ASEANSAI *Executive Committee Technical Meeting*	17 Mac 2021
8	*Workshop on Improving ICT for audit work:* ASEANSAI *and preparing for auditor of the future*	21 April 2021
9	*Training Sessions of the* ASOSAI-ASEANSAI *Cooperative Environmental Audit on Water Resources Management in Mekong River Basin in line with SDGs : The CAAF Training Program Part III*	4 – 5 Mei 2021
10	ASEANSAI *SPC Meeting to discuss Vision, Missions, Prioritized Strategic Issues, Strategic Goals, Strategic Objectives for Strategic Plan 2022 – 2025*	20 Mei 2021
11	ASEANSAI *Training Committee Meeting on Finalizing Training Committee Work Plan 2023*	19 Julai 2021

12	*Workshop on Financial Audit*	26 – 30 Julai 2021
13	*The 6th* ASEANSAI *Senior Officials Meeting*	27 – 29 Julai 2021
14	ASEANSAI *Chairmanship Pre-handover Meeting*	29 Julai 2021
15	ASEANSAI *Knowledge Sharing on Modern Fisheries Performance Auditing*	12 Ogos 2021
16	ASEANSAI *Workshop on the Audit of Public Procurement*	16 – 20 Ogos 2021
17	ASEANSAI *Development Partner Coordination Meeting*	26 Oktober 2021
18	ASEANSAI *Workshop on Compliance Audit*	25 – 28 Oktober 2021
19	*6th* ASEANSAI *Summit*	1 – 2 November 2021



Training Sessions of the ASOSAI-ASEANSAI *Cooperative Environmental Audit on Water Resources Management in Mekong River Basin in line with SDGs* pada 23 hingga 24 Februari 2021



ASEANSAI *Executive Committee Technical Meeting* pada 17 Mac 2021



ASEANSAI *Training Committee Meeting on Finalizing Training Committee Work Plan* 2023 pada 19 Julai 2021





The 6th ASEANSAI *Senior Officials Meeting* pada 27 hingga 29 Julai 2021





ASEANSAI *Knowledge Sharing on Modern Fisheries Performance Auditing* pada 12 Ogos 2021



ASEANSAI *Workshop on Compliance* Audit pada 25 hingga 28 Oktober 2021





ASEANSAI *Development Partner Coordination Meeting* pada 26 Oktober 2021







6th ASEANSAI *Summit* pada 1 hingga 2 November 2021

Penyertaan Jabatan Audit Negara Dalam Program ASOSAI Pada Tahun 2021 (14 Program Secara Dalam Talian)

1	*The Special Committee-ASOSAI Secretariat Joint Webinar on SAIs' Roles in Responding to Crises and Disasters*	26 – 28 Januari 2021
2	ASOSAI *WGEA Cooperative Audit on Sustainable Transport – ongoing programme*	23 Mac 2021 – 31 Disember 2021
3	ASOSAI *Grant Committee Meeting No.1*	15 April 2021
4	ASOSAI *Grant Committee Meeting No.2*	10 Jun 2021
5	ASOSAI *Capacity Development Program on "Audit on Implementation of SDGs" – ongoing programme*	23 Ogos 2021 – 31 Disember 2021
6	ASOSAI *Grant Committee Meeting No.3*	31 Ogos 2021
7	ASOSAI *Capacity Development Committee Meeting*	1 September 2021
8	*56th* ASOSAI *Governing Board Meeting*	6 September 2021
9	*15th* ASOSAI *Assembly*	7 September 2021
10	*8th* ASOSAI *Symposium & 57th* ASOSAI *Governing Board Meeting*	8 September 2021
11	ASOSAI *Grant Committee Meeting No.4*	23 September 2021
12	ASOSAI *WGEA - 8th Seminar on Environmental Auditing*	25 Oktober 2021
13	ASOSAI *WGEA - 8th Working Meeting of* ASOSAI *WGEA*	26 Oktober 2021
14	ASOSAI *Seminar "Improvement of Audit Process for More Effective Audit"*	6 – 8 Disember 2021



The Special Committee-ASOSAI Secretariat Joint Webinar on SAIs' Roles in Responding to Crises and Disasters pada 26 hingga 28 Januari 2021






56th ASOSAI *Governing Board Meeting* pada 6 September 2021



8th ASOSAI *Symposium* & 57th ASOSAI *Governing Board Meeting* pada 8 September 2021



ASOSAI *Grant Committee Meeting* No.4 pada 23 September 2021

Penyertaan Jabatan Audit Negara Dalam Program INTOSAI Pada Tahun 2021 Baru (22 Program Secara Dalam Talian)

1. *The second quarterly WGITA webinar on "Enterprise-wide Audit Process and Knowledge Management IT System (OIOS Project)"* pada 15 Mac 2021
2. INTOSAI *International Scientific and Practical Conference* pada 21 – 22 April 2021
3. EUROSAI ITWG *e-Seminar "From Code to Action: SAIs exploring the world of AI"* pada 11 Mei 2021
4. *SAI Leadership and Stakeholder Meeting for Audit of Strong and Resilient National Public Health System (linked to SDG 3.d)* pada 26 Mei 2021
5. INTOSAI WGFMRR *"Cybersecurity in the Financial Sector"* pada 17 Jun 2021
6. *25th United Nations*/INTOSAI *Symposium* pada 28 - 30 Jun 2021
7. *The third quarterly WGITA webinar on the topic "Auditing Legacy IT systems"* pada 11 Ogos 2021
8. INTOSAI *Workstream on ACCC meeting* pada 1 September 2021
9. *30th* INTOSAI *WGITA Meeting* pada 1 September 2021
10. INTOSAI WGITA Seminar pada 2 September 2021
11. *iCED Webinar on "Renewable Energy and Its Audit"* pada 6 - 7 September 2021
12. INTOSAI *Workstream on ACCC meeting with* INTOSAI *Professional Standards Committee (PSC)* pada 15 September 2021
13. *13th* INTOSAI *KSC Steering Committee Meeting* pada 16 September 2021
14. *CBC P2P Meeting Series (1) - initiation and needs assessment* pada 28 September 2021
15. *5th Meeting of the* INTOSAI *Working Group on Big Data* pada 29 September 2021
16. *2021 CBC Steering Committee Meeting* pada 29 September 2021
17. INTOSAI *CBC "Preparing for a Peer Review 6"* pada 10 November 2021
18. INTOSAI *WGFMRR Meeting* pada 18 November 2021
19. *9th International Training Programme on Environmental Auditing by iCED* pada 22-26 November 2021
20. *CBC P2P Meeting Series (2) - Design and planning (SAI France/IDI)* pada 25 November 2021
21. *CIDI 's Global Summit on 'What is the audit impact of Supreme Audit Institutions?'* pada 30 November 2021
22. *Professional Education for SAI Auditors-Pilot (PESA-P) – ongoing programme* pada Julai -Disember 2021



INTOSAI *Working Group on Financial Modernization and Regulatory Reform Meeting* pada 18 November 2021

Lain – Lain Program Antarabangsa Pada Tahun 2021 (10 Program Secara Dalam Talian)

1	*Knowledge Sharing on Audit on Tourism Management and Development – with* Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia	**4 Mei 2021**
2	*Knowledge Sharing on Audit on SDG's Implementation for Renewable Energy – with* Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia	**9 Jun 2021**
3	*Knowledge Sharing on Good Corporate Governance of SOEs on Infrastructure Development – with* Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia	**9 Jun 2021**
4	*5th Forum of Entities Associated with* ASEAN	**11 Jun 2021**
5	46th ASEAN Audit *Committee* (AAC)	**29 Jun 2021**
6	*P4R/GIZ study on SDG audit uptake – interview*	**9 Jun 2021**
7	*Virtual Meeting with SAI* Indonesia	**26 Ogos 2021**
8	*Virtual Meeting with SAI* India	**27 Ogos 2021**
9	*The 5th South East Asia Multi-Forum on Implementation of the SDGs*	**28-30 September 2021**
10	*Bilateral Exchange on Data Anaytics in Auditing* antara Pasukan *Big Data Analysis CNAO* dan Pasukan Digital Audit JAN	**18 Oktober 2021**



P4R/GIZ study on SDG audit uptake – interview pada 9 Jun 2021



5th Forum of Entities Associated with ASEAN pada 11 Jun 2021



Virtual Meeting with SAI Indonesia pada 26 Ogos 2021



Virtual Meeting with SAI India pada 27 Ogos 2022



Bilateral Exchange on Data Anaytics in Auditing antara Pasukan *Big Data Analysis CNAO* dan Pasukan Digital Audit JAN pada 18 Oktober 2021

Bahagian Penyelarasan dan Kolaborasi Strategik

Bahagian Penyelarasan dan Kolaborasi Strategik (BPKS) memainkan peranan utama sebagai bahagian yang menyelaras pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Pihak BPKS akan bekerjasama rapat dengan Sektor Audit Prestasi, Sektor Audit Kewangan, Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan dan Jabatan Audit Negara (JAN) di peringkat Negeri bagi memastikan LKAN dibentangkan di Parlimen dan DUN pada masa yang telah ditetapkan. Di samping itu BPKS juga menyelaraskan kerja percetakan LKAN yang dilakukan oleh Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB). Pihak BPKS juga berkolaborasi dengan Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bagi memastikan Kenyataan Media Ketua Audit Negara berkaitan LKAN disiarkan oleh pihak media pada waktu yang ditetapkan dan LKAN dimuatnaik ke Portal JAN tepat pada masanya.

BPKS menjadi penghubung utama antara Pejabat Ketua Audit Negara dan JAN Negeri semasa sesi semakan akhir LKAN yang akan dibentangkan. Segala maklumat dan data LKAN peringkat Negeri akan dikemas kini oleh BPKS untuk makluman KAN.

i. Pelan Tindakan LKAN Negeri Tahun 2021



1. LKAN Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2019 Siri 2

- Perkenan Yang di-Pertuan Agong - 15 September 2021
- Bentang di Parlimen - 28 September 2021



2. LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2020

- Perkenan Yang di-Pertuan Agong - 1 Disember 2021
- Bentang di Parlimen - 2 Disember 2021

ii. Mesyuarat LKAN



iii. Mesyuarat Penyelarasan Pengauditan *Across The Board* (ATB) Pengurusan Hutan Negeri Serta Penyelarasan Maklumat Bagi Pengauditan Pengurusan Hutan Peringkat Persekutuan

- 31 Mac 2021- Dewan Serbaguna Aras 1, Blok F3 Kompleks F, Putrajaya



iv. Bengkel Audit Pematuhan Zakat Fi Sabilillah pada 6 Julai 2021



v. Mesyuarat Pengarah Audit Negeri/Timbalan Pengarah Audit Negeri bersama Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) pada 6 Ogos 2021



vi. Mesyuarat Bahagian BPKS pada 12 Ogos 2021



vii. Bengkel Perkongsian Pengauditan Tanah Rizab Melayu pada 23 Ogos 2021



viii. Mesyuarat BPKS, Seksyen Penyelarasan Laporan Prestasi, Kewangan dan Syarikat serta Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) pada 16 Ogos 2021

ix. Urus setia bagi Mesyuarat Pengurusan Tertinggi JAN (MPT)

- Sepanjang tahun 2021 BPKS telah berjaya menguruskan lapan kali Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) JAN yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KAN secara dalam talian dan bersemuka seperti berikut:

MPT KHAS

1. 12 Januari 2021
2. 31 Mei 2021
3. 7 Julai 2021
4. 25 Ogos 2021
5. 7 Oktober 2021

MPT

1. 22 Februari 2021
2. 8 Mac 2021
3. 30 September 2021



Persidangan Pengarah Audit Negeri/Timbalan Pengarah Audit Negeri (PAN/TPAN) Bil. 1 Tahun 2021

Persidangan telah diadakan pada 7-10 April 2021 di Sunway Putra Hotel Kuala Lumpur. Terdapat tiga acara utama dalam persidangan kali ini iaitu:

1. Majlis Perasmian Persidangan
2. Pembentangan Kertas Kerja dan Dialog
3. Majlis Makan Malam dan Malam Jasamu Dikenang

Persidangan kali ini mengandungi enam sesi dialog dan lima sesi pembentangan/taklimat/ceramah. Sesi dialog melibatkan pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan Audit Negara (JAN), sektor-sektor di peringkat Ibu Pejabat dan Akademi Audit Negara. Manakala sesi pembentangan melibatkan pihak dalaman dan luaran JAN. Dua penceramah luar yang dijemput ialah:

1. YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan - Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Encik Saiful Ezani Mazlan - INTAN Bukit Kiara



Peserta Persidangan PAN/TPAN Bil.1 Tahun 2021



Ucapan Perasmian Persidangan oleh YBhg. Datuk Ketua Audit Negara

Sesi Dialog Bersama Sektor Audit Kewangan



Pembentangan Pelantikan Firma Audit Swasta (FAS) oleh YBrs. Puan Swaibatul Aslamiah Haji Husain, Pengarah Sektor Audit Kewangan II

Pembentangan Pengauditan Zakat Secara *Across the Board* (ATB)



Timbalan Pengarah Audit, Sektor Audit Kewangan - Encik Zakri Mamat



PAN Sabah - Encik Mohd Nasri Mohd Nasir



PAN Perak - Puan Baridatul Anita Bidin

Sesi Dialog Bersama Sektor Audit Prestasi





Sesi Dialog Bersama Sektor Audit Prestasi

Sesi Penggunaan Bahasa Melayu dalam Laporan Ketua Audit Negara – Struktur, Gaya Bahasa & Terminologi



Pembentangan oleh YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan – Dewan Bahasa dan Pustaka



Penyampaian Cenderamata oleh YBhg. Datuk KAN

Sesi Dialog Bersama Sektor Audit Syarikat Kerajaan



Perkongsian Ilmu dan Motivasi oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) - YBhg. Datuk Johari Ismail



Pembentangan Format Baharu Pelaporan Pengauditan Syarikat Kerajaan oleh Pengarah Sektor Audit Syarikat - YBhg. Datuk Nor Salwani Muhammad

Sesi Ceramah Kepimpinan – Boss vs Leaders



Penceramah YBrs. Encik Saiful Ezani Mazlan dari INTAN



Penyampaian cenderamata kepada Penceramah

Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang PAN/TPAN Bersama Timbalan Ketua Audit Negara (TKAN)



Acara Memotong Kek oleh Timbalan Ketua Audit Negara (TKAN)



Ucapan oleh Wakil Peserta Persidangan, YBrs. Encik Mohd Serjana Ibrahim

Ucapan daripada TKAN (Prestasi), TKAN (Kewangan) dan TKAN (Syarikat)



Ucapan Penghargaan oleh YBhg. Datuk KAN Kepada TKAN yang Bakal Bersara



YBrs. Tuan Haji Khalid Khan Abdullah Khan , TKAN Prestasi



YBhg. Dato' Che Isa Che Kob , TKAN Kewangan



YBhg. Datuk Johari Ismail, TKAN Syarikat

Unit Integriti

Penubuhan Unit Integriti (UI) di Jabatan Audit Negara (JAN) adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 yang bertujuan untuk menyelaras pengurusan integriti di JAN dalam usaha memantapkan integriti dan akauntabiliti pegawai JAN. UI JAN telah ditubuhkan berdasarkan enam fungsi teras sepertimana yang tertakluk dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013.

Pencapaian UI JAN berdasarkan fungsi UI adalah seperti berikut:



Butiran Pencapaian UI JAN bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

(a) Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Jabatan Audit Negara (JAR JAN)

Mesyuarat JAR JAN telah diadakan sebanyak tiga kali. Butiran mesyuarat adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Butiran Mesyuarat JAR JAN

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Butiran
1.	Bilangan 1 Tahun 2021	25 Januari 2021	Secara Bersemuka
2.	Bilangan 2 Tahun 2021	3 Mei 2021	Secara Bersemuka (Ibu Pejabat) dan Sidang Video (Negeri)
3.	Bilangan 3 Tahun 2021	13 September 2021	Secara Bersemuka (Ibu Pejabat) dan Sidang Video (Negeri)

(b) Program Pengukuhan Integriti

Program Pengukuhan Integriti telah dijalankan di Ibu Pejabat JAN. Perincian program adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Perincian Program Pengukuhan Integriti

Bil.	Program/ Aktiviti	Tarikh	Catatan
1.	*Newsletter*	22 Februari 2021	Amalan Norma Baharu
2.	*Newsletter*	25 Mei 2021	Dasar Bekerja Dari Rumah
3.	*Newsletter*	28 Mei 2021	Bersama Bantu Staf Bawahan Kita
4.	*Newsletter*	18 Jun 2021	Pengoperasian JAN Dalam Tempoh PKP
5.	Ceramah: Penghayatan Kod Etika Juruaudit Sempena Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2021	21 September 2021	
6.	Sesi Pemurniaan Potensi Risiko Rasuah (CRM)	12 Oktober 2021	Pembangunan Pelan Tindakan Antirasuah JAN (OACP)
7.	*Newsletter*	16 November 2021	Cuti Melebihi Kelayakan

(c) Pengurusan Aduan


Sepanjang tahun 2021, UI JAN telah menerima sembilan aduan. Bilangan kes mengikut jenis aduan adalah seperti **Rajah 1**:



Rajah 1: Jenis Aduan Yang Selesai

(d) Pengesanan Dan Pengesahan

Susulan aduan yang diterima sepanjang tahun 2021, UI JAN telah menjalankan siasatan aduan seperti **Rajah 2**:



Rajah 2: Siasatan Aduan

(e) Program Naziran Integriti

Program Naziran Integriti telah dijalankan di Ibu Pejabat JAN. Butiran program adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3: Butiran Program Naziran Integriti

Bil.	Lokasi	Tarikh	Butiran
1.	Ibu Pejabat JAN	7 hingga 8 Januari 2021	• Pemantauan MySejahtera
2.	Blok F2, Ibu Pejabat JAN	1 hingga 18 Mac 2021	• Semakan Kad Perakam Waktu
3.	JAN Negeri Sembilan	5 hingga 6 April 2021	• Rekod kehadiran • Permohonan keluar pejabat (sistem HRMIS) • Permohonan rekod cuti (sistem HRMIS) • Penggunaan aplikasi MySejahtera • Buku Daftar dan Fail Kontrak
4.	Ibu Pejabat JAN	1 Jun hingga 31 Julai 2021	• Pemantauan buku daftar kehadiran ke pejabat dalam tempoh PKP 3.0

(f) Tatatertib/Surcaj


Sebanyak lima kes tatatertib dan satu kes surcaj telah diambil tindakan sepanjang tahun 2021. Perincian kes adalah seperti **Jadual 4:**

Jadual 4: Perincian Kes Yang Selesai

Bil.	Kes	Klasifikasi	Lembaga Tatatertib	
			JPA	JAN
1.	Tatatertib	Pembayaran Tidak Teratur	1	4
2.	Surcaj	Kehilangan Komputer Riba	-	1

(g) Perisytiharan Harta

Sehingga 31 Disember 2021, JAN telah mencapai sasaran 100% dalam perisytiharan harta pegawai. Pecahan permohonan adalah seperti **Rajah 3**:



Rajah 3: Permohonan Perisytiharan Harta

Unit Khidmat Nasihat Undang-Undang

Fungsi Unit Khidmat Nasihat Undang-Undang (UKNUU)

Objektif utama UKNUU adalah untuk memberikan perkhidmatan perundangan kepada JAN dengan lebih cepat dan berkesan selaras perenggan 7(1)(*f*) Akta 62. Secara ringkasnya, fungsi utama UKNUU adalah seperti yang berikut:




Pencapaian tahun 2021

Pencapaian UKNUU bagi tahun 2021 adalah seperti yang berikut:



Mesyuarat-Mesyuarat Yang Dihadiri oleh UKNUU

Mesyuarat-mesyuarat yang dihadiri oleh UKNUU berhubung dengan isu-isu pengurusan JAN dan pengauditan yang dijalankan oleh JAN adalah seperti yang berikut:



Aktiviti Unit Khidmat Nasihat Undang-Undang bagi Tahun 2021



Sesi Perjumpaan Ketua Audit Negara Dengan Ketua Unit Audit Dalam Kementerian/Jabatan/Pejabat Setiausaha Kerajaan (Pinjaman/Kader JAN)/Bahagian Audit Sekolah pada 11 Mac 2021



Mesyuarat *Exit Conference* Pengauditan Terhadap Pengurusan Skim Perlindungan Kesihatan Nasional (mySalam) pada 19 Mac 2021



Mesyuarat Jawatankuasa Kerja CIO (JKCIO) JAN Bil. 2/2021 pada 23 Jun 2021

Unit Komunikasi Korporat

Fungsi

1. Mengurus dan menyelaras program komunikasi korporat, pengurusan media dan publisiti serta perhubungan kepada Jabatan Audit Negara.
2. Menyelaras dalam pelaksanaan pelan media berhubung publisiti dan promosi bagi dasar dan aktiviti Jabatan melalui platform media massa dan media baharu untuk tujuan penyampaian maklumat perkhidmatan.
3. Melaksanakan pemantauan liputan berita mengenai Jabatan dan perkhidmatan awam amnya.
4. Menyelaras dan mengurus pertanyaan dan maklum balas media berkaitan isu-isu semasa Jabatan dan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).
5. Menguruskan dan memantau kandungan media sosial Jabatan bagi memastikan maklumat dikemas kini dengan bahan informasi terkini.
6. Merancang aktiviti perhubungan awam dan pengurusan media bagi meningkatkan jaringan kolaborasi strategik bersama pihak media.

Program dan Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2021

Majlis Amanat Ketua Audit Negara







Majlis Amanat Ketua Audit Negara bagi tahun 2021
Tarikh : 23 Februari 2021
Tempat : Dewan Serbaguna Aras 1, Blok F3, Kompleks F & Secara Dalam Talian

Penerbitan Video Korporat



Sesi penggambaran mengambil bahan-bahan video korporat di ibu pejabat bersama pembekal pada 8 Oktober 2021





Sesi penggambaran mengambil bahan-bahan video korporat di Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan bersama pembekal pada 25 Oktober 2021

Lawatan ke studio pembekal pada 5 Oktober 2021

Bengkel Inovasi



Bengkel Inovasi Jabatan Audit Negara Tahun 2021
Tarikh : 8 hingga 10 April 2021
Tempat : Bayou Lagoon Resort, Melaka
Peserta : 47 Orang Pegawai

Ceramah Eksekutif




Ceramah Eksekutif Bil. 1 : Pecutan Terakhir Ramadan
Penceramah : Prof. Madya Dr. Zawawi Ismail
Tarikh : 30 April 2021
Tempat : Dewan Damar Sari 1 & 2, Blok F8, Kompleks F
Peserta : 269 Orang Pegawai



Ceramah Eksekutif Bil. 2 : Urus Stres Tingkat Sukses
Penceramah : Tuan Haji Ikram Hussin
Tarikh : 1 Disember 2021
Tempat : Dewan Damar Sari 1 & 2, Blok F8, Kompleks F
Peserta : 154 Orang Pegawai

Sesi Penilaian Kumpulan Inovatif dan Kreatif



Sesi Penilaian Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)
Tarikh : 7 Julai 2021
Tempat : Secara Dalam Talian
Peserta : 47 Orang Pegawai

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)



Taklimat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh Fasilitator Jabatan Audit Negara Encik Harun Jantan kepada Unit Komunikasi Korporat
Tarikh : 17 Februari 2021
Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 5, Blok F3, Kompleks F



Taklimat Lanjutan EKSA kepada AJK Induk Jabatan Audit Negara
Tarikh : 24 Mac 2021
Tempat : Dewan Serbaguna Aras 1, Blok F3, Kompleks F



Mesyuarat EKSA Jabatan Audit Negara Bil. 1
Tarikh : 26 April 2021
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 9, Blok F2, Kompleks F

Nasional

Laporan Ketua Audit Negara

Ketidakpatuhan punca kerajaan rugi RM620.07j

Ketua Audit Negara kemuka 29 syor tindakan pembetulan, penambahbaikan

Pengauditan pemantauan membabitkan sebanyak RM809.44 juta dilaksanakan terhadap tiga kementerian dan lima jabatan Persekutuan



Ketua Audit Negara, Tan Sri Abdul Majid Hussin

MAINTENANCE PAYMENTS FOR POLICE COPTERS

IGP: No hanky-panky on part of police

GEORGE TOWN: Inspector-General of Police Tan Sri Abdul Hamid Bador yesterday dismissed any hanky-panky on the part of the police in relation to the RM3.74 million regular maintenance payments for two helicopters that had been inactive for over three years.

The public fund leakages in several ministries and departments were identified in the 2019 Auditor-General's Report (Compliance Audit Report on Ministries and Federal Departments), which was released recently.

Hamid said there was no fault on the part of the police and that the matter had been explained to the auditor general during the exit conference before the report was finalised.

He said the payment was not the responsibility of the police but the Home Ministry, and that it (the ministry) did it according to what was stipulated in the contract.

"There is no hanky-panky about it. This has been explained to the auditor general. I was told then that it was agreed that this must be taken out.

"But from news reports yesterday (Aug 25), it showed as though the police were the ones with criminal intent to make payment, which they were not supposed to do. That is not the case," he said after officiating a meeting with narcotics chiefs nationwide at The Wembley Hotel here yesterday.



Tan Sri Abdul Hamid Bador

He was commenting on the discrepancy pointed out in the 2019 Auditor-General's Report released recently.

It was reported that after six months of a helicopter being inactive, the fixed monthly maintenance

PERSIDANGAN PARLIMEN KE-14 TAHUN 2021

RM98 bilion untuk bayar hutang



AUDITOR GENERAL'S REPORT YEAR 2020

Mindef lost RM10.3m due to weak management of rental revenue

KUALA LUMPUR

WEAK management of revenue from land and building rental caused the loss of RM10.30 million in rental revenue incurred by the Defence Ministry, said the *Auditor General's Report Year 2020* yesterday.

Perwira Niaga Malaysia (Permaja), which occupies 109 Mindef premises to conduct retail business in military camps, failed to pay RM1.31 million in rent after the lease period of the premises expired on May 31, 2014.

"The calculation of the rental income was made from June 1, 2014, to Dec 31, 2017, based on the lease payment claim by the ministry to Permaja dated Dec 31, 2020.

"The audit also obtained a rental assessment from the Valuation and Property Services Department for the calculation of rental revenue for 2018 to 2020 period, involving Permaja, amounting to RM899 million."

The report said that the lease agreement signed by Permaja with the Federal Land Commissioner on May 5, 2010, for 130 premises on ministry lands nationwide was for 15 years from June 1, 1999, to May 31, 2014.

> *Permaja ... failed to pay RM1.31 million in rent after the lease period of the premises expired on May 31, 2014.*

The report recommended that a proposal be made with Federal Land Commissioner to obtain approval for the lease of land and buildings used by the ministry, to enable the process of preparing rental agreements for all premises occupied by Permaja to be expedited.

The report also found that RM179,608 from the rental of 36 shoplots at the Air Force Base for 2019 and last year was not credited as government revenue but instead was put into the Air Force Unit Welfare Fund.

"This occurred because the air base management had used a letter from the Finance Ministry dated June 8, 1985, as the basis for crediting the rent for the 36 shoplots to the Unit Welfare Fund."

The report recommended that the Defence Ministry's Development Division monitor all rental agreements managed by the service management headquarters to ensure that all rental collections should be accounted for as government revenue. **Bernama**

PANGGUNG SARI

Istana Budaya yet to receive RM6m worth of equipment

KUALA LUMPUR: A total of RM6.08 million has been paid by the Tourism, Arts and Culture Ministry to company ACN 611 173 525 for the purchase of equipment for Istana Budaya, but the theatre has not received them yet, said the *Auditor General's Report Year 2020*.

According to the report released yesterday, the equipment was not received by Istana Budaya because the supplier appointed by the company had stipulated that delivery of the equipment and services would be made only after full payment had been made by company.

The report said equipment worth RM4.79 million was received 448 days late after the company's contract was terminated on Oct 20, 2017, and replaced by company 559113-M, which was appointed to continue with the upgrading of the control and automation system at Panggung Sari, Istana Budaya.

In this regard, several recommendations were submitted to Istana Budaya, that is, to ensure that the liquidator included the company in the priority list of the company's creditors for immediate settlement of debts amounting to RM6.08 million.

Also, Istana Budaya must ensure that the equipment, worth RM4.79 million, was installed and fully optimised to prevent it from becoming obsolete and unusable.

The ministry signed a contract, worth RM34.22 million with ACN 611 173 525 on Nov 10, 2016, to upgrade the stage control and automation system at Panggung Sari, Istana Budaya, through direct negotiations.

The contract, which took effect on Nov 15, 2016, was terminated on July 15, 2017 because the company was unable to continue the contract. **Bernama**

SEKTOR
AUDIT KEWANGAN

- PENGAUDITAN KEWANGAN
- PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
- PENGAUDITAN PEMATUHAN

04

Pengauditan Kewangan

Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan

Pengauditan Pematuhan

- Memastikan Tahap Akauntabiliti Sektor Awam Terpelihara
- Wang Awam Diurus Dengan Cekap
- Rekod Perakaunan Diselenggara Dengan Teratur dan Kemas Kini

Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan

Pelaksanaan Pengauditan Penyata Kewangan

JAN perlu melaksanakan 473 pengauditan penyata kewangan pada tahun 2020. Pengauditan dilaksanakan sama ada oleh pegawai JAN atau Firma Audit Swasta. Pengauditan penyata kewangan ini merangkumi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (termasuk Kumpulan Wang Persekutuan dan Akaun Amanah), 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, 147 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan (BBP), 152 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri (BBN), 148 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 12 Penyata Kewangan Majlis Agama Islam (MAI).




Firma Audit Swasta

Mandat Dan Peranan Firma Audit Swasta Dalam Memantapkan Pengauditan di Jabatan Audit Negara

Pelantikan Firma Audit Swasta (FAS) untuk melaksanakan pengauditan penyata kewangan bagi pihak Ketua Audit Negara (KAN) adalah selaras dengan subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*]. Subseksyen tersebut memperuntukkan KAN boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang yang difikirkannya berwibawa untuk menjalankan bagi pihaknya dan di bawah arahannya apa-apa siasatan, pemeriksaan atau pengauditan dan melaporkan dapatan orang itu tentang siasatan, pemeriksaan atau pengauditan kepada KAN. Pelantikan FAS antaranya dapat membantu Jabatan untuk memastikan Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan dikeluarkan dalam tempoh yang seperti yang ditetapkan.

Bilangan penyata kewangan yang diaudit oleh Firma Audit Swasta pada tahun 2021

Sebanyak 121 penyata kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 diaudit oleh FAS.



Jabatan Audit Negara

26 penyata kewangan

18%

Firma Audit Swasta

121 penyata kewangan

82%

Jumlah

147 penyata kewangan


100%

Sijil Ketua Audit Negara

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 1700, 1705 dan 1706. ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit boleh dikeluarkan kepada Auditi, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

JAN akan mengesahkan penyata kewangan dan mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara yang mengandungi pendapat terhadap penyata kewangan auditi. Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan oleh JAN mempunyai empat jenis iaitu Sijil Tanpa Teguran, Sijil Berteguran, Sijil Bertentangan dan Sijil Penafian.

Jenis-Jenis Sijil Ketua Audit Negara



Perenggan Penegasan Perkara, Perkara Utama Audit dan Perenggan Hal-hal Lain boleh dimasukkan sekiranya terdapat keperluan namun perenggan ini tidak menjejaskan pendapat Audit.

Sehingga 31 Disember 2021, JAN telah mengesahkan 453 penyata kewangan tahun 2020 yang terdiri daripada satu Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, 140 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, 141 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, 148 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan 10 Penyata Kewangan Majlis Agama Islam. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Tahun 2020 telah dibentangkan di Parlimen pada 28 Oktober 2021 dan 22 Mac 2022. Sijil yang dikeluarkan bagi pengesahan Penyata Kewangan Tahun 2020 adalah seperti berikut:





Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 (belum diaudit) oleh Encik Redzuan Hasan, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) pada 5 Mac 2021



Pembentangan LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan di Dewan Rakyat pada 28 Oktober 2021



Pemeriksaan Stor di Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia pada 20 Disember 2021

Pengauditan Pematuhan

Pendahuluan

Dilaksanakan mulai tahun 2019 selaras dengan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100 terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri dengan memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area) berdasarkan *red flag*.

Tujuan dan Skop Pengauditan Pematuhan

Pengauditan ini bertujuan memberi jaminan kepada pihak berkepentingan berkaitan hasil penilaian atau pengukuran terhadap perkara yang diliputi berbanding kriteria. Ia juga membolehkan tindakan pembetulan awal diambil terhadap setiap isu yang dibangkitkan atau mengambil langkah pencegahan supaya perkara yang sama tidak berulang. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pemborosan, pembaziran, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam yang berlaku akibat daripada ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Skop pengauditan pematuhan dilaksanakan dalam tahun semasa.

1 Pemborosan

(a) Pemborosan ialah perbuatan tidak hemat, suka mengeluarkan wang berlebih-lebihan, suka memakai barang-barang berlebih-lebihan. (Kamus Dewan).

(b) Pemborosan ialah perbelanjaan atau penggunaan sumber yang melampaui tahap keperluan. (Handbook Pengauditan Pematuhan Tahun 2020).

2 Pembaziran

(a) Pembaziran adalah perbuatan berlebih-lebihan sehingga terbuang; menggunakan sesuatu dengan berlebih-lebihan sehingga terbuang; membazir berlebih-lebihan menggunakan (membeli) sesuatu sehingga ada yang terbuang dengan sia-sia. (Kamus Dewan).

(b) Pembaziran berlaku apabila bekalan, kerja dan perkhidmatan yang diperoleh tidak digunakan langsung; hanya digunakan sebahagian sahaja; atau tidak digunakan secara optimum. (Handbook Pengauditan Pematuhan Tahun 2020).

(c) Berdasarkan Garis Panduan Susulan Audit, pembaziran ialah penilaian terhadap pelaksanaan program atau aktiviti berdasarkan keperluan sebenar sama ada berlakunya perkara seperti bekalan/perkhidmatan/kerja yang digunakan melebihi keperluan dan tidak menepati objektif asal program atau aktiviti.

3 Pembayaran Tidak Teratur

(a) Mengikut WP10.3, pembayaran tanpa kuasa/salah/pembayaran tidak sepatutnya (improper payment) ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak wajar, sama ada bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran.

4 Kehilangan/Kerugian Wang Awam

(a) Kehilangan wang awam daripada perspektif 3P1K adalah merujuk kepada hasil yang tidak dapat dipungut dan kehilangan wang awam disebabkan oleh kecurian, penipuan/penyelewengan atau kecuaian seseorang pegawai.

(b) Kerugian wang awam daripada perspektif 3P1K adalah merujuk kepada wang awam yang tidak dapat dipungut seperti denda/penalti disebabkan oleh kelemahan kontrak atau pelanggaran kepada sesuatu kontrak/perjanjian yang dimeterai antara pihak kerajaan dengan pihak-pihak tertentu yang tidak dikuatkuasakan.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020 yang dibentangkan di Parlimen pada 28 Oktober 2021 dan LKAN Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2020 pada 22 Mac 2022 telah melaporkan berkaitan pengauditan pematuhan seperti berikut:

Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan



Tarikh Dibentangkan
28 Oktober 2021

25 syor

3 Kementerian

5 Jabatan

8 Tajuk Pengauditan Pematuhan

JUMLAH SEMAKAN AUDIT : RM899.44 JUTA

KONTRAK RM772.40 JUTA

RM499.18 juta – Bayaran Tuntutan Kos Penyenggaraan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan

- Majlis Keselamatan Negara **(MKN)**

RM227.94 juta – Kutipan Hasil Pas Lawatan Kerja Sementara Secara Dalam Talian Melalui Syarikat Perkhidmatan

- Jabatan Imigresen Malaysia **(JIM)**

RM37.43 juta – Kutipan Sewa Pejabat Pentadbiran Syarikat Konsesi dan Tapak Komersial di Lebuh Raya Semenanjung Malaysia

- Kementerian Kerja Raya **(KKR)**

RM7.85 juta – Tuntutan Bayaran Balik Kos Pembaharuan Lesen Perisian Berkaitan Sistem MyResult

- Pejabat Belanjawan Negara **(NBO)**

PEROLEHAN RM54.80 JUTA

RM28.99 juta – Bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari

- Istana Budaya **(IB)**

RM25.81 juta – Sumbangan Bantuan Penyelenggaraan Kepada Sekolah Bantuan Kerajaan

- Kementerian Pendidikan Malaysia **(KPM)**

HASIL RM72.24 JUTA

RM61.65 juta – Taksiran Duti Kastam bagi Kenderaan Import Baharu dan Terpakai

- Jabatan Kastam Diraja Malaysia **(JKDM)**

RM10.59 juta – Hasil Sewa Tanah dan Bangunan

- Kementerian Pertahanan **(MINDEF)**

JUMLAH ISU PEMBAYARAN TIDAK TERATUR, KERUGIAN WANG AWAM DAN PEMBAZIRAN : RM620.07 JUTA

PEMBAYARAN TIDAK TERATUR RM510.49 JUTA

- **RM499.18 juta –** Bayaran tuntutan perkhidmatan penyenggaraan tanpa pengesahan. **(MKN)**
- **RM6.08 juta –** Peralatan telah dibayar tetapi belum diterima. **(IB)**
- **RM4.30 juta –** Tuntutan tidak wajar. **(NBO)**
- **RM0.93 juta –** Bayaran kerja yang tidak dilaksana, tidak mengikut spesifikasi dan skop kerja tidak diluluskan. **(KPM)**

KERUGIAN WANG AWAM RM104.79 JUTA

- **RM81.69 juta –** Penalti belum tuntut dan tidak dikenakan. **(JIM)**
- **RM13.07 juta –** Sewa tidak dikutip. **(KKR dan MINDEF)**
- **RM5.92 juta –** Duti Kastam terkurang pungut. **(JKDM)**
- **RM2.75 juta –** Kutipan sewa tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan. **(KKR dan MINDEF)**
- **RM1.25 juta –** Perbezaan harga perolehan dengan anggaran harga semasa. **(KPM)**
- **RM0.11 juta –** Wang cagaran tidak dikutip. **(MINDEF)**

PEMBAZIRAN RM4.79 JUTA

- **RM4.79 juta –** Peralatan lewat diterima dan tidak dipasang. **(IB)**

Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan



Tarikh Dibentangkan
22 Mac 2022

16 syor

5 Agensi

5 Tajuk Pengauditan Pematuhan

5
PENGAUDITAN PEMATUHAN

Jumlah Semakan Audit
RM1,529.52 juta

3 JUMLAH BAYARAN RM1,509.67 JUTA

Bayaran RM1,295.65 juta
Pemulangan Caruman Kerajaan dan Penggunaan Dividen Atas Caruman Kerajaan -
Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

Bayaran RM205.15 juta
Bayaran Program Insentif Hasil Tangkapan Nelayan -
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

Bayaran RM8.87 juta
Bayaran Projek Agriculture Intelligence System (AIS) Fasa 1 -
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

2 JUMLAH HASIL RM19.85 JUTA

Hasil RM17.79 juta
Kutipan Hasil Sewa Beli Projek Perumahan Tradisional -
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)

Hasil RM2.06 juta
Kutipan Fi Pendaftaran Pengguna Data -
Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PPDP)

Pembayaran Tidak Teratur RM1,298.76 JUTA

- **RM695.06 juta –** Caruman Kerajaan tidak dipulangkan kepada Kumpulan Wang Disatukan. **(LTAT)**
- **RM600.59 juta –** Bayaran dividen tahun 2018 hingga 2020 menggunakan dividen atas caruman Kerajaan tidak mematuhi Akta 101. **(LTAT)**
- **RM2.12 juta –** Skim Subsidi Diesel dan Petrol diberi kepada pemilik vesel yang tidak mengisytiharkan hasil tangkapan ikan. **(LKIM)**
- **RM0.02 juta –** Bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan kepada nelayan yang telah meninggal dunia. **(LKIM)**
- **RM0.02 juta –** Bayaran Insentif Pendaratan Ikan kepada nelayan yang telah meninggal dunia. **(LKIM)**
- **RM0.95 juta –** Bayaran dibuat di luar tempoh kontrak. **(MARDI)**

Jumlah Isu Pembayaran Tidak Teratur, Kerugian Wang Awam dan Pembaziran
RM1,319.08JUTA

Kerugian Wang Awam RM11.45 JUTA

- **RM8.96 juta –** Fi pendaftaran pengguna data tidak dikutip. **(PPDP)**
- **RM1.79 juta –** Tiada tindakan penguatkuasaan terhadap sewa tertunggak sehingga 31 Disember 2020. **(KEDA)**
- **RM0.19 juta –** Cukai tanah dan insurans belum dikutip. **(KEDA)**
- **RM0.51 juta –** Pengurangan denda lewat. **(MARDI)**

Pembaziran RM8.87 JUTA

- **RM8.87 juta –** Projek AIS Fasa 1 tidak digunakan sepenuhnya sejak bulan November 2020. **(MARDI)**



Pembentangan Praprosiding LKAN Pematuhan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara pada 21 September 2021



Lawatan ke Projek Pembinaan Kapal LCS di Lumut Perak pada 11 Disember 2021



Loji Rawatan Air Langat 2 di Hulu Langat (Foto Hakim)

Projek belum capai objektif bekal air ke Selangor, KL

Pelaksanaan projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan (LRAL2) Fasa 1 belum dapat mencapai objektif membekalkan 1,130 juta liter sehari (JLH) air terawat ke kawasan sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 2, prestasi projek itu tidak memuaskan kerana kelewatan menyiapkan pakej kerja sistem agihan air menyebabkan penyaluran air terawat ke koridor utara serta koridor barat tidak dapat dilaksanakan.

Pada masa sama, pengurusan projek itu kurang cekap kerana kelemahan ketara pada peringkat perancangan projek, memlahirkan kelewatan, menukarkan Pemerkuatkuran Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Selangor.

Selain itu, pengambilan dan pemberimilikan tanah kepada Perbadanan Tanah Persekutuan belum selesai serta perbelanjaan untuk Fasa 1, iaitu RM2,693.7 juta melebihi peruntukan dilulukan Jemaah Menteri sebanyak RM2.80 juta.

"Pengoperasian sepenuhnya jam air terawat, genset, alat pengubah dan sistem SCADA (*Supervisory Control and Data Acquisition*) mengikut spesifikasi juga tidak dapat dipastikan kerana komponen lengkap Projek LRAL2 belum diintegrasi," menurut laporan itu.

Sementara itu, Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor (PPAMPS) antara penyelesaian bekalan air bersih di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya hingga 2020 yang siap pada 2015, belum mencapai penyaluran air mentah 1,890 JLH kerana kelewatan pembinaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRA2).

Keadaan itu menyebabkan kapasiti penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor hanya mencapai pengeposan 625 JLH bagi enam bulan sehingga 2020.

Sementara itu, LKAN mendapati pengurusan penyenggaraan, pembaikan dan naik taraf kuarters di Putrajaya selaras Bahagian Pengurusan Harta-nah (BPH) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dilaksanakan dengan kurang cekap dan kurang berkesan.

Menurut laporan itu, terdapat kelemahan dalam pemantauan dan pengurusan aduan kerosakan serta proses pembaikan dan naik taraf unit kuarters kosong yang tidak teratur, menyebabkan kelewatan serahan semula kuarters yang dibaiki kepada Unit Kuarters untuk penawaran kepada penghuni baharu.

Pengauditan membabitkan penilaian terhadap pengurusan penyenggaraan, pembaikan dan naik taraf kuarters di Putrajaya bagi tempoh 2017 hingga 2020 yang meliputi dua bidang utama audit, iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti.

Laporan itu mendedahkan, penyelesaian aduan oleh kontraktor lantikan Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya keseluruhannya hanya 75.7 peratus berbanding Petunjuk Prestasi Utama ditetapkan iaitu 90 peratus kerana banyak aduan tertunggak walaupun diberi notis peringatan oleh JKR disebabkan prestasi kontraktor rendah.

Selain itu, penyenggaraan preventif membabitkan kerja penyenggaraan pokok (pagar luar) kuarters jenis teres dan pemotongan rumput kuarters jenis bungalo tidak dilaksanakan mengikut jadual berdasarkan 334 aduan pengguna.

Menurut laporan itu, pembinaan unit kuarters kosong dengan kerosakan utama oleh JKR Putrajaya dan PPJ mengambil masa lama antara 69 hingga 1,061 hari untuk JKR Putrajaya dan 15 hingga 885 hari bagi PPJ. BERNAMA

Wadah Pembaharuan
BH BeritaHarian
Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my

KPDNHE
lebih 2,0
kuasa, 1,
harga dal
8.0 tanga
harga aya
Nasional 16

Laporan Ketua Audit Negara

Sistem baharu Kastam gagal disiapkan lebih 7 tahun

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mendedahkan sistem uCustoms bernilai RM317.78 juta yang dibangunkan untuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) gagal disiapkan dalam tempoh tujuh tahun dua bulan walaupun selepas lima kali lanjutan masa (EOT) diberikan.

Sistem uCustoms adalah antara 25 isu bersifat *quantum* memerlukan siasatan yang didedahkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2 yang dibentangkan di Dewan Rakyat, semalam.

Mengenai uCustoms, LKAN melaporkan kajian kemungkinan juga tidak dijalankan sebelum projek sistem uCustoms itu dilaksanakan bagi menggantikan Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang sudah digunakan sejak 1985.

Ia juga mendedahkan kerajaan sudah membayar hampir RM273 juta untuk sistem baru itu, namun ia tidak disiapkan sehingga kini.

Pembangunan sistem itu dilaksanakan oleh Syarikat 534044-H yang dilantik Kementerian Kewangan sebagai pembekal utama menerui tender terhad.

Menurut laporan itu lagi, kontrak berbenan pada mulanya bernilai RM317.78 juta bagi tempoh selama 24 bulan, dan meningkat menjadi RM390.01 juta selepas Kementerian Kewangan meluluskan lima lanjutan masa dan tiga kontrak tambahan dengan tarikh penyelesaian dijangkakan kepada 31 Disember tahun lalu.

Nasional 2



"Kerajaan sudah membayar hampir RM273 juta untuk sistem baharu itu, namun ia tidak disiapkan sehingga kini"

Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara

Laporan Ketua Audit Negara

Kelemahan sistem utama iJPN dikesan



Penyelarasan data warganegara tidak memuaskan punca kelulusan permohonan tak dapat disahkan

SEKTOR
AUDIT PRESTASI

- PENGAUDITAN PRESTASI
- BAHAGIAN I
- BAHAGIAN II
- BAHAGIAN III
- BAHAGIAN AUDIT ICT
- BAHAGIAN SUSULAN AUDIT
- BAHAGIAN TEKNIKAL

05

Pengauditan Prestasi

Pengauditan Prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

Pengauditan prestasi merupakan suatu pemeriksaan bebas, objektif dan boleh dipercayai bagi menentukan sistem, operasi, program, aktiviti Kerajaan atau organisasi beroperasi mengikut prinsip ekonomi, cekap dan berkesan serta mempunyai ruang untuk penambahbaikan. Antara tujuan lain pengauditan prestasi adalah untuk menyemak sasaran *output* dan *outcome* yang ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi adalah tercapai seperti yang ditetapkan.

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara

Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 2 Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan




Tarikh Dibentangkan
28 September 2021

62 syor

- **12** Kementerian
- **1** Jabatan
- **17** Tajuk Pengauditan

Jumlah Keseluruhan
RM90.635 bilion



Bahagian I

A. Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar

Pengauditan ini melibatkan Jabatan Perhutanan Negeri Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) serta beberapa agensi yang lain. Lawatan fizikal bagi *pilot study* dilaksanakan di Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Utara pada Oktober 2021 dan di Beting Baru, Jajahan Tumpat serta di Pantai Senok, Jajahan Bachok negeri Kelantan pada November 2021. Lawatan juga diadakan di Galeria Perhutanan bagi pendedahan dan ilmu hutan kepada pasukan Audit. Pasukan Audit turut mendapat taklimat dan demo sistem yang digunakan oleh agensi *Malaysian Space Agency* (MYSA) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).



Lawatan Tapak di Menara Tinjau bagi melihat Peta Kompartmen dan kawasan hutan yang diwarta keluar pada 5 Oktober 2021






Kunjungan Jabatan Audit Negara ke Galeria Perhutanan dan Menghadiri Sesi Taklimat Berkenaan Pengurusan Hutan pada 6 Oktober 2021 di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

B. Pengauditan Terhadap Pengurusan Kompleks Parcel F Putrajaya

Pengauditan terhadap Pengurusan Kompleks Parcel F Putrajaya dijalankan berkaitan pengurusan Projek Kompleks Parcel F dibangunkan secara kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta/*Private Fund Initiative* (PFI) melalui kaedah *Built-Lease-Maintain-Transfer* (BLMT) dengan penarafan *Green Building Index* (GBI) *Gold Rating*. Pengauditan melibatkan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) dan Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya (JKRWPP) di Putrajaya. Pemeriksaan fizikal Audit pula dijalankan meliputi keseluruhan blok Kompleks Parcel F Putrajaya.



Pengauditan Fizikal Kompleks Parcel F Putrajaya pada 28 Oktober 2021 di Blok F1, Kompleks Parcel F, Putrajaya



Pengauditan Fizikal Kompleks Parcel F Putrajaya (Semakan Panel Solar Blok F2) pada 29 Oktober 2021 di Blok F2, Kompleks Parcel F, Putrajaya

C. Pengauditan Projek dan Program di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)

Wilayah Ekonomi Koridor Utara/*Northern Corridor Economic Region* (NCER) mula diperkenalkan pada Januari 2007 dalam RMKe-9 sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mengurangkan ketidakseimbangan wilayah dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang saksama di seluruh negara melalui pewujudan lima wilayah ekonomi. Mesyuarat Pembukaan diadakan pada 27 September 2021 melibatkan pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Bahagian Perancang Jabatan Perdana Menteri dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri SUK Negeri Perlis, Kedah, Perak serta Pulau Pinang. Perbincangan dengan setiap SUK juga telah diadakan pada 5 dan 6 Oktober sebelum pengauditan dimulakan. Seterusnya sesi perbincangan bersama JPM, MOF & UKAS telah diadakan pada 8 Oktober 2021. NCIA ditubuhkan pada 1 Oktober 2008 melalui Akta 687 atau Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara 2008 bertujuan untuk menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan NCER supaya menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan pelaburan, pekerjaan dan kehidupan.



Lawatan ke projek CVIA di Chuping, Perlis pada 8 April 2021 semasa peringkat *preliminary review*



Tapak Program EMM2.0 di Pendang, Kedah pada 27 Oktober 2021



Tapak Projek Kedah Rubber City di Padang Terap, Kedah pada 26 Oktober 2021

D. Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar

Program ini terdiri daripada Program Perumahan (Program Baik Pulih Rumah di Bandar dan Program Rumah Sejahtera) serta Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PeKB). Pelaksanaan Program Perumahan melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berperanan sebagai agensi pelaksana di negeri. Pelaksanaan Program PeKB pula melibatkan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sebagai agensi pelaksana. Objektif PPKB adalah untuk mengurangkan beban tanggungan serta meningkatkan keupayaan dan kualiti hidup golongan B40 demi kesejahteraan komuniti.



Taklimat Awal Mengenai Bantuan kepada Golongan Miskin di Bandar oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 27 April 2021



Persediaan di Sabah Parks Jetty untuk Lawatan Pemeriksaan Fizikal Peserta Program Bantuan Baik Rumah di Pulau Gaya pada 20 November 2021



Pemeriksaan Fizikal dan Temu Bual dengan Peserta Program Rumah Sejahtera di Tawau, Sabah pada 22 November 2021

E. Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar

Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) dibangunkan secara *Public Private Partnership* (PPP) bagi tempoh 15 tahun bermula tahun 2017 hingga 2032 oleh Jabatan Alam Sekitar. Program ini adalah kesinambungan pengumpulan data kualiti alam sekitar dan menyediakan sistem pengawasan dan pengesanan pencemaran yang cekap, berteknologi tinggi dan menyeluruh bagi mencegah pencemaran alam sekitar. Stesen pengawasan meliputi komponen udara, air sungai dan marin ditempatkan di seluruh negara bagi memantau kualiti alam sekitar. Pusat Data Alam Sekitar pula berfungsi menerima, memproses, menganalisis, menyimpan dan menyediakan data kualiti alam sekitar secara masa sebenar kepada Kerajaan.



Lawatan ke Stesen *Photo Ionized Detector* (PID) di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Putih, Pasir Gudang pada 5 April 2021



Lawatan ke Stesen Marin Automatik di Jeti Tanjung Pengelih, Johor pada 5 April 2021



Lawatan ke Stesen Cuaca di Dewan Muafakat Masai, Pasir Gudang pada 6 April 2021

Bahagian II

A. Aktiviti Kawalan Terhadap Penggajian Ekspatriat

Pada tahun 2021 Cawangan Audit Prestasi 7 telah melaksanakan pengauditan prestasi berkaitan Aktiviti Kawalan Terhadap Penggajian Ekspatriat. Mesyuarat *Entrance Conference* bagi pengauditan telah diadakan pada 13 Ogos 2020 dan disusuli dengan pengauditan terperinci bermula 17 Ogos 2020. Dapatan daripada pengauditan ini telah dibentangkan di Parlimen melalui Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1 (LKAN Tahun 2020 Siri 1) pada 22 Mac 2022.



Sesi Taklimat Awal secara dalam talian berkenaan Percukaian Ekspatriat bersama Pengarah-pengarah Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan LHDN pada 2 Februari 2021



Perbincangan pasukan Audit bersama Jabatan Imigresen Malaysia pada 12 November 2021



Sesi Exit Conference secara dalam talian Pengauditan Aktiviti Kawalan Terhadap Penggajian Ekspatriat pada 18 November 2021

B. Pengurusan Program Kolaborasi Industri [Industrial Collaboration Programme (ICP)]

Pada tahun 2021 telah dilaksanakan pengauditan prestasi terhadap Pengurusan Program Kolaborasi Industri [Industrial Collaboration Programme (ICP)]. Dapatan daripada pengauditan ini telah dibentangkan di Parlimen melalui Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1 pada 22 Mac 2022. Susulan daripada pembentangan LKAN Tahun 2020 Siri 1, terdapat lapan isu audit telah dimuat naik ke *Auditor General's Dashboard* (AG Dashboard) di mana kesemua status berwarna kuning iaitu "Dalam Tindakan".



Sesi lawatan ke BHIC Aerospace Sdn. Bhd. (BHICAS) pada 3 Mei 2021

Pasukan telah melaksanakan lawatan fizikal audit ke:

1. BHIC Aerospace Sdn. Bhd. (BHICAS) menjadi Pusat *Maintenance, Repair*, dan *Overhaul* (MRO) untuk pembaikan Helikopter Eurocopter dalam program ICP
2. Airbus Helicopter Simulation Centre Sdn. Bhd. merupakan pusat latihan Helikopter Eurocopter EC725/225 untuk Wilayah Asia Tenggara dalam program ICP





Sesi lawatan ke Premis Penerima ICP iaitu Airbus Helicopter Simulation Centre Sdn. Bhd. pada 3 Mei 2021

Bahagian III

A. Pengurusan Sumber Air

Pengauditan ini dilaksanakan dalam fasa kajian awalan bagi mendapatkan pemahaman terhadap Pengurusan Sumber Air Negara bagi tujuan pelaksanaan pengauditan secara komprehensif. Di peringkat ini, pasukan audit memfokuskan skop pengurusan sumber air, perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan dengan menjalankan sesi pengauditan di Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Bahagian Bekalan Air (BBA), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Indah Water Konsortium (IWK) dan pelbagai agensi Kerajaan Negeri Selangor pada bulan Oktober hingga Disember 2021. Selain semakan dokumen dan perbincangan dengan pegawai terlibat, lawatan ke tapak juga dilaksanakan bagi mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai pengoperasian aktiviti yang dipilih.



Lawatan tapak dan taklimat oleh Pengurus Loji mengenai operasi rawatan air di Loji Rawatan Air SPP3, Bestari Jaya, Selangor pada 22 Oktober 2021

B. Pengurusan Projek Pembangunan Kompleks Bersepadu Imigresen, Kastam, Kuarantin Dan Keselamatan Bukit Kayu Hitam (ICQS)

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek pembangunan bersepadu Kompleks ICQS secara PFI yang meliputi proses perolehan, pembinaan dan pengendalian telah dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif meningkatkan keupayaan serta kecekapan operasi pihak berkuasa khususnya berkaitan perdagangan antara sempadan. Pengauditan ini melibatkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Imigresen Malaysia di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri Kedah pada bulan Mac 2021. Sesi lawatan di Kompleks ICQS juga diadakan bagi mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai pengoperasian aktiviti yang dipilih antaranya melibatkan kawalan keselamatan di Pusat Arahan Kawalan Kamera Litar Tertutup (CCTV).



Lawatan dan taklimat mengenai operasi Pusat Arahan Kawalan CCTV di Kompleks ICQS, Bukit Kayu Hitam, Kedah pada 30 Mac 2021

C. Pengauditan Projek Pembangunan Semula Kompleks Angkasapuri Sebagai Bandar Media (MEDIA CITY)

Lawatan pasukan Audit telah diadakan pada 30 November 2021 semasa berlangsung perlawanan akhir bola sepak di antara Johor Darul Takzim (JDT) F.C. dan Kuala Lumpur City F.C. bagi memenangi Piala Malaysia. Tujuan lawatan untuk mendapatkan gambaran keseluruhan peralatan penyiaran yang digunakan semasa perlawanan berlangsung. Lawatan diadakan di Stadium Bukit Jalil.



Lawatan Fizikal Terhadap Peralatan Penyiaran Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) pada 30 November 2021 di Stadium Bukit Jalil

D. Pengauditan Pengurusan Projek Naik Taraf Dan Baik Pulih Bangunan Parlimen Malaysia

Satu sesi lawatan pasukan Audit Bersama Pengarah ke Parlimen Malaysia telah diadakan pada 25 November 2021 semasa Sesi Persidangan Dewan Rakyat berlangsung. Tujuan lawatan untuk mendapatkan gambaran keseluruhan fasiliti dan kemudahan yang telah dinaik taraf dan dibaik pulih bagi kegunaan semasa sesi persidangan dewan.



Dewan Negara, Blok Utama
Lawatan fizikal terhadap kemudahan yang telah dinaik taraf di dalam Dewan Negara pada 25 November 2021



Blok Dewan Persidangan
Lawatan Audit terhadap kerja-kerja ubahsuai di dalam Dewan Persidangan Fasa 2C (ii)

E. Pengauditan Terhadap Pengurusan Projek Pusat Kawalan Trafik Udara (KL ATCC) Baharu dan Sistem-Sistem Yang Berkaitan Bagi Kuala Lumpur Flight Information Region (KL FIR)

Sesi lawatan bilik operasi RCC di KL ATCC baharu semasa Bengkel Pengenalan Asas Penerbangan Awam dan Pengurusan Trafik Udara Malaysia. Lawatan ini dijalankan pada 30 September 2021 di KL ATCC baharu.



Sesi Lawatan bilik Operasi RCC di KL ATCC baharu pada 30 September 2021



Sesi Taklimat di KL ATCC baharu pada 30 September 2021



Sesi Lawatan ke Radar TAR2 pada 30 September 2021

Bahagian Audit ICT

Bahagian Audit ICT (BAICT) bertanggungjawab terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kajian pengauditan sistem dan pengurusan data sektor awam bagi memastikan pelaburan kerajaan terhadap projek ICT telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditentukan. Hala tuju utama BAICT adalah untuk pemantapan pengauditan ICT sektor awam dan mengukuhkan aktiviti pengauditan secara digital. Antara aktiviti utama BAICT ialah seperti berikut:

Pengauditan



Pengurusan Sistem dan Data



A. Pengauditan Terhadap Perkhidmatan Konsesi Kerajaan Elektronik oleh Syarikat Perkhidmatan

Satu sesi *walkthrough* proses permohonan lanjutan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) melalui portal Syarikat Perkhidmatan telah diadakan di Ibu Pejabat Syarikat Perkhidmatan pada 30 November 2021. Sesi *walkthrough* ini merangkumi lawatan bilik kebal simpanan pelekat PLKS, bilik simpanan pelekat PLKS yang telah dicetak dan sedia untuk proses penghantaran dan Pusat Data Syarikat Perkhidmatan.



Lawatan bilik simpanan pelekat PLKS yang telah dicetak dan sedia untuk proses penghantaran

B. Pengauditan Pembangunan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS)



Pengauditan iSPEKS dilaksanakan di Pejabat Bendahari Negeri Selangor pada 9 September 2021 melibatkan aktiviti semakan dokumen dan sesi *walkthrough* sistem

C. Projek Pendigitalan Perkhidmatan JAN

Pada tahun 2021, Jabatan Audit Negara (JAN) telah mendapat kelulusan dibawah *Rolling Plan* 1 (RP1) RMKe-12 sebanyak RM3 juta bagi Kajian Pembangunan Digital Audit JAN (DAJ). Bagaimanapun, perolehan ini telah dibatalkan susulan arahan Kerajaan bagi pembatalan semua projek pembangunan dan penarikan peruntukan pembangunan bagi projek yang masih belum mempunyai Surat Setuju Terima.



Taklimat Tender DAJ di Dewan Aras 1, F3 pada 5 April 2021

Jabatan melalui BAICT telah membangunkan *prototype data warehouse*, pendigitalan penilaian risiko pengauditan kewangan dan *dashboard* sebagai kaedah dalam mengenal pasti keperluan jabatan atau *proof of concept* bagi pembangunan projek.

Disember 2021 - JAN telah memperolehi sebahagian data daripada 12 agensi dan 12 Bendahari Negeri terdiri daripada 15 sistem dengan saiz keseluruhan data yang disimpan di *data warehouse* adalah sebanyak 138.59 *gigabyte* (GB).

Saiz sebenar data mentah iaitu data yang diterima dari auditi dan belum diproses adalah 9.58 *terabyte* (TB).

6 Mei 2021 - Satu sesi Xplorasi DAJ kepada Pasukan Kerja DAJ telah diadakan bagi tujuan pendedahan dan pengalaman berkenaan inisiatif DAJ secara lebih dekat dan sistematik.



Sesi Xplorasi Digital Audit kepada Pasukan Kerja DAJ di BAICT pada 6 Mei 2021

9 November 2021 – JAN telah mendapat kelulusan di bawah RP2 RMKe – 12 bagi pembangunan Projek Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan Audit Negara (PPJ).

Pihak EPU telah meluluskan nama projek yang sebelum ini dikenali sebagai Digital Audit kepada Pendigitalan Perkhidmatan Jabatan Audit Negara (PPJ).

Objektif projek adalah untuk memperkukuh perkhidmatan audit daripada segi dasar, hala tuju, pendekatan audit dan keupayaan sumber selaras dengan perubahan dasar dan teknologi baharu ke arah pendigitalan yang mampan.

Projek ini juga untuk memantapkan pengurusan dan perkongsian data secara bersepadu bagi menghasilkan output berimpak tinggi serta pembuatan keputusan berpacukan data.

24 hingga 26 November 2021 - Mesyuarat Penyelarasan dan Pemurnian Enterprise Architecture (EA) dan PPJ telah diadakan.

D. Sesi Mesra Digital

Pada tahun 2021, sebanyak 20 Sesi Mesra Digital (SMD) telah diadakan sebagai platform kesedaran projek PPJ dan *technology updates* kepada warga JAN. SMD juga adalah platform perkongsian idea berkenaan penggunaan teknologi digital dalam menjalankan kerja pengauditan. Sesi ini dilaksanakan secara dalam talian. Butiran SMD adalah seperti berikut:

SESI MESRA DIGITAL TAHUN 2021

6 Januari 2021	Inisiatif Digital Audit JAN oleh YBrs. Tuan Haji Y Hamdan Mohd Dom, Pengarah BAICT	**61** pegawai
13 Januari 2021	Data Analitik dalam Pengurusan Tanah Persekutuan oleh Puan Norakma Sabran dan Encik Khairul Anam Muntalib, Penolong Pengarah Audit BAICT	**36** pegawai
20 Januari 2021	*Data Analytics Life Cycle* oleh YBrs. Dr. Alifah Aida Lope Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Audit BAICT	**46** pegawai
27 Januari 2021	Rancangan Audit melalui eAudit oleh Puan Zurialinda Jabal, Penolong Pengarah Audit BAICT	**41** pegawai
3 Februari 2021	Analisis Data Bagi Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar oleh Tuan Haji Che Adnan Che Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Audit BAICT	**34** pegawai
10 Februari 2021	Pengauditan Sistem ePerolehan Baharu oleh Puan Azizah Abd Kadir, Ketua Penolong Pengarah Audit BAICT, Encik Shafreezal Sobri, Penolong Pengarah Audit BAICT dan Encik Alia Ramzi, Penolong Juruaudit BAICT	**66** pegawai
17 Februari 2021	*ICT Security* oleh Encik Mohamad Deny, Penolong Pengarah, BTM	**44** pegawai
24 Februari 2021	Pengurusan Projek ICT oleh Puan Zaleha @ Siti Zaleha Yusof, Timbalan Pengarah, BTM	**50** pegawai
3 Mac 2021	Transformasi Digital di Sektor Awam oleh Encik Afizan Amer, Pensyarah Kanan, UiTM Negeri Sembilan	**73** pegawai
10 Mac 2021	*Analytical Procedure For Federal Government Financial Data (Accrual Basis)* oleh YBrs. Dr. Mohd Daniel Mohd Nassir, Ketua Penolong Pengarah Audit, Sektor Audit Kewangan	**114** pegawai
17 Mac 2021	Integrasi Data Dari Sistem SPPII (ICU JPM) Ke *Server* JAN oleh Pasukan SAI *Young Leader* (SYL) Malaysia, Encik Nazim Mat Siam, Encik Jafri Majid dan Puan Natasha Muhammad Merejok	**47** pegawai
24 Mac 2021	*Digital Audit At A Glance* oleh YBrs. Puan Hajah Kartina @ Martina Zamhari, Pengarah Bahagian Audit Kewangan I, Sektor Audit Kewangan	**91** pegawai

31 Mac 2021	Pemvisualan Data : Keperluan Teknologi Masa Hadapan oleh YBrs. Dr Siti Salwa Salleh, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Komputer & Matematik, UiTM Seremban	**34** pegawai
14 April 2021	Pengenalan Kepada Kursus-Kursus Interaktif Melalui Data Camp oleh Encik Mohd Azdi Maasar, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Komputer & Matematik, UiTM Seremban	**76** pegawai
21 April 2021	Pemantapan Kemahiran Data Analitik oleh Tuan Haji Che Adnan Che Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Audit BAICT dan Assuring Consulting Sdn. Bhd.	**57** pegawai
28 April 2021	*Data Interactor Dashboard* Digital Audit oleh YBrs. Tuan Haji Y Hamdan Mohd Dom, Pengarah BAICT	**51** pegawai
19 Julai 2021	Analisa Prediktif ePerolehan Menggunakan *Machine Learning* oleh Cik Nor Filzah Syazwani Mohd Faizal dan Cik Ili Fadilah Alias, Pelajar Praktikal BAICT	**76** pegawai
15 September 2021	Cabaran Analitis Data Dalam Pengauditan oleh Encik Khairul Anam Muntalib, Penolong Pengarah Audit BAICT dan Encik Suffian Mohamad Zaini, Penolong Juruaudit BAICT	**135** pegawai
10 November 2021	TNT Digital (Integrasi Sistem HRMIS dan Sistem iGFMAS - *Awareness*) oleh Puan Susie Anak Ambin, Akauntan, Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, Sektor Pengurusan	**84** pegawai
24 November 2021	Pembangunan Data iSPEKS Menggunakan *Excel Automation* Bersama JAN Negeri oleh Encik Jafri Abd Majid, Penolong Pengarah BAICT	**86** pegawai

Bahagian Susulan Audit

PENDAHULUAN

Institusi Audit mempunyai tanggungjawab untuk memantau tindakan penambahbaikan atau pembetulan yang telah diambil oleh auditi terhadap isu Audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Jabatan Audit Negara komited dalam aktiviti susulan dan ini terbukti sejak penubuhan Bahagian Susulan Audit (BSA) di Jabatan Audit Negara berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri Bil. N811/2012 bertarikh 9 November 2012. Susulan Audit oleh BSA memberi fokus sama ada auditi telah mengambil tindakan sewajarnya. Proses susulan audit pada masa kini merangkumi tiga komponen utama iaitu CAPA, AGD & JTLKAN seperti berikut:

A. Unit Corective Action Dan Punitive Action (CAPA)

CAPA adalah unit yang bertanggungjawab untuk membuat susulan terhadap semua isu Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang memerlukan tindakan susulan. Proses penting dalam pengurusan CAPA ialah penyaringan isu LKAN mengikut kategori tindakan iaitu *Corrective Action* (CA) dan *Punitive Action* (PA). Secara keseluruhannya, melalui pelaporan isu dalam LKAN Tahun 2011 hingga LKAN Tahun 2019 Siri 3, sebanyak 10,050 penemuan audit telah disaring sama ada bagi tindakan korektif atau punitif.

STATUS ISU KOREKTIF DAN PUNITIF UNTUK TINDAKAN MENGIKUT SIRI LKAN

Tahun LKAN	Kategori Bagi Isu LKAN – Tindakan Mengikut Siri LKAN		
	Korektif	Punitif	Jumlah
2011 Siri 3 2012 Siri 1 2012 Siri 2 2012 Siri 3 2013 Siri 3	1,315	391	1,706
2014 Siri 1 2014 Siri 2 2014 Siri 3	1,613	49	1,662
2015 Siri 1 2015 Siri 2	1,610	89	1,699
2016 Siri 1	748	103	851
2016 Siri 2	733	89	822
2017 Siri 1	364	128	492
2017 Siri 2	378	154	532
2018 Siri 1	349	29	378
2018 Siri 2	377	35	412
2018 Siri 3	393	18	411
2019 Siri 1	469	17	486
2019 Siri 2	525	25	550
2020 (Pematuhan Kementerian/ Jabatan Persekutuan)	15	7	22
2020 (Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri)	78	8	86
JUMLAH	**8,967**	**1,142**	**10,109**

B. Unit Auditor General's Dashboard (AGD)

Auditor General's Dashboard (AGD) dilancarkan pada 30 Mei 2013 bagi mewujudkan akses secara dalam talian bagi membolehkan orang awam mengetahui status tindakan yang telah dan sedang diambil terhadap penemuan Audit yang dibangkitkan dalam LKAN.

Status Isu LKAN dalam AGD

- Tiada Tindakan
- Dalam Tindakan
- Selesai

Objektif AGD

Menyediakan platform bagi membolehkan isu dan maklum balas terkini LKAN dipaparkan secara dalam talian, telus, ringkas, padat dan tepat kepada rakyat

Paparan isu Audit dan maklum balas secara dalam talian melalui sistem AGD membantu mempercepatkan penyelesaian isu berbangkit dalam LKAN oleh Kementerian/Jabatan/Agensi dan seterusnya dapat memperbaiki persepsi rakyat terhadap prestasi penyampaian sektor awam secara keseluruhannya.



SESI AUDIT *ENGAGEMENT* YANG DIJALANKAN OLEH UNIT AGD BERSAMA AUDITI

Tarikh	Auditi	Laporan Ketua Audit Negara
15 Februari 2021	Forest Plantation Development Sdn. Bhd.	**Tahun 2018 Siri 1**
17 Februari 2021	Majlis Perbandaran Kulim	**Tahun 2018 Siri 3**
11 Mac 2021	Negeri Johor	**Tahun 2016 Siri 2** **Tahun 2018 Siri 2 & 3**
16 Mac 2021	Perbadanan Putrajaya	**Tahun 2018 Siri 3**
23 Mac 2021	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	**Tahun 2016 Siri 1,** **Tahun 2018 Siri 1, 2 & 3** **dan Tahun 2019 Siri 1**

02 April 2021	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	**Tahun 2018 Siri 2 & 3**
07 April 2021	Talent Corporation Malaysia Berhad	**Tahun 2019 Siri 1**
09 April 2021	Kementerian Pendidikan Malaysia	**Tahun 2017 Siri 2, Tahun 2018 Siri 1 & 3 dan Tahun 2019 Siri 1**
22 April 2021	Kementerian Industri Utama (Forest Plantation Development Sdn. Bhd.)	**Tahun 2018 Siri 1**
03 Jun 2021	Kementerian Pengajian Tinggi	**Tahun 2016 Siri 1, Tahun 2018 Siri 1 & 2 dan Tahun 2019 Siri 1**
29 Jun 2021	Negeri Perak	**Tahun 2018 Siri 3 dan Tahun 2019 Siri 1**
15 Julai 2021	Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli	**Tahun 2019 Siri 1**
28 Julai 2021	Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)	**Tahun 2018 (Siri 1 & 2) dan Tahun 2019 Siri 1**
19 Ogos 2021	Negeri Kedah	**LKAN Tahun 2018 (Siri 1 & 2) dan Tahun 2019 Siri 1**
27 Steptember 2021	Kementerian Alam Sekitar dan Air	**LKAN Tahun 2017 Siri 2**
07 Oktober 2021	Jabatan Perdana Menteri	**LKAN Tahun 2017 Siri 2 hingga LKAN Tahun 2019**
12 Oktober 2021	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuantan	**LKAN Tahun 2013 Siri 2**
18 Oktober 2021	Kementerian Wilayah Persekutuan	**LKAN Tahun 2019 Siri 1 dan Siri 2**
29 Oktober 2021	MIMOS Berhad	**LKAN Tahun 2019 Siri 1**
29 Oktober 2021	Kementerian Pendidikan Malaysia	**LKAN Tahun 2018 Siri 3**
12 November 2021	Negeri Sembilan	**LKAN Tahun 2018 (Siri 2 & 3) dan Tahun 2019 Siri 1**

30 November 2021	Negeri Melaka	**LKAN Tahun 2017 Siri 2, LKAN Tahun 2018 (Siri 2 & 3) dan Tahun 2019 Siri 1**
06 Disember 2021	Forest Plantation Development Sdn. Bhd.	**Tahun 2018 Siri 1**
07 Disember 2021	Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)	**LKAN Tahun 2018 Siri 2**
13 Disember 2021	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	**LKAN Tahun 2018 Siri 3 hingga LKAN Tahun 2019 Siri 2**

C. Unit Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN)

Berdasarkan isu dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang telah disaring di unit CAPA, isu audit yang melibatkan kriteria 3P1K (pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur/*improper payment* dan kehilangan/kerugian wang awam) dan mempunyai asas yang kukuh akan dibentangkan dalam Mesyuarat JTLKAN. Sepanjang tahun 2021, sebanyak empat mesyuarat JTLKAN telah dilaksanakan.

MESYUARAT JTLKAN BIL. 1/2021

- Mesyuarat pada 12 Januari 2021
- LKAN 2019 Siri 1 Pengauditan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/ Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri
- LKAN dibentangkan di Parlimen pada 10 Disember 2020

MESYUARAT JTLKAN BIL. 2/2021

- Mesyuarat pada 26 hingga 27 April 2021
- LKAN Tahun 2019 Siri 1 Pengurusan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan
- LKAN dibentangkan di Parlimen pada 10 Disember 2020

MESYUARAT JTLKAN BIL. 3/2021

- Mesyuarat pada 9, 10 & 11 November 2021
- LKAN Tahun 2019 Siri 2 Pengurusan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/ dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
- LKAN dibentangkan di Parlimen pada 28 September 2021

MESYUARAT JTLKAN BIL. 4/2021

- Mesyuarat pada 8,9 & 10 Disember 2021
- LKAN Tahun 2019 Siri 2 Aktiviti Kementerian/ Jabatan Persekutuan dan LKAN Tahun 2020 Pengauditan Pematuhan Persekutuan dan Negeri
- LKAN dibentangkan di Parlimen pada 28 Oktober 2021 dan 2 Disember 2021

Aktiviti Bahagian Susulan Audit



Mesyuarat JTLKAN Bil. 1 Tahun 2021 pada 12 Januari 2021





Lawatan Susulan Ke Rumah Penerima Bantuan Sayangi Rumahku oleh Yayasan Perak



Perbincangan dengan pihak Pejabat Daerah Mersing dijalankan di Jabatan Audit Negara Negeri Johor



Meraikan penutup Mesyuarat JTLKAN Bersama YBhg. Datuk Ketua Audit Negara pada 12 Januari 2021





Sesi *Provisional Acceptance Test* (PAT) Sistem AG's Dashboard v3.0 pada 13 April hingga 15 April 2021 yang dihadiri BSA, SAK, SAP, SAS serta Auditi KPM, KKM, MINDEF dan KPT





AG's Dashboard V3.0 *Go Live* pada 30 Mei 2021 pada 12.01 am

Bahagian Teknikal

Objektif

1. memastikan Penemuan Audit (PA) dan Laporan Teknikal yang melaporkan isu teknikal telah disemak dan disahkan oleh Pengarah Bahagian Teknikal bagi memastikan *Key Audit Area* kepada aspek teknikal yang dilapor menepati standard.
2. memberi input dan juga melakukan verifikasi dari aspek teknikal bagi pengauditan prestasi berkaitan.
3. memastikan pelaksanaan projek JAN dilaksanakan mengikut masa, kos dan kualiti yang ditetapkan.



Lawatan YBhg. Datuk Seri Mohd Sallehhuddin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke tapak projek JAN Negeri Sabah pada bulan Mac 2021



Lawatan Audit Kajian KWSMP di Kuala Sawah Pumping Station, Labu, Negeri Sembilan



Lawatan YBhg. Dato' Jamil Rakon, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke tapak projek JAN Negeri Sabah pada bulan September 2021



Perbincangan pelbagai disiplin bagi isu projek JAN Negeri Sabah



Sesi temuduga online bersama calon MySTEP BTEK bulan Mac 2021 untuk ambilan Mei 2021 - Disember 2021



Perbincangan Garis Panduan Pengurusan Projek Jilid I



Mesyuarat Tapak JAN Negeri Sabah secara dalam talian via *Google Meet*

Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Projek (Jilid II) (Edisi 2021)

Bahagian Teknikal telah berjaya mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Projek (Jilid II) pada bulan Julai 2021 dan edaran telah dimulakan pada 7 April 2022.



Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Projek Jilid II diwujudkan bagi membantu juruaudit merangka kerja bagi mengenal pasti, mengumpul dan menganalisis maklumat selain memberi panduan yang praktikal untuk melaksana dan menilai prestasi terhadap projek pembangunan fizikal.

Garis panduan ini merupakan kesinambungan daripada Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Projek sedia ada yang diterbitkan pada tahun 2005. Proses pengauditan yang dilaksanakan tidak tertakluk hanya kepada petunjuk prestasi di dalam garis panduan ini dan masih boleh mengguna pakai kaedah pengauditan berdasarkan kepada garis panduan sedia ada.

Prosedur Operasi Standard (SOP) – Keselamatan Pengauditan Di Lapangan (Edisi 2021)

Bahagian Teknikal telah berjaya mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Keselamatan Pengauditan Di Lapangan yang telah disiapkan dan dikemukakan pada 28 Disember 2021.



Prosedur Operasi Standard (SOP) ini menjelaskan keperluan keselamatan pegawai Audit semasa menjalankan kerja pengauditan di lapangan. Adalah menjadi keutamaan Jabatan Audit Negara (JAN) untuk memastikan keadaan kerja yang selamat, sihat dan kondusif. Amalan keselamatan perlu dilaksanakan semasa dalam perancangan serta pelaksanaan aktiviti pengauditan. Di JAN ianya menjadi tanggungjawab bersama di antara majikan dan pekerja untuk memastikan keselamatan terkawal selari dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Sekiranya masalah ketidakpadanan tempoh bayaran balik pinjaman tidak diselaraskan

PAAB bakal alami defisit hingga RM235 juta

KUALA LUMPUR

Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB) dijangka mengalami defisit aliran tunai berjumlah RM13.25 juta hingga RM235.21 juta bagi tempoh 2025 hingga 2037, menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 2 - Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

Menurut laporan yang dikeluarkan pada Selasa itu, defisit terbabit mungkin berlaku sekiranya masalah ketidakpadanan tempoh bayaran balik pinjaman selama 25 tahun kepada kerajaan Persekutuan dan tempoh hasil sewa pajakan selama 45 tahun Operator Air Negeri tidak diselaraskan antara Kementerian Kewangan (MoF) dan PAAB.

"Perkara ini disebabkan tempoh pembayaran pinjaman yang lebih singkat berbanding tempoh kutipan sewa pajakan yang seterusnya mewujudkan risiko kecupayaan penyelesaian pinjaman kerajaan Persekutuan oleh PAAB," jelasnya.



Pengurusan Aset Air

Menurut laporan itu, sehingga 2020, Pengurusan Aset Air SPV Bhd (PASB), anak syarikat PAAB telah menerbitkan sukuk berjumlah RM37.980 bilion (81 peratus) daripada RM46.890 bilion yang diluluskan oleh MoF.

"Pembiayaan semula sukuk yang matang berjumlah RM19.820 bilion dan baki semasa adalah berjumlah RM18.160 bilion (47.8 peratus).

"Setakat 2020, PAAB menggunakan RM19.820 bilion sukuk matang bagi pembiayaan semula terbitan sukuk Nota Jangka Sederhana Islam (EMTN) sejumlah RM17.890 bilion; pembangunan aset (RM1.180 bilion); serta penstrukturan semula bagi Selangor dan Kelantan (RM750 juta)," tambahnya.

LKAN menjelaskan, secara keseluruhannya, PAAB telah mencapai objektif penubuhan selaras dengan Skim Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri (Skim Migrasi) melalui aktiviti pembangunan infrastruktur air.

"Aktiviti ini juga telah memberi manfaat dan faedah antaranya dengan mengurangkan beban kewangan Operator Air Negeri dan meningkatkan mutu perkhidmatan air.

"Pendapatan sewa pajakan yang diterima daripada Operator Air Negeri membantu syarikat mencatat keuntungan dan meningkatkan keuntungan terkumpul syarikat serta menyumbang kepada kedudukan kewangan PAAB pada tahap stabil dan membolehkan bayaran balik pinjaman dibuat kepada kerajaan Persekutuan," jelasnya.

Bagaimanapun, wujud kelewatan menyiapkan projek yang menyebabkan ia tidak dapat diserahkan kepada Operator Air Negeri mengikut jadual.

"Sebanyak 60.8 peratus projek pembangunan aset air lewat disiapkan mengikut jadual asal serta terdapat kelewatan dalam permohonan dan kelulusan pelanjutan masa," tambahnya.

Selain itu, fungsi lembaga pengarah perlu dipertingkatkan terutama berkaitan pemantauan petunjuk prestasi utama (KPI) supaya PAAB dapat beroperasi dengan lebih cekap dan berkesan.

Justeru, LKAN mengesyorkan lembaga pengarah PAAB menambah baik KPI syarikat bagi perspektif kewangan, pelanggan, pembelajaran, kepuasan pekerja dan komunikasi serta persekitaran supaya KPI keseluruhan syarikat dapat dicapai sepenuhnya.

"PAAB perlu melaksanakan penilaian wajar sebelum aset air diambil alih untuk negeri yang dijangka menyertai Skim Migrasi bagi mengenal pasti kewujudan aset yang diambil alih.

"Pengurusan dan lembaga pengarah PAAB disyorkan menarik perhatian MoF bagi menyelesaikan ketidakpadanan berkaitan tempoh bayaran balik pinjaman," katanya - *Bernama*

Kewangan Agrobank stabil, mampu bayar dividen kepada kerajaan

KUALA LUMPUR- Kedudukan kewangan Agrobank yang merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) bagi 2018 hingga 2021 adalah stabil dan berkemampuan membayar dividen kepada kerajaan setiap tahun.

Menurut Jabatan Audit, sumber dana pendeposit yang digunakan bagi tujuan pembiayaan telah menjana keuntungan sebanyak 55.9 peratus daripada keseluruhan pendapatan Agrobank pada 2020.

"Sumber dana daripada gerai dan pembiayaan kerajaan telah digunakan mengikut tujuan," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara 2020 Siri 1 yang dikeluarkan hari ini.

Laporan itu juga menyatakan Agrobank telah mencapai objektif penubuhannya melalui aktiviti pembiayaan bagi pembangunan sektor pertanian yang disasarkan.

Katanya, pencapaian output petunjuk prestasi utama (KPI) telah melebihi tahap minimum 80 peratus yang ditetapkan Menteri Kewangan (Diperbadankan) iaitu di antara 93 peratus hingga 98.6 peratus.

Namun, sumbangan pembiayaan dimandatkan yang diklasifikasikan melebihi 80 peratus berbanding sasaran 70 peratus, mengambil kira pembiayaan peribadi sebenarnya tidak menjelaskan pembiayaan yang dibuat bagi tujuan pertanian.

Pembiayaan bagi pembelian tanah yang tidak disusahkan berkaitan dengan aktiviti pertanian juga tidak menyumbang kepada sektor pertanian negara, katanya.

Nisbah pembiayaan terjelas kasar menunjukkan peningkatan setiap tahun. Kadar pembiayaan terjelas produk Agrocash yang rendah memberi impak kepada keseluruhan pembiayaan.

Oleh itu, Jabatan Audit mengesyorkan Agrobank mengkaji serta menilai semula objektif pembiayaan peribadi supaya pembiayaan ini dapat menyumbang kepada kemajuan sektor pertanian.- *Bernama*

FELCRA Bina disaran kaji semula sasaran KPI

KUALA LUMPUR- Pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah FELCRA Bina Sdn Bhd disaran untuk membuat kajian semula sasaran indeks prestasi utama (KPI) agar sasaran seiring dengan aktiviti semasa dan perlu dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk memantau pencapaian tahunan.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2020 Siri 1 yang dikeluarkan hari ini, FELCRA Bina juga disyorkan untuk meningkatkan kecupayaan melaksanakan aktiviti pembinaan dengan menambah kepakaran, sumber manusia dan peralatan bagi mencapai objektif syarikat dan meningkatkan kualiti projek untuk memenuhi kehendak pelanggan.

"Semakan Audit terhadap laporan KPI FELCRA Bina mendapati kesemua sasaran KPI utama tidak dicapai bagi tempoh 2017 hingga 2020. Semakan lanjut mendapati daripada 94 sub-KPI, hanya 13 sub-KPI (13.8 peratus) telah dicapai dan 81 sub-KPI (86.2 peratus) tidak dicapai.

"Ketidakcapaian KPI utama menunjukkan kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan operasi syarikat yang memberi kesan kepada nama baik syarikat.

"KPI yang tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah secara keseluruhan juga menyebabkan tiada tindakan susulan dapat dibincang dan dilaksanakan," katanya.

FELCRA Bina disaran agar menetapkan kadar keterhutangan dan merancang keperluan aliran tunai agar hutang dalam keadaan terkawal serta mengambil tindakan untuk menyusul dengan pihak penghutang dan menyelesaikan bayaran kepada pemiutang. Rekod penghutang perlu dikemas kini dan tepat untuk menunjukkan kedudukan sebenar.

Laporan tersebut turut mengesyorkan FELCRA Bina supaya memastikan kesemua aspek tadbir urus korporat diamalkan sepenuhnya bagi membantu syarikat meningkatkan kecekapan dan diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab.-*Bernama*

SEKTOR

AUDIT PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

- PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
- SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT
- SEKSYEN PENYELARASAN UNIT AUDIT DALAM
- SEKSYEN AUDIT KHAS

06

Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan

Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957 serta skop pengauditan yang dinyatakan dalam laporan. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan dilaksanakan berfokus terhadap pencapaian objektif penubuhan syarikat yang merangkumi tiga aspek pengauditan iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.

Pada tahun 2021, sebanyak 13 kajian pengurusan syarikat Kerajaan telah dilaksanakan. Tujuh kajian dilaporkan dalam LKAN 2019 Siri 2 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan enam kajian dilaporkan dalam LKAN 2020 Siri 1 Pengurusan Syarikat Kerajaan. Sebanyak 72 syor Audit telah dikemukakan kepada pihak pengurusan syarikat berkenaan untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan perkara yang dilaporkan.

7 Laporan

7 Syarikat Berhad Menurut Syer

41 Syor Audit

USIM Tijarah Holdings Sdn Bhd

rapidbus

EXIM BANK MALAYSIA

MARDICorp

PlaTCOM Ventures

Pengurusan Aset Air

SILTERRA



Tarikh Dibentangkan
28 September 2021

6 Laporan

6 Syarikat Berhad Menurut Syer

31 Syor Audit

PLANTATION

AGRO BANK
Sentiasa di sisi Anda

TH PROPERTIES

FELCRA bina

rapidrail

pernas



Tarikh Dibentangkan
22 Mac 2022



> Terdapat keperluan penambahbaikan berterusan oleh syarikat Kerajaan bagi memastikan pelaksanaan aktiviti selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Kelestarian perniagaan syarikat Kerajaan hendaklah dilengkapi dengan amalan tadbir urus yang baik bagi mewujudkan keyakinan pihak awam.
>
> Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid
> Ketua Audit Negara

Pelaksanaan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Sepanjang Tahun 2021

SilTerra (M) Sdn. Bhd.



Exit Conference bersama pegawai SilTerra (M) Sdn. Bhd. dan pasukan Audit di Ibu Pejabat Damansara, Kuala Lumpur pada 11 Januari 2021

MARDI Corporation Sdn. Bhd.



Exit Conference kajian MARDI Corporation Sdn. Bhd. pada 12 Januari 2021

TH Properties Sdn. Bhd.



Lawatan fizikal di Bukit Pelindung, Pahang pada 22 Oktober 2021



Lawatan Fizikal di Sofea Residence, Kota Bharu, Kelantan pada 24 Oktober 2021

FELCRA Bina Sdn. Bhd.



Entrance Conference kajian FELCRA Bina Sdn. Bhd. di Ibu Pejabat Wangsa Maju, Kuala Lumpur pada 12 April 2021



Lawatan fizikal projek RBN Tembangau, Pahang pada 11 November 2021

Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)



Entrance Conference kajian Agrobank pada 26 April 2021



Lawatan fizikal ke projek yang mendapat pembiayaan Agrobank di Cameron Highland pada 26 Oktober 2021



Lawatan fizikal ke syarikat yang mendapat pembiayaan Agrobank pada 26 Oktober 2021

Perbadanan Nasional Berhad



Perbincangan bersama peminjam Skim Francais di Bandar Baru Bangi pada 15 Disember 2021

Rapid Rail Sdn. Bhd.





Lawatan ke Depoh Monorail di Brickfield, Kuala Lumpur 25 November 2021

RISDA Plantation Sdn. Bhd.



Entrance Conference kajian RISDA Plantation Sdn. Bhd. secara dalam talian pada 10 Mei 2021



Lawatan fizikal ke Wilayah Selatan Ladang Tanaman Semula Komersial Tanjung Rimau Dalam Alor Gajah, Melaka pada 18 November 2021

Mesyuarat Pemantapan Pengauditan Sektor Audit Syarikat Pengurusan Syarikat Kerajaan Tahun 2021

4 hingga 6 April 2021 di Hotel Movenpick & Convention Centre KLIA, Sepang.

- Membincangkan isu pengauditan, skop pengauditan dan pendekatan kaedah penulisan LKAN bagi tujuh kajian yang sedang dilaksanakan.
- *Brainstorming* berkenaan Digital Audit serta Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) turut dibincangkan bagi memantapkan kualiti pengauditan.
- Perbincangan dua hala dan input yang diperoleh daripada pengurusan SAS adalah bagi memastikan hasil pelaporan yang berkualiti selain memberi impak tinggi kepada pemegang taruh.



Pembentangan isu pengauditan kepada pengurusan Sektor



Sesi perkongsian pengalaman oleh YBhg. Datuk Johari Ismail, mantan Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat)



Ahli Mesyuarat bersama YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara




Amanat dan Ucapan Penutup oleh YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara

Seksyen Pengurusan Maklumat

Fungsi

Menyelaras dan mengemas kini pangkalan data maklumat syarikat/badan lain dari semasa ke semasa berdasarkan pewartaan yang sedang berkuatkuasa dan memenuhi kehendak pelanggan.



Maklumat bilangan syarikat yang telah diaudit mengikut tahun Ibu Pejabat (IP) dan Negeri (N)

2004 – 2020 Ibu Pejabat (IP) 254 Negeri (N) 382

- 2020 – IP6/N9
- 2019 – IP16/N12
- 2018 – IP15/N28
- 2017 – IP13/N28
- 2016 – IP15/N25
- 2015 – IP17/N21
- 2014 – IP19/N30
- 2013 – IP19/N47
- 2012 – IP21/N47
- 2011 – IP23/N39
- 2010 – IP18/N33
- 2009 – IP17/N29
- 2008 – IP10/N15
- 2007 – IP13/N7
- 2006 – IP14/N12
- 2005 – IP13
- 2004 – IP5

Seksyen Penyelarasan Unit Audit Dalam

Fungsi SPUAD

- Memperkukuhkan tahap integriti, akauntabiliti dan tadbir urus Kementerian/Jabatan melalui analisis terhadap isu yang dibangkitkan oleh UAD
- Membantu meningkatkan keberkesanan peranan UAD melalui penyelarasan maklumat antara JAN dan UAD

Objektif Unit Audit Dalam

- Membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya
- Menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus

JAN memainkan empat peranan dalam usaha memperkukuh *engagement* dan membantu memperkasa peranan UAD seperti berikut:

PERANAN JAN TERHADAP PENGUKUHAN UAD

Menyelaras dan mengurus setia mesyuarat antara JAN dan UAD

- Bertujuan menyelaras perhubungan antara JAN dan UAD terutamanya dalam bidang pengauditan

Menjalankan analisis terhadap pelaksanaan JKA dan isu perolehan oleh Unit Audit Dalam

- Menjalankan analisis terhadap pemerhatian UAD, maklum balas dan minit mesyuarat Jawatankuasa Audit bagi mengenalpasti perkara yang signifikan

Menyedia dan mengemas kini pangkalan data perjawatan UAD

- Menyelaras maklumat pegawai JAN yang ditempatkan di UAD Kementerian/ Jabatan/Agensi dan Kerajaan Negeri

Lain-lain tugas penyelarasan antara UAD dan JAN

- Bertujuan untuk memastikan kelancaran tugas pengauditan antara UAD dan JAN melalui penyediaan Rancangan Audit Tahunan UAD

Aktiviti Melibatkan Ketua Audit Negara/Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) Bersama Ketua Unit Audit Dalam Sepanjang Tahun 2021

A. Mesyuarat Antara Jabatan Audit Negara Dengan Ketua Unit Audit Dalam Dipengerusikan Oleh Ketua Audit Negara Pada 11 Mac 2021

- Dijalankan sebanyak dua kali setahun selaras dengan Arahan Ketua Audit Negara Bil. 2 Tahun 2018. Bagaimanapun, seiring dengan pengecilan skop dan fungsi SPUAD, Mesyuarat Bersama KAN akan diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun mulai tahun 2022.
- Membincangkan perkara-perkara berkaitan JAN dan UAD termasuk pengurusan perjawatan di UAD.
- Antara topik perbincangan adalah mengenai hala tuju JAN supaya Ketua Unit Audit Dalam (KUAD) mendapat maklumat terkini dan mampu menyumbangkan idea, usaha serta memainkan peranan masing-masing untuk mencapai objektif yang disasarkan.



Mesyuarat Bersama Ketua Audit Negara dengan Ketua Unit Audit Dalam Kementerian/ Jabatan Persekutuan pada 11 Mac 2021

B. Mesyuarat Antara Jabatan Audit Negara Dengan Unit Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan Dipengerusikan Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) Pada 2 Mac 2021

- Diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun selaras dengan Arahan Ketua Audit Negara Bil. 2 Tahun 2018. Bagaimanapun Mesyuarat Bersama TKAN(S) diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun mulai tahun 2022 tetapi tiada halangan sekiranya ingin mengadakan lebih dari sekali jika difikirkan perlu.
- Mesyuarat yang dipengerusikan oleh TKAN(S) adalah untuk mendapat maklumat mengenai perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dan tindakan sebelum mesyuarat antara KAN dengan KUAD diadakan.



Mesyuarat Bersama Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) dengan Ketua Unit Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan pada 2 Mac 2021

C. Mesyuarat Antara Jabatan Audit Negara Dengan Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Dipengerusikan Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) Pada 21 Disember 2021



Mesyuarat Bersama Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) dengan Ketua Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 21 Disember 2021

D. Jemputan Memberi Ceramah Bertajuk "Transformasi Audit Dalam Ke Arah Pengauditan Digital Yang Komprehensif Dalam Meningkatkan Akauntabiliti Dan Tadbir Urus Kementerian/ Jabatan" Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) Di Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli



Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat) ketika menyampaikan ceramah di Kementerian Tenaga dan Sumber Asli pada 25 November 2021

Analisis Terhadap Pelaksanaan Jawatankuasa Audit Peringkat Kementerian/Jabatan



- Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) Peringkat Kementerian/ Jabatan perlu diadakan empat kali setahun selaras dengan IPP PS 3.2.
- Membincangkan isu-isu pengauditan yang dibangkitkan oleh UAD dan JAN serta tindakan penyelesaian yang diambil sama ada tindakan *preventive* atau *corrective* serta cadangan bagi mengatasi kelemahan yang sama daripada berulang.
Kehadiran: DYMM Tuanku Raja Perlis, DYTM Tuanku Raja Muda Perlis, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Perlis (MAIPs) dan Pengarah Audit Negeri Perlis



Mesyuarat Penutup Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Perlis (MAIPs) Secara Dalam Talian pada 28 Oktober 2021

Kehadiran: Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Perlis (MAIPs), Pengarah Audit Negeri Perlis, Timbalan Pengarah Audit Negeri Perlis, Pasukan MAIPs dan Pasukan Audit



Lawatan Fizikal Pengauditan Pengurusan Infrastruktur Awam Negeri Perlis di 18 November 2021 pada Taman Kemajuan, Kangar

Kehadiran: YDP Majlis Perbandaran Kangar, Pasukan MPK, Pengarah Audit Negeri Perlis dan Pasukan Audit Prestasi



Mesyuarat Penutup Pengauditan Pengurusan Syarikat Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) di Bilik Mesyuarat, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) pada 24 Januari 2022

Kehadiran: Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri Perlis (MAIPs), Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam, Ahli Lembaga Pengarah Universiti KUIPs, Pemangku Timbalan Rektor KUIPs, Pengarah Audit Negeri Perlis dan Timbalan Audit Negeri Perlis



Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) Penyata Kewangan dan Serahan Sijil KAN Secara Dalam Talian pada 29 Jun 2021

Kehadiran: YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Pengarah Bahagian Audit dan Pengarah Audit Negeri Perlis

Syor susun perancangan projek elak ketirisan

Kuala Lumpur: Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid mengesyorkan supaya kerajaan memperkemaskan perancangan projek yang ingin dilaksanakan bagi mengelak pembaziran dan ketirisan dalam aspek pengurusan hutang.

Nik Azman berkata, adalah penting untuk kerajaan melaksanakan perbelanjaan berhemah bagi pelaksanaan projek yang mampu mencapai matlamat dengan perbelanjaan minimum.

"Berasaskan laporan audit terdapat beberapa projek yang belanjanya sudah dibayar 90 peratus tetapi hasilnya tiada.

"Ini ketirisan dan kerugian kepada kerajaan yang berbelanja dengan berhutang untuk membiaya projek pembangunan tetapi hasilnya tidak dicapai sepenuhnya atau tidak capai langsung.

"Oleh demikian, perancangan projek perlu diperkemaskan supaya boleh mencapai matlamatnya iaitu siap dengan kos munasabah," katanya di Parlimen, di sini, semalam.

Penegasan Perkara (Emphasis of Matter) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan berkata, hutang kerajaan Persekutuan pada 2020 berjumlah RM879.560 bilion atau 62.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Hutang Persekutuan meningkat RM86.562 bilion atau 10.9 peratus berbanding RM792.998 bilion atau 52.4 peratus pada 2019.

Menurut Ketua Audit Negara, sebanyak 50.4 peratus atau RM98.058 bilion daripada RM194.555 bilion pinjaman baharu pada 2020 digunakan untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang.

RM3.8 bilion tunggakan bayaran balik cukai LHDN belum lunas

PUTRAJAYA: Jabatan Audit Negara mendedahkan tunggakan bayaran balik cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang belum dikreskan bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun sebelumnya adalah sebanyak RM3.8 bilion.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid berkata, LHDN perlu memastikan peruntukan yang diluluskan kerajaan digunakan sepenuhnya bagi bayaran balik cukai taksiran tahun-tahun tersebut.

"LHDN perlu melaksanakan Proses Membenarkan Cukai Pendapatan Dibayar Dahulu dan Audit Kemudian dan bayaran balik cukai dapat dibuat dalam tempoh ditetapkan bagi mengelakkan bayaran pampasan atas kelewatan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 110D Akta 53," katanya dalam sidang akhbar Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 1 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan di sini hari ini.

LKAN mengandungi pengauditan pentadbiran kementerian dan jabatan Persekutuan serta laporan pengurusan syarikat kerajaan Persekutuan seperti Amanah Raya Bhd., Technology Park Malaysia, UDA Holdings Bhd. dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Sementara itu, bagi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), pihaknya mendapati berlaku lebihan bayaran bagi bayaran balik tuntutan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebanyak RM4.38 juta.

Oleh itu, beliau mengesyorkan JKDM menjalankan siasatan terhadap syarikat yang membuat tuntutan dan pegawai JKDM yang bertanggungjawab terhadap bayaran balik cukai serta membuat kutipan balik bayaran terlebihlaf daripada Orang Kena Cukai (OKC) dengan kadar segera.

Dalam pada itu, bagi Technology Park Malaysia (TPM), kesemua tiga syarikat subsidiari merekodkan kerugian pada 2018 dan dua syarikat subsidiari berada dalam keadaan bermasalah menerusi perniagaan.

Katanya, kerugian itu berpunca akibat tiada penyelarasan Standard Operating Policies And Procedures antara aktiviti utama, kewangan dan perjanjian sewaan bagi menzahirkan operasi syarikat dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.



PENOLONG Pengarah Audit, Jabatan Audit Negara, Noor Fathah Wan Hassan menunjukkan buku Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 di Putrajaya, semalam. – UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Siapa ambil peduli?

SETIAP tahun ada sahaja kepincangan yang didedahkan oleh Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Tiap tahun kita dengar macam-macam kisah kelemahan yang membabitkan urus tadbir kewangan oleh kementerian dan jabatan kerajaan.

Laporan tahun 2019 tak ada bezanya. Macam-macam cerita ngeri yang kita dengar.

Rakyat macam dah tak terkejut lagi dengan apa yang berlaku.

Kali ini, LKAN telah kemukakan 73 syor untuk pembetulan dan penambahbaikan sistem.

Bagi tahun 2019, banyak pula kelemahan besar dan kecil yang didedahkan oleh laporan itu.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid maklumkan bahawa pengauditan guna kaedah 3P1K, yakni mengenal pasti hal pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

Kes yang besar tentunya melibatkan Kementerian Pertahanan (Mindef) yang tak kenakan denda terhadap syarikat yang lewat serah kapal peronda.

Mengapa terjadi begitu, mungkin Mindef sahaja yang boleh jawab.

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pula belum jelaskan tunggakan bayaran balik cukai sejumlah RM3.8 bilion. Bukan sedikit jumlah itu.

Ada pula duit setengah juta yang lesap daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Pada pendapat Awang selagi tak ada tindakan tegas diambil pada mereka yang bertanggungjawab, selagi itulah hal ini akan berulang tahun demi tahun.

SEKTOR
PENGURUSAN

- BAHAGIAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN
- BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
- BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran

Pengenalan

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) terdiri daripada tiga Cawangan iaitu Cawangan Kewangan, Cawangan Pentadbiran dan Aset serta Cawangan Pembangunan dan Perolehan.

Cawangan Kewangan

- Merancang, menyelaras, mengurus dan memproses hal-hal yang berkaitan dengan peruntukan dan perbelanjaan JAN serta urusan yang berkaitan dengan perakaunan

UNIT

- Unit Kewangan
- Unit Gaji
- Unit Akaun

Cawangan Pentadbiran dan Aset

- Merancang, menyelaras, mengurus dan memproses hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran am dan keselamatan di JAN
- Merancang, menyelaras, mengurus dan memproses hal-hal berkaitan dengan aset

UNIT

- Unit Pentadbiran
- Unit Pengurusan Aset
- Unit Pengurusan Aset Tak Alih
- Unit Kenderaan

Cawangan Perolehan dan Pembangunan

- Merancang, menyelaras, mengurus dan memproses hal-hal yang berkaitan urusan perolehan JAN
- Merancang, menyelaras, mengurus dan memproses hal-hal yang berkaitan projek-projek pembangunan JAN

UNIT

- Unit Perolehan
- Unit Pembangunan

Secara umumnya, Bahagian ini berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan sokongan kepada pelaksanaan program dan aktiviti teras Jabatan Audit Negara (JAN) dari segi pengurusan pentadbiran am, kewangan, perolehan serta pembangunan bagi memastikan pengoperasian seharian JAN dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

Kekuatan tenaga BKP adalah seramai 68 orang yang terdiri daripada lapan orang pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Professional manakala selebihnya adalah daripada Kumpulan Sokongan.

Punca kuasa dan pelaksanaan fungsi BKP ini adalah selaras dengan Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan, Pekeliling Perkhidmatan dan lain-lain peraturan atau prosedur Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.




Pengurusan Kewangan Dan Pentadbiran

Pengurusan Bajet

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2021

Jenis Peruntukan	Peruntukan Tahun 2021 (RM)	Peruntukan Dikemaskini (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
BELANJA MENGURUS B.03	158,105,900.00	148,221,900.00	142,096,451.24	6,125,448.76	95.87%
BELANJA MENGURUS T.04	836,700.00	836,700.00	630,140.87	206,559.13	75.31%

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Belanja Mengurus B.03 Tahun 2021




Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Belanja Mengurus T.04 Tahun 2021



Prestasi Perbelanjaan Mengikut Aktiviti Tahun 2021

Jenis Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
Pengurusan	26,969,030.00	26,379,498.00	97.81%
Akademi Audit Negara	5,691,100.00	5,426,288.00	95.35%
Audit Syarikat	5,037,400.00	4,837,233.00	96.03%
Audit Prestasi	22,993,650.00	21,942,827.00	95.43%
Audit Kewangan	17,078,900.00	16,373,081.00	95.87%
Audit Negeri	68,574,390.00	65,525,920.00	95.55%
Dasar Baru	250,000.00	34,307.00	13.72%
Program Khusus	528,930.00	504,386.00	95.36%
One-Off	1,098,500.00	1,072,911.00	97.67%
	148,221,900.00	**142,096,451.00**	**95.87%**


Prestasi Perbelanjaan Mengikut Aktiviti Tahun 2021



Prestasi Pembayaran Dalam Tempoh 14 Hari Sepanjang Tahun 2021

Bulan/Hari	1 hingga 7 hari		8 hingga 14 hari		Lebih 14 hari		Lebih 14 hari (Penutupan Akhir Tahun)		Jumlah	
	Bil	RM	Bil	RM	Bil	RM	Bil	RM	Bil	RM
Januari	136	126,257	3	31,919	0	-	0	-	139	158,176
Februari	589	592,714	14	22,264	0	-	0	-	603	614,978
Mac	647	4,349,938	39	154,032	0	-	0	-	686	4,503,970
April	1,012	2,500,138	69	236,300	0	-	0	-	1,081	2,736,438
Mei	913	4,445,692	27	304,761	0	-	0	-	940	4,750,453
Jun	386	2,214,084	15	258,699	0	-	0	-	401	2,472,783
Julai	399	1,048,280	8	102,875	2	1,806	0	-	409	1,152,961
Ogos	369	754,330	45	209,771	0	-	0	-	414	964,101
September	633	2,552,714	19	83,289	0	-	0	-	652	2,636,003
Oktober	647	2,713,374	23	296,008	0	-	0	-	670	3,009,382
November	1,926	7,897,001	52	435,239	2	5,282	0	-	1,980	8,337,522
Disember	6	33,716	73	66,295	0	-	1	14,746	80	114,757
JUMLAH	**7,663**	**29,228,238**	**387**	**2,201,452**	**4**	**7,088**	**1**	**14,746**	**8,055**	**31,451,524**

Prestasi Pembayaran dalam Tempoh 14 Hari Sepanjang Tahun 2021



Jumlah Kutipan Hasil (Bayaran Audit) Tahun 2021

Bil.	PTJ	Jumlah Kutipan
1	Ibu Pejabat JAN	RM2,480,783.40
2	JAN Negeri Johor	RM174,730.80
3	JAN Negeri Kedah	RM47,378.04
4	JAN Negeri Kelantan	RM43,124.73
5	JAN Negeri Melaka	RM22,741.93
6	JAN Negeri Sembilan	RM132,823.17
7	JAN Negeri Pahang	RM33,503.69
8	JAN Negeri Perak	RM89,258.77
9	JAN Negeri Perlis	RM17,742.50
10	JAN Negeri Pulau Pinang	RM133,223.25
11	JAN Negeri Selangor	RM0.00
12	JAN Negeri Sabah	RM89,123.07
13	JAN Negeri Sarawak	RM67,684.64
14	JAN Negeri Terengganu	RM70,184.91
	JUMLAH	**RM3,402,302.90**

Latihan

1. Taklimat Tanggungjawab Jabatan Selaku Majikan Mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967
   - Siri 1 – 1 April 2021
   - Siri 2 – 22 April 2021
2. Taklimat Pelaksanaan Sub-Modul Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri (Tanpa Pendahuluan Diri) Secara Digital
   - Siri 1 - 22 April 2021 (Pejabat KAN dan SAS)
   - Siri 2 – 29 Julai 2021 (SAK)
   - Siri 3 – 2 Ogos 2021 (SAK)
   - Siri 4 – 22 September 2021 (SAP, SAS dan Sektor Pengurusan)
3. Taklimat Semakan Laporan Emolumen Secara Bulanan – 3 Mei 2021
4. Taklimat Perakaunan Aset Jabatan Audit Negara – 3 Jun 2021 dan 8 Julai 2021
5. Taklimat Pengenalan MYCOST – 17 Jun 2021
6. Taklimat *Outcome Based Costing* (OBC) MyCost Anjuran Bahagian Akaun, JPM – 25 November 2021
7. Taklimat Sistem AP58(a) Bagi PTJ Rintis JPM – 22 Disember 2021

Pengurusan Aset Dan Fasiliti

Pengurusan Aset

1 Kedudukan Semasa Aset Alih di Jabatan Audit Negara Tahun 2021

Secara keseluruhannya pelaporan status dan kedudukan terkini semua jenis aset di bawah JAN dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) dan JKPAK Fasiliti yang diadakan setiap sukuan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Pekeliling.

Kedudukan aset-aset JAN pada tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut :

Tahun	Peruntukan Aset Alih			Jumlah Keseluruhan Aset Alih	
	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)	Kuantiti	Nilai Perolehan Asal (RM)
2021	1,045,930.00	1,025,142.40	98.01%	36,544	44,341,289.35

2 Ringkasan Penyelenggaraan, Pelupusan Dan Pindahan Aset Alih Di Jabatan Audit Negara Tahun 2021

Tahun	Penyelenggaraan		Pelupusan		Pindahan	
	Kuantiti Aset Diselenggara	Jumlah Nilai Perolehan Semasa	Jumlah Kuantiti Pelupusan	Jumlah Nilai Perolehan Semasa	Jumlah Kuantiti Pindahan	Jumlah Nilai Perolehan Semasa
2021	411	276,801.83	943	1,379,325.58	89	201,037.00

3 Ringkasan Aktiviti Di Bawah Unit Pengurusan Aset Bagi Tahun 2021

I. Kursus Pengurusan Aset dan Stor Kerajaan pada 15 hingga 19 November 2021.
II. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) diadakan empat kali setahun:

a. 4 Februari 2021
b. 4 Mei 2021
c. 4 Ogos 2021
d. 27 Oktober 2021

Pengurusan Fasiliti

Dalam usaha mengoptimumkan operasi pengauditan pada setiap peringkat di seluruh negara, terdapat 20 premis pejabat JAN yang beroperasi sama ada di premis milikan atau di premis yang disewa atau menumpang di Wisma Persekutuan Negeri.

1 Ringkasan Operasi Pejabat JAN di Negeri

Bil.	Premis	Bil. Premis
1	Milikan	9
2	Sewa	8
3	Tumpang	3
Jumlah		**20**

2 Maklumat Premis Milikan JAN



**Premis milikan JAN akan bertambah menjadi 10 apabila premis JAN Sabah siap sepenuhnya yang di jangka pada pertengahan tahun 2022*

3 Maklumat Premis Sewa/Tumpang JAN



Pengurusan Perolehan dan Pembangunan

Pencapaian Perolehan Tahun 2021



Bil.	Jabatan	Sebutharga	Tender	Surat Setuju Terima (Secara Terus)
1	Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara	15	1	7
2	Akademi Audit Negara	10		1
3	Jabatan Audit Negara Negeri Johor	2		
4	Jabatan Audit Negara Negeri Kedah	2		
5	Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan	2		
6	Jabatan Audit Negara Negeri Melaka	2		
7	Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan	2		
8	Jabatan Audit Negara Negeri Pahang	3		
9	Jabatan Audit Negara Negeri Perlis	2		
10	Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang	2		
11	Jabatan Audit Negara Negeri Sabah	1		
12	Jabatan Audit Negara Negeri Selangor	3		
13	Jabatan Audit Negara Negeri Terengganu	2		
	Jumlah	**48**	**1**	**8**

Pencapaian Penggunaan e-Perolehan Tahun 2021

Pada tahun 2021, penggunaan e-Perolehan di JAN mencapai 100% selaras dengan pekeliling yang berkuatkuasa.

	Jumlah Nilai Transaksi Penggunaan Sistem eP (RM)	Jumlah Keseluruhan Peruntukan Bersih eP (RM)	Peratus Pencapaian Penggunaan eP (%)
Jabatan Audit Negara	12,938,434.37	12,939,400.00	100

Pencapaian Pembangunan Tahun 2021

Kod / Nama Program	Peruntukan Diluluskan (RM)	Peruntukan Dipinda (RM)	Perbelanjaan	Peratus Perbelanjaan (%)
Pembinaan Pejabat JAN Negeri Sabah	12,000,000.00	10,422,000.00	10,385,410.00	99.65

Pembinaan Pejabat Jabatan Audit Negara Negeri Sabah



Gambar – Gambar Projek Pembinaan Pejabat Jabatan Audit Negara Negeri Sabah



Pandangan hadapan bangunan pejabat JAN Negeri Sabah



Pandangan sisi bangunan pejabat JAN Negeri Sabah



Pandangan sisi Blok Dewan JAN Negeri Sabah



Pandangan hadapan pondok pengawal JAN Negeri Sabah





Tempat menunggu bas JAN Negeri Sabah

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia JAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan sumber manusia di Jabatan Audit Negara (JAN) agar dilaksanakan dengan memenuhi aspirasi yang ditetapkan. Oleh yang demikian, selaras dengan visi dan misi JAN menjadi sebuah institusi audit yang bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa, telah mewujudkan satu Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia (PSPSM) JAN yang komprehensif, dinamik dan terancang dengan tujuan untuk melahirkan sumber manusia yang memiliki sikap, pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni untuk melaksanakan tugas dengan cemerlang. PSPSM JAN 2021-2025 ini juga telah dilancarkan oleh Ketua Audit Negara pada 20 September 2021.



Fungsi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Dalam Membantu Memantapkan Pengauditan

Penyediaan PSPSM JAN 2021-2025 ini merupakan salah satu strategi yang telah digariskan dalam Pelan Strategik JAN 2021-2025 di bawah Teras 4 iaitu Meningkatkan Tadbir Urus Organisasi dan Pembangunan Modal Insan Yang Profesional dan Berkeupayaan. Dalam membantu memantapkan Pengauditan di JAN, BPSM telah merancang beberapa program di bawah Teras 4 ini seperti berikut:

1. Menyediakan Pelan Pembangunan Kapasiti (Struktur Organisasi dan Modal Insan)
   a) Membangunkan dasar pertukaran dan penempatan dengan mengambil kira tempoh penempatan dan penetapan kriteria melalui Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran.
   b) Mengkaji struktur organisasi melibatkan pertindihan fungsi dan kesesuaian jawatan.
2. Menambah baik dan memperkemas laluan kerjaya Juruaudit
   a) Membangunkan program mengekalkan kepakaran melalui pelaksanaan *Subject Matter Expert* (SME).
3. Menambah baik Sistem Pengurusan Prestasi
   a) Membangunkan Model Pengurusan Prestasi Baharu.
   b) Memperkasakan profesion Juruaudit (Kompetensi, Pengurusan Prestasi dan Penilaian Potensi) melalui Kriteria Kecemerlangan Juruaudit (KCA).
4. Mengukuhkan Pembangunan Latihan
   a) Menambah baik sistem kompetensi dan potensi skim Juruaudit.

A. Seksyen Pembangunan Organisasi

Seksyen Pembangunan Organisasi bertanggungjawab ke atas urusan perjawatan JAN

Maklumat Perjawatan Sehingga 31 Disember 2021



Pengambilan Tahun 2021

BPSM dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah melaksanakan pengambilan Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29 berdasarkan perancangan pengambilan Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29 berdasarkan kelulusan pengisian bagi 2020/2021 seperti berikut:

Juruaudit Gred W41		
Jabatan/ Kementerian	**Calon Utama**	**Calon Simpanan**
Jabatan Audit Negara	15	150
Unit Audit Dalam	25	
Jumlah Calon Lulus	**40**	**150**
Jumlah	**190**	

Penolong Juruaudit Gred W29		
Jabatan/ Kementerian	**Calon Utama**	**Calon Simpanan**
Jabatan Audit Negara	55	150
Unit Audit Dalam	39	
Jumlah Calon Lulus	**94**	**150**
Jumlah	**244**	

Sesi temu duga bagi urusan pengambilan jawatan Juruaudit Gred W41 ini telah diadakan pada 1 hingga 15 Disember 2021 melibatkan 10 Lembaga Temu Duga (LTD). Pecahan LTD dan bilangan calon temu duga adalah seperti berikut:

LTD	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	**Jumlah**
Bilangan Calon	90	108	114	92	63	102	55	104	89	98	**915**

Walau bagaimanapun, sesi temu duga bagi urusan pengambilan jawatan Penolong Juruaudit Gred W29 pula diadakan pada 5 hingga 28 Januari 2022 melibatkan tujuh Lembaga Temu Duga (LTD) seperti berikut:

LTD	1	2	3	4	5	6	7	Jumlah
Bilangan Calon	137	129	161	155	121	118	115	**936**

Taklimat Penemu Duga

Bagi memastikan urusan temu duga calon gred lantikan Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29 berjalan lancar, taklimat bersama penemu duga telah diadakan pada 22 November 2021 bagi Juruaudit Gred W41 dan 22 Disember 2021 bagi Penolong Juruaudit Gred W29 yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Seri Ketua Audit Negara.



Slaid Taklimat Panel Penemu Duga Jawatan Juruaudit Gred W41 pada 22 November 2021



Slaid Taklimat Panel Penemu Duga Jawatan Penolong Juruaudit Gred W29 pada 22 Disember 2021

Sesi Taklimat Panel Penemu Duga Jawatan Juruaudit Gred W41 pada 22 November 2021 dan Penolong Juruaudit Gred W29 pada 22 Disember 2021





Pengambilan Pegawai Lantikan Baharu Tahun 2021

Secara keseluruhan, BPSM telah berjaya melaksanakan pengambilan seramai 56 pegawai lantikan baharu bagi tahun 2021. Pecahan bilangan mengikut jawatan dan gred adalah seperti berikut:

Bil.	Jawatan & Gred	Jumlah	Tarikh Lapor Diri
1	Juruaudit Gred W41	24	17 Februari 2021
2	Penolong Juruaudit Gred W29	22	15 Februari 2021
3	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41	2	1 Julai 2021 & 2 Ogos 2021
4	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19	1	31 Mei 2021
5	Juruteknik Komputer Gred FT19	1	1 Julai 2021
6	Pemandu Kenderaan Gred H11	4	8 Mac 2021
7	Pembantu Operasi Gred N11	2	2 Ogos 2021
Jumlah Keseluruhan		**56**	





Urusan Lapor Diri Pemandu Kenderaan Gred H11 pada 8 Mac 2021







Urusan Lapor Diri Penolong Juruaudit Gred W29 pada 15 Februari 2021



Urusan Lapor Diri Juruaudit Gred W41 pada 17 Februari 2021

B. Seksyen Dasar & Pembangunan Kerjaya

Bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan, setiap pegawai awam diberi peluang melanjutkan pelajaran bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

Justeru itu, BPSM telah menguruskan permohonan pegawai-pegawai JAN yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran melalui kemudahan:

i. Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) melalui Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB).

ii. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Lain-lain (CBBP).

iii. Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB).

iv. Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa Kumpulan Pelaksana (CBBPDBKP).

Pecahan permohonan yang diluluskan bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Permohonan	Bilangan Perakuan PPSM	Kelulusan JPA
2021	**CBBPDB (HLP)**		
	7	6	5
	CBBPTB		
	2	2	2
Jumlah Keseluruhan	**9**	**8**	**7**

CBBPDB HLP- Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (Hadiah Latihan Persekutuan)
CBBPTB-Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa

Latihan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Kursus dan latihan yang diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan pembangunan modal insan dengan memberi penekanan dalam pembangunan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian melalui Program Pembangunan Sumber Manusia yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

Sepanjang tahun 2021 pelaksanaan kursus bersemuka adalah terhad disebabkan pandemik wabak Covid-19. Walau bagaimanapun terdapat empat bengkel dan kursus berjaya dilaksanakan secara bersemuka dan dalam talian dengan penglibatan sebanyak 215 peserta seperti jadual berikut:

Bil.	Kursus Dalaman				
	Perkara	Tarikh	Jumlah Hari	Lokasi	Jumlah Peserta
1.	Bengkel Pembangunan Kamus Kompetensi Fungsian (KKF) Siri 1 di Jabatan Audit Negara (JAN) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	6 Mei 2021	1	Dewan Serbaguna F3, JAN	30
2.	Bengkel Pembangunan Kamus Kompetensi Fungsian (KKF) Siri 2 kepada wakil Sektor/Bahagian/Unit/AAN oleh JPA	28 Julai 2021	1	secara dalam talian	35
3.	Bengkel Pembangunan Kamus Kompetensi Fungsian (KKF) Siri 3 kepada JAN Negeri, wakil Unit Audit Dalam (UAD) serta pegawai pinjaman JAN oleh pihak JPA	13 Ogos 2021	1	secara dalam talian	70
4.	Kursus Pengurusan Persaraan dan Perkhidmatan Untuk Pegawai dan Kakitangan di Jabatan Audit Negara	28-29 September 2021	2	secara dalam talian	80



Bengkel Pembangunan Kamus Kompetensi Fungsian (KKF) Jabatan Audit Negara (JAN) Siri 1 yang diadakan pada 6 Mei 2021

C. Seksyen Pembangunan Kompetensi

Fungsi

Mengendalikan Peperiksaan Perkhidmatan bagi membolehkan Pegawai Audit memenuhi salah satu daripada syarat untuk pengesahan jawatan dan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41.

Jenis Peperiksaan

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan bagi Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29 dalam Tempoh Percubaan.

Peperiksaan ini dijadualkan dua kali setahun iaitu pada bulan Jun dan November.

Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41.

Peperiksaan ini diadakan setahun sekali iaitu pada bulan November.

Maklumat Peperiksaan Tahun 2021



Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 2 Tahun 2020 pada 1 hingga 3 Mac 2021 yang dikendalikan di 16 Pusat Peperiksaan dengan pemantauan secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet*



Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri Khas Tahun 2021 pada 9 hingga 11 Ogos 2021 yang dikendalikan di lima Pusat Peperiksaan dengan pemantauan secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet*

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 2 Tahun 2020

- Dijadualkan semula kepada 1 hingga 3 Mac 2021 daripada tarikh asal pada 17 hingga 19 November 2020.
- Penangguhan berdasarkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa semasa tempoh tersebut.
- 98 orang calon (44 orang Juruaudit Gred W41 dan 54 orang Penolong Juruaudit Gred W29).
- 16 pusat peperiksaan di Ibu Pejabat, JAN Negeri dan AAN.
- Pemantauan dalam talian melalui aplikasi *Google Meet* bagi peperiksaan yang dijalankan di Pusat Peperiksaan JAN Negeri.

Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Tahun 2020

- Dijadualkan semula kepada 1 hingga 3 Mac 2021 daripada tarikh asal pada 17 hingga 19 November 2020.
- Penangguhan berdasarkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa semasa tempoh tersebut.
- 12 orang calon (Penolong Juruaudit Gred W36 atau Gred W40).

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri Khas Tahun 2021

- Diadakan khusus bagi memberi peluang kepada pegawai lantikan tahun 2018 yang telah tamat tempoh percubaan tiga tahun tetapi masih belum lulus peperiksaan perkhidmatan ini.
- Sembilan orang calon (empat orang Juruaudit Gred W41 dan lima orang Penolong Juruaudit Gred W29).
- Lima pusat peperiksaan di Ibu Pejabat dan JAN Negeri.
- Pemantauan dalam talian melalui aplikasi *Google Meet* bagi peperiksaan yang dijalankan di Pusat Peperiksaan JAN Negeri.


Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 1 Tahun 2021

- Dijadualkan semula kepada 16 hingga 18 November 2021 daripada tarikh asal pada 6 hingga 8 Julai 2021.
- Penangguhan berdasarkan Pelan Pemulihan Negara yang masih berkuat kuasa semasa tempoh tersebut.
- 160 orang calon (81 orang Juruaudit Gred W41 dan 79 orang Penolong Juruaudit Gred W29).
- 14 pusat peperiksaan di Ibu Pejabat, JAN Negeri dan AAN.
- Pemantauan dalam talian melalui aplikasi *Google Meet* bagi peperiksaan yang dijalankan di Pusat Peperiksaan JAN Negeri.





Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 1 Tahun 2021 yang dijadualkan pada 16 hingga 18 November 2021 di Akademi Audit Negara, Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan



Pemantauan secara dalam talian bagi Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 1 Tahun 2021 pada 16 hingga 18 November 2021

Sijil Kepujian

Seramai tujuh orang Juruaudit Gred W41 manakala enam orang Penolong Juruaudit Gred W29 yang menduduki peperiksaan kali pertama dan telah lulus serentak ketiga-tiga subjek peperiksaan pada Peperiksaan Perkhidmatan Siri 2 Tahun 2020. Maklumat terperinci adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Nama Calon	Negeri/Cawangan/ Seksyen/Unit/UAD
JURUAUDIT GRED W41		
1	Amir Ramli	Sektor Audit Kewangan
2	Intan Baizura Marbaie	Unit Audit Dalam Kementerian Sumber Manusia
3	Mohamad Azwan Ayop	Sektor Audit Prestasi
4	Siti Salwa Said	JAN Negeri Selangor
5	Ismail Ibrahim	JAN Negeri Melaka
6	Mohamad Shahzmir Sabidi	Akademi Audit Negara
7	Mohammad Zhahirin Abdul Razak	JAN Negeri Johor
PENOLONG JURUAUDIT GRED W29		
1	Mohd Asri Mohamad Mahmud	Unit Audit Dalam Kementerian Sumber Manusia
2	Nur Syafika Farhana Suhaimi	Unit Audit Dalam Kementerian Belia dan Sukan
3	Nurshuhada Zahari	Unit Audit Dalam Kementerian Kewangan Malaysia
4	Nursyazana Jamaludin	Unit Audit Dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
5	Farah Yunus	JAN Negeri Terengganu
6	Muhammad Ashraf Mokhtar	JAN Negeri Pahang

Kursus Intensif Peperiksaan

Seksyen Pembangunan Kompetensi telah menganjurkan kursus intensif secara dalam talian selama dua hari pada 29 dan 30 Jun 2021 yang memfokuskan teknik-teknik menjawab soalan dengan tepat dan betul bagi subjek Perakaunan dan Pengauditan. Kursus intensif ini diadakan khusus untuk pegawai yang hampir tamat tempoh percubaan tiga tahun tetapi masih belum lulus peperiksaan perkhidmatan. Seramai sembilan orang pegawai lantikan tahun 2018 dan 22 orang pegawai lantikan tahun 2019 telah menghadiri kursus intensif ini.



Kursus Intensif yang dilaksanakan secara dalam talian pada 29 hingga 30 Jun 2021 menggunakan aplikasi *IceWarp*

Mesyuarat Panel Peperiksaan Jabatan

Mesyuarat Panel Peperiksaan Jabatan pada tahun 2021 telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 4 Mei 2021 dan 17 September 2021 untuk mengesahkan keputusan Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 2 Tahun 2020 dan Siri Khas Tahun 2021 bagi Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29.



Mesyuarat Panel Peperiksaan Jabatan yang diadakan secara dalam talian pada 17 September 2021

Pelaksanaan Kriteria Kecemerlangan Audit Jabatan Audit Negara

Kriteria Kecemerlangan Audit (KCA) merupakan kaedah tapisan baharu bagi urusan pemangkuan Juruaudit di JAN untuk mewujudkan satu mekanisme penilaian yang objektif, telus dan adil serta holistik di samping dapat mengekalkan keharmonian dalam Jabatan.

Mesyuarat Bersama Pihak INTAN, JPA

Pada 13 Oktober 2021, JAN telah mengadakan perbincangan dengan pihak INTAN berkaitan kursus program kursus program *Auditor Assessment Centre Program* (AACP) iaitu salah satu komponen KCA. AACP ialah aktiviti pengukuran tahap kompetensi dan potensi seseorang pegawai yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran, sahsiah dan profil peribadi sebagai asas pertimbangan yang kukuh terhadap kemampuan dan kesesuaian pegawai untuk memikul tugas kepimpinan pada tahap yang lebih tinggi dan dimensi yang lebih kompleks dalam Perkhidmatan Awam. Oleh itu, JAN telah berkolaborasi dengan INTAN, JPA untuk merealisasikan AACP, KCA.



Mesyuarat bersama pihak INTAN, JPA yang dilaksanakan secara dalam talian pada 13 Oktober 2021

Pra Bengkel Jawatankuasa Kerja KCA

Taklimat pelaksanaan KCA telah diadakan pada 23 Disember 2021 secara dalam talian kepada ahli Jawatankuasa Kerja KCA (JKK KCA). Tujuan pra bengkel ini ialah untuk memberi pendedahan awal kepada JKK KCA berkenaan proses dan pelaksanaan KCA di JAN.



Taklimat Pelaksanaan KCA di JAN dalam Pra Bengkel Jawatankuasa Kerja KCA yang dikendalikan secara dalam talian pada 23 Disember 2021

D. Seksyen Pengurusan Prestasi

Fungsi Seksyen Pengurusan Prestasi

Fungsi utama Seksyen Pengurusan Prestasi adalah sebagai urus setia bagi setiap urusan berikut:

i. Pemangkuan dan kenaikan pangkat pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan & Profesional dan Pelaksana.

ii. Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) JAN.

iii. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Prestasi).

iv. Pelaksanaan Dasar Pemisah bagi pegawai berprestasi rendah.

v. Pelantikan secara peminjaman/pertukaran sementara.

vi. Pencalonan pegawai JAN bagi Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan/Negeri.

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Jabatan Audit Negara



Keahlian Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) JAN

Mesyuarat PPSM telah diadakan secara bersemuka pada 25 Februari 2021 (Khamis) dengan objektif seperti di **Rajah 1**.



Rajah 1: Objektif Mesyuarat PPSM JAN Tahun 2021



Penyediaan dokumen bagi Mesyuarat PPSM JAN Tahun 2021

Penyampaian Surat Tawaran Pemangkuan dan Naik Pangkat Kepada Pegawai Oleh Ketua Audit Negara

Sesi perjumpaan bersama Ketua Audit Negara diadakan secara tertutup sebagai platform interaksi antara Ketua Audit Negara untuk menyampaikan amanat berserta surat penempatan pemangkuan dan kenaikan pangkat pegawai-pegawai JAN. Pada sesi ini, Ketua Audit Negara berkongsi pengalaman beliau dalam meniti perjalanan sebagai seorang penjawat awam serta menyampaikan nasihat, peringatan dan harapan beliau kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pemangkuan ke gred lebih tinggi.

Pada tahun 2021, sebanyak tujuh Sesi Perjumpaan Bersama Ketua Audit Negara telah diadakan secara bersemuka dan dalam talian seperti butiran berikut:

Bil.	Tarikh	Perkara
1.	19 Mac 2021	Penyampaian surat kenaikan pangkat kepada dua orang Juruaudit Gred W54, lima orang Juruaudit Gred W52, tiga orang Juruaudit Gred W48 dan 20 orang Juruaudit Gred W44.
2.	13 Julai 2021	Penyampaian surat pemberitahuan penempatan pemangkuan kepada lapan orang Juruaudit memangku Gred JUSA B dan Gred JUSA C serta penempatan pertukaran seramai tiga orang pegawai Gred JUSA C.
3.	12 Ogos 2021	Penyampaian surat pemberitahuan penempatan pemangkuan kepada enam orang Juruaudit memangku Gred W54.
4.	1 September 2021	Penyampaian surat pemberitahuan penempatan pemangkuan kepada lima orang Juruaudit memangku Gred W52.
5.	11 Oktober 2021	Penyampaian surat penempatan pertukaran kepada satu orang Juruaudit memangku Gred JUSA B.
6.	12 Oktober 2021	Penyampaian surat pemberitahuan penempatan pemangkuan kepada satu orang Juruaudit memangku Gred JUSA B dan dua orang Juruaudit memangku Gred JUSA C.
7.	21 Oktober 2021	Penyampaian surat pemberitahuan penempatan pemangkuan kepada enam orang Juruaudit memangku Gred W48.

Majlis Penyampaian Surat Penempatan dan Pemangkuan Gred JUSA B dan JUSA C pada 13 Julai 2021





Majlis Penyampaian Surat Penempatan Pemangkuan Juruaudit Gred W52 pada 1 September 2021

Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat JAN 2021 pada 3 September 2021





Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat JAN 2021 pada 23 November 2021






Ketua Audit Negara menyampaikan surat ucapan tahniah sempena kenaikan pangkat Juruaudit Gred W54, Juruaudit Gred W52, Juruaudit Gred W48 dan Juruaudit Gred W44 pada 19 Mac 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, Jabatan Audit Negara

Maklumat Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Yang Dinaikkan Pangkat Bagi Tahun 2021



Maklumat Pegawai Kumpulan Pelaksana Yang Dinaikkan Pangkat Bagi Tahun 2021




Bengkel Pembangunan Petunjuk Prestasi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 2 dan Tier 3 JAN Tahun 2021



Rajah 2: Pelaksanaan KPI PPTPA JAN bagi tahun 2021

Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) merupakan instrumen pengukuran prestasi yang digunakan untuk mentakrif, menilai dan melaporkan kemajuan penyampaian perkhidmatan oleh Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA).

BPSM telah menganjurkan Bengkel Pembangunan KPI Tier 2 dan Tier 3 secara dalam talian melalui platform *Google Meet* pada 21 dan 22 Januari 2021. Bengkel ini dikendalikan oleh penceramah dan fasilitator dari JPA yang bertujuan untuk memberikan penjelasan dan kefahaman mengenai pelaksanaan KPI serta memastikan pembangunan KPI Tier 2 dan Tier 3 adalah bertepatan dan selari dengan KPI Ketua Audit Negara dan *Outcome Based Budgeting* (OBB) JAN.



Bengkel Pembangunan KPI Tier 2 dan Tier 3 JAN yang dilaksanakan pada 21 dan 22 Januari 2021

Urusan Peminjaman dan Pertukaran Sementara

Sehingga 31 Disember 2021, JAN telah meminjamkan seramai 14 orang pegawai kepada 10 buah agensi yang terdiri daripada Agensi Kerajaan Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Agensi Swasta. Pecahan bagi urusan peminjaman dan pertukaran sementara yang masih berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti di **Rajah 3a** dan **3b**.

Peminjaman



Rajah 3a: Bilangan pegawai yang dilantik secara peminjaman

Pertukaran Sementara



Rajah 3b: Bilangan pegawai yang dilantik secara pertukaran sementara

Majlis Jamuan Makan Tengah Hari Bagi Meraikan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020, Pesara & Penghargaan 25 Tahun Perkhidmatan

Pada 7 April 2021 (Rabu) bertempat di Putrajaya Mariott Hotel, BPSM telah menganjurkan Majlis Jamuan Makan Tengah Hari bagi meraikan 144 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020, 32 orang pesara dan bakal pesara dan 17 orang penerima sijil penghargaan kerana telah berkhidmat selama 25 tahun dalam Perkhidmatan Awam. Pecahan kuota penerima APC 2020 JAN adalah seperti di **Rajah 4**.



Urus setia Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020, Pesara dan Penghargaan 25 Tahun Perkhidmatan yang diadakan di Putrajaya Mariott Hotel pada 7 April 2021



Ketua Audit Negara bergambar bersama Pengarah Sektor Pengurusan dan sebahagian urus setia Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020





Sekitar Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2020



Rajah 4: Pecahan Bilangan Kuota Penerima APC JAN Tahun 2020

E. Cawangan Pengurusan Sumber Manusia

Human Resource Meeting Conference

Pengurusan perhubungan yang cekap dan berkesan dalam perkhidmatan sumber manusia akan dapat memastikan penyampaian perkhidmatan yang responsif kepada kehendak dan keperluan seluruh kakitangan JAN. Oleh yang demikian, BPSM telah mengadakan *Human Resource Meeting Conference* (HRMC) yang melibatkan Ibu Pejabat dan JAN Negeri pada 30 September 2021.

HRMC merupakan program tahunan yang dirancang untuk diadakan di mana tahun 2021 merupakan tahun kedua program ini diadakan. Program ini merupakan salah satu inisiatif yang diambil untuk berkongsi serta memberi pendedahan kepada pengurus sumber manusia berkaitan pekeliling-pekeliling dan arahan dalaman di peringkat JAN Negeri.

Objektif Program HRMC adalah seperti berikut:

- Meningkatkan pengetahuan dan pendedahan mengenai pengurusan sumber manusia bagi setiap pengurus sumber manusia di JAN
- Menerapkan perkongsian kepakaran sumber manusia
- Memupuk kesedaran mengenai isu-isu yang sering dihadapi dan cabaran dalam pengurusan sumber manusia
- Memberi pendedahan kepada pengurus sumber manusia JAN mengenai Pekeliling yang berkuatkuasa serta arahan dalaman pihak Jabatan

Hari Bertemu Pelanggan di Ibu Pejabat JAN

BPSM telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan di peringkat JAN Negeri pada 21 September 2021 hingga 7 November 2021 dan di peringkat Ibu Pejabat JAN pada 8 November hingga 3 Disember 2021 mengikut sektor. Jadual pelaksanaan Hari Bertemu Pelanggan adalah seperti di **Rajah 5**. Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pegawai bagi menyemak dan mengesahkan rekod perkhidmatan pada ruangan Maklumat Peribadi, Kenyataan Perkhidmatan, Kenyataan Cuti dan Lembaran Kelakuan adalah tepat dan teratur bagi mengelakkan sebarang masalah waktu persaraan kelak.

Semasa sesi ini, pegawai juga berpeluang membuat semakan rekod di dalam HRMIS dan mendapatkan nasihat berhubung hal-hal perkhidmatan pegawai.

Jadual Pelaksanaan Hari Bertemu Pelanggan mengikut Sektor di Ibu Pejabat

Sektor	Tarikh
• Pejabat Ketua Audit Negara dan • Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan	8 hingga 12 November 2021
• Sektor Pengurusan	15 hingga 19 November 2021
• Sektor Audit Prestasi	22 hingga 26 November 2021
• Sektor Audit Kewangan	29 November hingga 3 Disember 2021

Rajah 5: Jadual Pelaksanaan Hari Bertemu Pelanggan mengikut Sektor di Ibu Pejabat








Program Hari Bertemu Pelanggan di Ibu Pejabat JAN mulai 8 November hingga 3 Disember 2021

Taklimat Dasar Pengurusan Tapisan Keselamatan dan Penggunaan Sistem e-Vetting (CGSO)

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) telah mengedarkan Surat Peringatan Berhubung Pelaksanaan Tapisan Keselamatan ke Atas Pegawai Awam di Kementerian/ Jabatan/Agensi Kerajaan bertarikh 9 Ogos 2021. Bagi memastikan pelaksanaan urusan tapisan keselamatan dan penggunaan sistem e-Vetting 2.0 dapat difahami dengan lebih mendalam dan dilaksanakan dengan tepat dan teratur, satu sesi taklimat Dasar Pengurusan Tapisan Keselamatan dan Penggunaan Sistem e-Vetting 2.0 (CGSO) kepada pengurus sumber manusia di Ibu Pejabat dan JAN Negeri telah diadakan secara dalam talian pada 22 September 2021.

Penyeragaman Borang dan Senarai Semak

BPSM telah mengambil inisiatif menyelaras dan menambah baik borang-borang yang digunakan di dalam semua urusan perkhidmatan di BPSM dan mewujudkan senarai semak sebagai rujukan warga JAN. Borang-borang dan senarai semak yang telah diseragamkan ini diberi kod borang untuk kemudahan rujukan dan boleh dimuat turun dari Laman Portal JAN mulai Disember 2021.



Tangkapan skrin senarai borang di portal JAN

F. Unit Kaunseling


Kaunseling merupakan satu proses dalam membantu klien memahami dirinya dan situasinya yang sebenar. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Kaunseling di BPSM adalah meliputi:

i. Khidmat kaunseling individu, kelompok, kerjaya dan keluarga.
ii. Khidmat nasihat dan bimbingan.

Pegawai JAN boleh mendapatkan khidmat kaunseling tersebut secara temu janji melalui pelbagai kaedah seperti berikut:

i. Hadir ke Pejabat.
ii. Menghubungi melalui telefon.
iii. Melalui surat menyurat.
iv. Melalui e-mel.

Bil.	Perkara/Aktiviti	Tarikh pelaksanaan	Catatan
1	**Ceramah** Ceramah Cakna Emosi dan Minda Kesan Covid-19 Siri 1, 2, 3, dan 4	• Siri 1 pada 10 Mac 2021 dengan melibatkan JAN Negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang (Zon Timur) • Siri 2 pada 12 April 2021 dengan melibatkan JAN Negeri Sembilan, Melaka dan Johor (Zon Selatan) • Siri 3 pada 30 Jun 2021 dengan melibatkan JAN Negeri Perlis, Perak, Kedah dan Pulau Pinang (Zon Utara) • Siri 4 pada 5 Ogos 2021 dengan melibatkan JAN Negeri Sabah dan Sarawak	Ceramah dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet* dengan melibatkan seramai 160 orang peserta dari empat zon Negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak
2	**Kursus Berskala Besar (KBS)** Ceramah Cakna Emosi dan Minda Kesan Covid-19 Siri 5/2021	Siri 5 pada 29 September 2021 dengan melibatkan Ibu Pejabat JAN dan JAN Negeri Selangor	Ceramah dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet* dengan melibatkan seramai 100 orang peserta dari Ibu Pejabat JAN dan JAN Negeri Selangor
3	**SPAN 2.0 (Sistem Pengurusan Audit Nilai 2.0)** Pelaksanaan Ujian Ideal Peribadi Organisasi dan Maklum Balas Pelanggan di JAN	1 September hingga 31 Disember 2021	Kajian dijalankan melalui Inventori Sistem Audit Nilai (iNSAN) JPA
4	**AKRAB** Kursus Pra AKRAB Tahap 1 di JAN	23 hingga 25 November 2021	Kursus dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet*
5.	**We Care We Share** Hebahan e-mel bagi tujuan perkongsian maklumat dan mempromosikan Unit Kaunseling	Hebahan seminggu sekali bagi sepanjang tahun 2021	Hebahan dibuat melalui e-mel rasmi @audit.gov.my



Ceramah Cakna Emosi Kesan Covid-19 Siri 5 Tahun 2021 pada 29 September 2021



Poster hebahan We Care We Share

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Fungsi Teknologi Maklumat

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM) adalah salah satu bahagian di bawah Sektor Pengurusan. Bahagian ini menyediakan perkhidmatan sokongan ICT kepada warga JAN dan bertanggungjawab terhadap perkembangan dan penyelarasan ICT di JAN. BTM dibahagikan kepada tiga seksyen dan fungsi setiap seksyen adalah seperti berikut:

Carta Fungsi Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTM)



Aktiviti Dan Pencapaian Program BTM Sepanjang Tahun 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT)



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) bertujuan untuk memastikan bahawa perancangan dan pelaksanaan program ICT JAN dilaksanakan selaras dengan dasar ICT kerajaan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara, YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid dan telah diadakan sebanyak tiga kali bagi tahun 2021 seperti berikut:

- Mesyuarat JPICT Bil. 1/2021 - 11 Januari 2021 diadakan secara dalam talian
- Mesyuarat JPICT Bil. 2 /2021 - 11 Ogos 2021 diadakan secara dalam talian
- Mesyuarat JPICT bagi Bil. 3/2021 - 15 Disember 2021 di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 8, Blok F2

Jawatankuasa Chief Information Officer (JKCIO)



Mesyuarat Jawatankuasa Kerja *Chief Information Officer* (JKCIO) bertujuan untuk memproses dan menilai semua permohonan perolehan projek ICT Jabatan serta melaporkan kepada JPICT. Mesyuarat dipengerusikan oleh *Chief Information Officer* (CIO) yang kini telah ditukar kepada *Chief Digital Officer* (CDO).

Mesyuarat ini telah diadakan sebanyak tiga kali pada tahun 2021 secara dalam talian seperti berikut:

Mesyuarat JKCIO Bil. 1/2021 - 20 April 2021

Pengerusi : *Chief Information Officer* (CIO), YBrs. Tuan Haji Khalid Khan Abdullah Khan

Mesyuarat JKCIO Bil. 2/2021 - 23 Jun 2021


Pengerusi: *Chief Information Officer* (CIO), YBrs. Tuan Haji Khalid Khan Abdullah Khan

Mesyuarat JKCIO Bil. 3/2021 - 1 November 2021

Pengerusi: *Chief Digital Officer* (CDO), YBrs. Puan Patimah Ramuji

Bengkel Pelan Strategik Pendigitalan Perkhidmatan JAN







Pelan Strategik Pendigitalan JAN 2021-2025 dibangunkan bagi menggantikan Pelan Strategik ICT 2015-2020. Sebanyak tiga siri bengkel PSP telah diadakan sepanjang tahun 2021 dengan bimbingan Pasukan Perunding Perancangan Strategik ICT MAMPU:

Bengkel Siri 1 (Fasa Analisis) - 3 hingga 4 Jun 2021 secara dalam talian.

Bengkel Siri 2 (Fasa Strategi & Formulasi) - 26 hingga 27 Ogos 2021 secara dalam talian.

Bengkel Siri 3 (Pemurnian Dokumen) - 28 hingga 29 Oktober 2021 diadakan secara hibrid, Bilik Mesyuarat Siber BTM bagi warga JAN HQ dan secara dalam talian bersama pihak MAMPU.

A. Infrastruktur Dan Infostruktur

Bahagian Operasi BTM memainkan peranan untuk infrastruktur dan infostruktur ICT di JAN. Antara aktiviti yang dilakukan ialah perolehan-perolehan ICT, bantuan-bantuan teknikal, *troubleshooting,* Pusat Data, pengurusan meja bantuan (helpdesk) dan e-mel.

Perolehan ICT



Aktiviti penyerahan dan pemasangan komputer riba bawah Projek Perkhidmatan Sewa Beli Peralatan ICT di Jabatan Audit Negara pada Januari 2021




Aktiviti perolehan dan penyerahan peralatan kamera sidang video untuk kegunaan mesyuarat secara dalam talian/ hidrid di Jabatan Audit Negara pada bulan Oktober 2021

Bantuan Teknikal



Aktiviti bantuan teknikal mesyuarat/ majlis di Jabatan Audit Negara sepanjang tahun 2021

Troubleshooting Pusat Data



Aktiviti *troubleshooting* di pusat data Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara sepanjang tahun 2021

Pengurusan Meja Bantuan (Helpdesk)



Aktiviti *troubleshooting* yang diterima dan dilaksanakan di tempat pengguna

Pengurusan E-mel



Aktiviti hari migrasi e-mel dari *Icewarp* kepada *Google Workspace* (GWS) di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat JAN

B. Seksyen Aplikasi

Portal Rasmi JAN



Kursus Asas & Pertengahan Pengurusan *Joomla Content Management System* (CMS) pada 6 hingga 8 September 2021



Sesi Pengujian *User Acceptance Test* (UAT) bagi Portal Rasmi JAN pada 4 Oktober 2021



Sesi Latihan Pentadbir bagi Pengurusan Kandungan, Artikel dan Maklumat Portal Jabatan Audit Negara (JAN) pada 10 September 2021

Pembangunan Projek Sistem AG's Dashboard versi 3.0









Sesi *Provisional Acceptance Test* (PAT) Sistem AG's Dashboard v3.0 yang dihadiri BSA, SAK, SAP, SAS pada 13 dan 14 April 2021







Sesi *Provisional Acceptance Test* (PAT) Sistem AG's Dashboard v3.0 yang dihadiri Auditi KPM, KKM, MINDEF dan KPT pada 15 April 2021



Sistem AG's Dashboard Go Live pada 30 Mei 2021 jam 12.01 am

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020



Sesi Raptai Majlis APC 2020 pada 5 April 2021 di BTM







Sesi Raptai Sistem Pendaftaran dan Sistem Queue APC di Majlis APC 2020, 25 Tahun Perkhidmatan dan Pesara pada 6 April 2021 di Hotel Marriot, Putrajaya











Bantuan teknikal Sistem Pendaftaran dan Sistem Queue APC di Majlis APC 2020, 25 Tahun Perkhidmatan dan Pesara pada 7 April 2021 di Hotel Marriot, Putrajaya

RM3.8B TAX REFUNDS NOT PAID OUT

IRB cites audits for delay, says auditor general

NURAZIMMAH DAIM
PUTRAJAYA
news@mst.com.my



THE Inland Revenue Board (IRB) has yet to pay out RM3.807 billion in tax refunds for the 2017 assessment year and the years before it, said the 2019 Auditor General's Report (Compliance Audit Report).

Auditor General Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid said IRB had cited audits for some of the claims for the delay.

He said the Auditor General's Report had recommended that IRB take the Refund First Audit Later (ReFAL) approach to ensure it could pay the refunds.

This, Nik Azman said, was to prevent late payment charges due to the delay, as stipulated under Section 111D of the Income Tax Act (Act 53).

"There were several reasons cited by IRB, including audits that needed to be conducted as well as taking into account the latest payments by taxpayers, as mentioned in the report," he said at a media briefing here yesterday.

He said the commitment to repay the tax refunds led the IRB to bear late payment charges of RM38.29 million for 135,960 cases backdated from 2013.

The report stated that up to Jan 1 last year, tax refund commitments stood at RM18.436 billion.

The report stated that a late payment compensation of two per cent daily would be charged 90 days after submitting the form via e-filing, and 120 days after manual submission of tax returns.

He said the federal government had last year set aside RM28 billion to settle tax refund payouts.

The audit found that up to Dec 31 last year, the tax refund commitments stood at RM10.85 billion involving 1.26 million taxpayers.



The Auditor-General's Report recommends that IRB use the Refund First Audit Later approach to ensure it can pay tax refunds. FILE PIC

Pengurusan kuarters di Putrajaya kurang cekap

KUALA LUMPUR: Pengurusan penyenggaraan, pembaikan dan naik taraf kuarters di Putrajaya yang kurang cekap menyebabkan kelewatan serahan semula kediaman yang telah dibaiki kepada penghuni baharu.

Perkara itu dimaklumkan oleh Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 dengan mengatakan pengurusan penyenggaraan, pembaikan dan naik taraf kuarters di Putrajaya selaian Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) Jabatan Perdana Menteri dilaksanakan dengan kurang cekap dan berkesan.

Menurut laporan berkenaan, terdapat kelemahan dalam pemantauan dan pengurusan aduan kerosakan serta proses pembaikan dan naik taraf unit kuarters kosong yang tidak teratur.

"Keadaan ini menyebabkan kelewatan serahan semula kuarters yang telah dibaiki kepada Unit Kuarters untuk penawaran kepada penghuni baru," menurut laporan itu.

